


MAKLUM BALAS KERAJAAN  
TERHADAP LAPORAN TAHUNAN  
SURUHANJAYA HAK ASASI  
MANUSIA MALAYSIA  
2017 DAN 2018







**MAKLUM BALAS KERAJAAN  
TERHADAP LAPORAN TAHUNAN  
SURUHANJAYA HAK ASASI  
MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)  
TAHUN 2017 DAN 2018**



# MUKADIMAH

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] melalui seksyen 21(1) telah memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) perlu mengemukakan Laporan Tahunan pada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun. Selaras dengan itu, Laporan Tahunan SUHAKAM 2017 telah dikemukakan kepada Parlimen pada 15 Oktober 2018 dan Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 telah dikemukakan kepada Parlimen pada 11 April 2019.

Laporan Tahunan tersebut telah melaporkan kesemua aktiviti SUHAKAM sepanjang tahun 2017 dan 2018 dan turut mengutarakan pandangan serta syor berkaitan pelbagai isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Pada pelaporan kali ini, antara isu-isu utama hak asasi manusia yang ditekankan oleh pihak SUHAKAM adalah hak tanah Orang Asal, kematian dalam tahanan, hak kepada kesihatan di penjara, hak untuk berhimpun, pendidikan hak asasi manusia, triti hak asasi manusia antarabangsa, pencegahan keganasan, permerdagangan orang dan penyeludupan migran, pelarian dan pemohon suaka, hak asasi manusia dan perniagaan serta isu kanak-kanak.

Kesemua isu-isu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM dalam Laporan Tahunan berkait dengan bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Agensi, termasuk

Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) selaku *focal agency* yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan menyediakan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM, telah mengenal pasti agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mengambil tindakan susulan dengan meneliti dan mengemukakan maklum balas kepada isu-isu terbabit. Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2017 dan 2018 ini telah diselaraskan berdasarkan maklum balas-maklum balas yang diterima daripada agensi-agensi berkaitan setakat Oktober 2019 yang bertujuan untuk memberi makluman dan penjelasan mengenai tindakan-tindakan penyelesaian atau susulan yang diambil untuk memperbaiki keadaan serta kekangan-kekangan yang timbul.

Penyediaan maklum balas Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM mencerminkan usaha Kerajaan bagi memastikan keperluan dan kepentingan setiap golongan masyarakat khususnya dari segi hak asasi manusia terjamin dan terpelihara.



# ISI KANDUNGAN

## **MUKADIMAH**

### **BAB 1: MENERUSKAN MANDAT HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA**


- A. PENDIDIKAN , PROMOSI DAN PUBLISITI
- B. KUASA MENASIHAT BERHUBUNG ASPEK PERUNDANGAN DAN DASAR
- C. ADUAN DAN PEMANTAUAN

### **BAB 2: MEMPERTAHANKAN / MEMBELA HAK ASASI MANUSIA UNTUK KOMUNITI RENTAN**

- A. ORANG ASAL / ASLI
- B. KANAK – KANAK
- C. WANITA
- D. TANPA KEWARGANEGARAAN
- E. PELARIAN DAN PEMOHON SUAKA
- F. PEMERDAGANGAN MANUSIA
- G. PEKERJA
- H. ORANG KURANG UPAYA
- I. LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER
- J. BULI SIBER DAN HAK ASASI MANUSIA


### **BAB 3: PENETAPAN PRESTASI DAN PIAWAI HAK ASASI MANUSIA**

- A. DEMOKRASI, TADBIR URUS BAIK DAN HAK ASASI MANUSIA
- B. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN
- C. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA
- D. BADAN KEAGAMAAN DAN HAK ASASI MANUSIA
- E. KETERLIBATAN ANTARABANGSA
- F. SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN









# **BAB 1**

## MENERUSKAN MANDAT HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA



**BAB 1 – MENERUSKAN MANDAT HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA****MUKA  
SURAT**

<b>A</b>	<b>PENDIDIKAN, PROMOSI DAN PUBLISITI</b>	<b>5</b>
	LAPORAN 2017	<b>5</b>
1.	Bahagian Pendidikan dan Latihan	<b>5</b>
1.1	Program Hak Asasi Manusia untuk Agensi Penguatkuasaan	<b>5</b>
2.	Program-program kesedaran di Sabah	<b>7</b>
2.1	SUHAKAM Bersama Masyarakat daerah kecil Paitan	<b>7</b>
2.2	SUHAKAM Bersama Masyarakat di Kampung Maukab, Ranau	<b>8</b>
	LAPORAN 2018	<b>8</b>
1.	Perlindungan daripada penyeksaan dan hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah	<b>8</b>
1.1	Program UNCAT bersama pelbagai pihak berkepentingan	<b>8</b>
2.	Memorandum yang dikemukakan kepada wakil Malaysia ke Suruhanjaya antara Kerajaan Asean mengenai hak asasi manusia dan Kementerian Luar Negeri Malaysia.	<b>13</b>
3.	Penyertaan awam dan kemasyarakatan	<b>14</b>
i.	Pendidikan	<b>14</b>
ii.	Hak Mengundi	<b>16</b>
iii.	Kebebasan bersuara	<b>15</b>
iv.	Pekerjaan	<b>16</b>
<b>B</b>	<b>KUASA MENASIHAT BERHUBUNG ASPEK PERUNDANGAN DAN DASAR</b>	<b>18</b>
	LAPORAN 2018	<b>18</b>
1.	Pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 [Akta 597]	<b>18</b>
<b>C</b>	<b>ADUAN DAN PEMANTAUAN</b>	<b>19</b>
	LAPORAN 2017	<b>19</b>
1.	Kumpulan Pemantauan dan Aduan	<b>19</b>
2.	Siasatan Terhadap Aduan	<b>20</b>
2.1	Siasatan Awam berhubung kehilangan beberapa individu	<b>20</b>
3.	Hak kanak-kanak	<b>21</b>

---

4.	Penahanan bawah undang-undang pencegahan	<b>22</b>
4.1	Penahanan kanak-kanak di bawah POCA	<b>22</b>
4.2	Dakwaan penggunaan kekerasan melampau terhadap tahanan	<b>22</b>
	a) Dakwaan permintaan rasuah untuk pembebasan	<b>22</b>
5.	Pemerdagangan orang	<b>23</b>
6.	Aduan berhubung hak asasi dan perniagaan	<b>23</b>
7.	Hak Orang Asli	<b>25</b>
8.	Kematian dalam tahanan	<b>26</b>
	8.1 Lawatan ke tempat tahanan	<b>27</b>
	Penyelesaian aduan Sabah	<b>30</b>
	1. Skop Aduan	<b>30</b>
	2. Aduan berkaitan Isu Tanah	<b>30</b>
	Penyelesaian aduan di Sarawak	<b>30</b>
	1. Tanah adat serta permasalahan yang berkaitan dengan tuntutan tanah adat	<b>30</b>
	2. Isu kewarganegaraan	<b>31</b>

## A. PENDIDIKAN, PROMOSI DAN PUBLISITI

### LAPORAN 2017

#### 1. Bahagian Pendidikan dan Latihan

##### 1.1 Pendidikan Hak Asasi Manusia di Sekolah

Langkah penambahbaikan dalam beberapa aspek masih boleh dilakukan antaranya:

- i. SUHAKAM mendapati pertukaran dalam pengurusan tertinggi di sekolah atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau ketua-ketua jabatan di KPM telah mempengaruhi keberkesanan dan kelangsungan program. Senario yang serupa juga dilihat berlaku di kalangan guru yang telah dilatih di sekolah. SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa guru telah bertukar ke sekolah lain sebelum mereka berpeluang untuk berkongsi maklumat bersama sekolah masing-masing. Atas sebab itu, program ini tidak dapat dilaksanakan di sekolah seperti yang dirancang.
- ii. Satu daripada objektif ATHAM adalah untuk menyemai nilai hak asasi manusia sebagai satu budaya di sekolah. Untuk itu, kerjasama daripada para guru yang tidak dilatih atau terlibat dengan ATHAM adalah sangat diperlukan bagi memastikan penglibatan yang menyeluruh.
- iii. Seseengah pentadbir sekolah mempunyai persepsi kurang tepat bahawa pendidikan hak asasi manusia, hak kanak-kanak dan ATHAM adalah bertentangan dengan syarat dan peraturan di sekolah masing-masing dan beranggapan bahawa pelaksanaan ATHAM akan mengganggu pengurusan sekolah. Mereka menyatakan kebimbangan sekiranya timbul masalah apabila para pelajar mula menuntut hak mereka.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) memaklumkan:** Pertukaran seseorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang memegang jawatan pengurusan samada di sekolah, Pejabat Pendidikan

Daerah atau Bahagian di KPM sememangnya berlaku dari masa ke semasa disebabkan beberapa faktor seperti pusingan kerja, permohonan perpindahan oleh pegawai sendiri ke tempat baharu, keperluan mengisi kekosongan jawatan atau disebabkan pegawai dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi. Perubahan kepimpinan yang berlaku tidak menjejaskan perjalanan program yang telah dirancang dan dipersetujui pelaksanaannya pada sesuatu tahun kewangan. Pegawai yang bertukar juga boleh membawa pengetahuan ke tempat baharu bagi memastikan kesinambungan program terus berlaku. Pentadbir sekolah atau ketua Jabatan biasanya akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (**ATHAM**) terus berjalan dengan baik. Selain daripada itu guru-guru dan pegawai-pegawai baharu yang dipilih juga boleh dipanggil menghadiri latihan yang diperlukan bagi memastikan penglibatan yang menyeluruh.

**Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) memaklumkan** bahawa **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** dan SUHAKAM sentiasa bekerjasama bagi memastikan semua guru mempunyai kemahiran dan asas dalam pelaksanaan ATHAM di sekolah-sekolah terlibat. Sebagai satu pendekatan bagi tujuan tersebut, SUHAKAM dengan kerjasama KPM sedang melaksanakan **Bengkel Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah** dan **Latihan Kejurulatihan Modul Hak Asasi Manusia Pasca Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Pentaksiran Tingkatan 3** di seluruh negara mengikut zon melibatkan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid atau penyelaras ATHAM di sekolah-sekolah terlibat. Bagi memastikan perlaksanaan ATHAM di sekolah, KPM telah mewajibkan Guru Penolong Kanan HEM untuk hadir ke bengkel tersebut bertujuan membolehkan arahan yang diberikan kepada mana-mana guru yang sesuai untuk melaksanakan program ATHAM di sekolah. Isu pertukaran guru dalam pelaksanaan ATHAM juga dapat ditangani kerana Guru Penolong Kanan HEM boleh melantik mana-mana guru yang sesuai bagi menyelaraskan program tersebut di sekolah.

**BPSH turut memaklumkan** bahawa kerjasama di antara KPM dan SUHAKAM melalui program “Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia” (ATHAM) di sekolah bermula sejak tahun 2008 dengan rintis sebanyak lima (5) buah sekolah pada tahun 2009. Sehingga 2016, jumlah keseluruhan sekolah ATHAM adalah sebanyak 222

buah sekolah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Semua sekolah yang dilantik melaksanakan program ATHAM di peringkat sekolah masing-masing dan menjadi contoh dalam membudayakan ATHAM di daerah dan negeri masing-masing. Sehingga kini, tiada isu berkaitan pelaksanaan ATHAM yang dibangkitkan oleh pentadbir sekolah. Matlamat pelaksanaan ATHAM di sekolah-sekolah adalah bagi mewujudkan dan mengamalkan budaya hak asasi manusia di sekolah dan amalan secara bertanggungjawab untuk keharmonian sosial dan kesejahteraan hidup yang berterusan. Objektif pelaksanaan ATHAM di sekolah-sekolah terlibat adalah seperti berikut:

- a. Menggalakkan murid dan warga sekolah untuk memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah untuk mengamalkan hak asasi manusia dan hak kanak-kanak;
- b. Memupuk sikap hormat menghormati dan bertanggungjawab berkaitan hak asasi manusia dan hak kanak-kanak serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian;
- c. Meningkatkan pemahaman dan amalan hak asasi manusia dan hak kanak-kanak untuk kesejahteraan semua;
- d. Menggalakkan murid dan guru untuk memberi perhatian kepada aspek-aspek hak asasi manusia dan hak kanak-kanak dalam merancang dan melaksanakan aktiviti di sekolah;
- e. Berkongsi pengalaman tentang hak asasi manusia dan hak kanak-kanak yang telah diamalkan di sekolah dengan masyarakat setempat; dan mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan murid tanpa mengira kaum, agama dan jantina.

### 1.1 Program Hak Asasi Manusia Untuk Agensi Penguatkuasaan

Pada tahun 2017, SUHAKAM dengan kerjasama Jabatan Penjara terus menjalankan program kesedaran hak asasi manusia. Buat julung kalinya tahun ini, SUHAKAM menganjurkan program latihan hak asasi manusia untuk pegawai perubatan dan pembantu perubatan yang bertugas di penjara dengan tema hak banduan kepada kesihatan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

### Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod dan Penolong Pegawai Perubatan di Penjara

Pada tahun 2018, SUHAKAM dan Penjara Malaysia telah menganjurkan empat bengkel hak asasi manusia dengan memberi fokus kepada “Hak kepada Kesihatan di Penjara dan Pengurusan Rekod Banduan yang Berkesan” sebagaimana di bawah:

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia	7 – 9 Ogos	Kota Kinabalu, Sabah
2.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia	15 – 16 Ogos	Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah
3.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia	15 – 17 Oktober	Institut Koreksional Malaysia, Tanjung Kling, Melaka
4.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia	13 – 15 November	Ipoh, Perak

Dua bengkel hak asasi manusia kepada penolong pegawai perubatan merupakan kesinambungan daripada sesi yang serupa kepada pegawai perubatan yang dikaderkan ke Jabatan Penjara, yang dijalankan pada tahun 2017. Lebih kurang 60 orang penolong pegawai perubatan yang bertugas di penjara seluruh negara telah menyertai bengkel ini. Selain pegawai SUHAKAM yang menyampaikan maklumat mengenai piawaian hak asasi manusia antarabangsa berkaitan hak kepada kesihatan di penjara, SUHAKAM juga mengundang Dato’ Dr. Zahari Noor, Ketua Jabatan Forensik Hospital Pulau Pinang dan Dr. Mohd Nor Hayat Mamat, Ketua Unit Perubatan di Jabatan Penjara untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran tentang rawatan perubatan kepada banduan serta peranan

penolong pegawai perubatan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di penjara.

Dua bengkel kepada Pegawai Rekod memberi fokus kepada pengurusan rekod banduan yang berkesan dan isu-isu yang boleh menghalang amalan hak asasi manusia dalam tugas harian pegawai. PKP Masran Muhamad daripada Bahagian Keselamatan dan Inteligen Jabatan Penjara dijemput untuk berkongsi pengetahuan tentang pengurusan rekod dan pelanggaran hak asasi manusia yang mungkin boleh berlaku disebabkan sistem pengurusan rekod yang lemah. Bengkel ini berjaya meningkatkan pengetahuan peserta tentang hak asasi manusia dan kenyataan ini dapat dilihat menerusi purata markah jawapan yang betul dalam ujian sebelum dan selepas bengkel:

Bil.	Program	Markah Purata Ujian Sebelum Bengkel	Markah Purata Ujian Selepas Bengkel
1.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia, 7-9 Ogos	20%	67%
2.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia, 15-16 Ogos	51.25%	69.93%
3.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia, 15 – 17 Oktober	34.82%	79.48%
4.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia, 13 – 15 November	46%	79%

Kedua-dua bengkel mendapat sambutan yang baik daripada peserta. Para peserta berkongsi beberapa cabaran yang mereka hadapi dan membuat beberapa pengesyoran untuk menambah baik penjara dengan mengambil pendekatan berasaskan hak asasi manusia. Kebanyakan peserta mencadangkan agar SUHAKAM meneruskan program latihan Pembangunan Modal Insan kepada Jabatan Penjara.

## 2. PROGRAM-PROGRAM KESEDARAN DI SABAH

### 2.1 “SUHAKAM Bersama Masyarakat” daerah kecil Paitan

Program SUHAKAM Bersama Masyarakat kali pertama untuk tahun 2017 telah dianjurkan pada 12 hingga 13 Ogos 2017 di daerah kecil Paitan, Beluran dengan kerjasama Pejabat Daerah Kecil Paitan. SUHAKAM memberi peluang kepada orang awam untuk membuat aduan berkenaan pencabulan hak asasi manusia, agensi-agensi lain kerajaan persekutuan dan negeri turut di jemput untuk menyertai program ini bagi membolehkan orang awam melaporkan isu-isu yang berkaitan dengan sistem penyampaian kerajaan.

SUHAKAM telah menerima sejumlah 66 aduan sepanjang program dua hari tersebut. Antara isu yang dibangkitkan termasuklah:

- i. Isu kewarganegaraan yang berkaitan dengan dokumentasi
- ii. Tanah
- iii. Harga makanan yang tidak terkawal
- iv. Pendatang asing tanpa izin
- v. Akses kepada air bersih
- vi. Kemudahan perubatan

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum terhadap isu yang dibangkitkan. Antara isu yang dihadapi oleh penduduk di Sabah adalah isu kekurangan pakar dan fasiliti kesihatan yang lama dan usang. Beberapa langkah penambahbaikan telah dirancang dan dilaksanakan antaranya adalah pelaksanaan hospital kluster di mana kepakaran akan diperluaskan ke hospital tanpa pakar bagi membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar. Hospital kluster terbaru yang dilaksanakan adalah Hospital Kluster Sandakan dimana Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan menyediakan khidmat kepakaran



ke hospital Kinabatangan dan Hospital Beluran. Bangunan Hospital Beluran juga akan dinaiktaraf dengan bangunan klinikal yang baru.

## 2.2 SUHAKAM Bersama Masyarakat di Kampung Maukab, Ranau

Program SUHAKAM Bersama Masyarakat yang kedua telah diadakan pada 11 Oktober 2017 di Kampung Maukab, Ranau. Objektif utama program ini adalah untuk menyebarkan maklumat tentang peranan dan fungsi SUHAKAM. Selain itu, Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah juga turut mengambil kesempatan menjelaskan mengenai konsep Geran Komunal dan penyukatan tanah adat dan hak milik di bawah program PANTAS. Pengarah Jabatan Integriti dan Tadbir Urus juga turut menjelaskan kerja semasa organisasi dalam menangani isu-isu:

- i. Tanah adat
- ii. Pembiayaan penyukatan tanah dibawah program PANTAS Sabah

Program PANTAS dilancarkan di Kampung Maukab pada 2016 untuk meninjau tuntutan tanah NCR yang melibatkan kawasan seluas 550 hektar. Sehingga kini, 509 lot telah disukat, dan sebanyak 208 lot telah diproses dan diluluskan untuk pengeluaran geran hakmilik tanah oleh jawatankuasa khas PANTAS.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Program Pengukuran PANTAS di Kg Maukab telah selesai dijalankan pada November 2018. Sebanyak 648 Lot tanah dengan jumlah keluasan 518.886 hektar telah diukur untuk penduduk-penduduk anak negeri di kawasan kampung Maukab.

Pada tahun 2019, Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) telah memperuntukan RM 20 juta untuk program pengukuran tanah anak negeri di Sabah.

## LAPORAN 2018

### 1. PERLINDUNGAN DARIPADA PENYEKSAAN DAN HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ATAU MENJATUHKAN MARUAH.

#### 1.1 Program UNCAT bersama pelbagai pihak berkepentingan.

SUHAKAM telah menganjurkan satu siri program UNCAT pada 2 - 5 Julai 2018 di Kuala Lumpur bersama pertubuhan Islam Malaysia dan pihak berkuasa agama, Ahli Parlimen dan pelbagai agensi kerajaan, serta Menteri Luar Negeri, YB Dato' Saifuddin Abdullah.

Program tersebut bertujuan untuk mengkaji halangan-halangan ketidaksertaan Malaysia kepada UNCAT terutamanya ketidakserasian undang-undang domestik, sivil dan syariah dengan UNCAT, serta mempelajari daripada bidang kuasa lain dan untuk mendapatkan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan ke arah menyokong penyertaan Malaysia kepada konvensyen.

Antara isu dan syor utama yang diperolehi daripada program ini termasuklah:

- i. Anggapan bahawa agama Islam dan UNCAT tidak selaras tidak boleh menjadi halangan bagi Malaysia untuk meratifikasi konvensyen itu dan untuk memajukan agenda hak asasi manusia di negara ini;
- ii. Undang-undang Syariah tidak menjadi penghalang kepada penyertaan Malaysia kepada UNCAT kerana peruntukan kesalahan dan hukuman di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 dan Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 tidak tertakluk dalam definisi "penyeiksaan" seperti yang terkandung dalam UNCAT; dan



## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Artikel 1(1) UNCAT memperuntukan bahawa

*“For the purposes of this Convention, the term “torture” means any act by which severe pain or suffering, whether physical or mental, is intentionally inflicted on a person for such purposes as obtaining from him or a third person information or a confession, punishing him for an act he or a third person has committed or is suspected of having committed, or intimidating or coercing him or a third person, or for any reason based on discrimination of any kind, when such pain or suffering is inflicted by or at the instigation of or with the consent or acquiescence of a public official or other person acting in an official capacity. It does not include pain or suffering arising only from, inherent in or incidental to lawful sanctions”*

Berdasarkan Artikel 1(1) ini hukuman sebatan yang dikenakan oleh mahkamah syariah tidak terjumlah dalam kategori “torture” atau penyeksaan seperti yang didefinisikan oleh UNCAT. Ini kerana hukuman sebatan tersebut adalah diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 dan Akta Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang merupakan undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen.

Walau bagaimanapun, pemerhatian lanjut JAKIM mendapati Artikel 1(1) ini bercanggah dengan Artikel 5(3). Justeru, definisi penyeksaan yang diperuntukan dalam UNCAT adalah tidak tetap dan tidak konsisten. Walau apa pun definisi UNCAT berhubung dengan penyeksaan, JAKIM berpendirian bahawa hukuman sebatan yang dikenakan oleh mahkamah syariah tidak boleh dianggap dalam apa jua cara sebagai suatu bentuk penyeksaan. Ini kerana prinsip hukuman sebatan dalam undang-undang syariah adalah mengambil kira rahmah dalam perundangan Islam yang bertujuan untuk mendidik (*ta’dib*) bukan menyeksa. Hukuman ini juga telah diperuntukkan secara sah di bawah undang-undang.

iii. Pendidikan dan kesedaran tentang UNCAT dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia hendaklah berdasarkan kepercayaan asas bahawa Islam melarang penyeksaan dan kekejaman.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

**Bahagian Pendidikan Islam (BPI) memaklumkan** penerapan nilai kasih sayang dan hormat menghormati serta benci kekejaman dan penyeksaan telah dimasukkan dalam kurikulum Pendidikan Islam melalui pembelajaran dalam bidang akhlak Islamiyah, kefahaman ayat al-Quran, hadis dan sirah nabawiyah.

**BPI** memaklumkan susulan daripada perjumpaan pihak SUHAKAM dengan BPI, elemen nilai dan hak asasi manusia telah dimasukkan dalam Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni untuk dijadikan panduan kepada pihak sekolah bagi pelaksanaan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dalam perhimpunan rasmi sekolah.

Seterusnya Elemen nilai dan hak asasi manusia dimasukkan dalam tajuk-tajuk exemplar pendidikan sivik dalam 5 mata pelajaran iaitu, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral untuk pengajaran dan pembelajaran. Selain dalam bilik darjah, murid-murid juga akan melaksanakannya dalam aktiviti kokurikulum.

- iv. Dialog yang lebih kerap dalam kalangan ulama dan ahli akademik Malaysia perlu diadakan untuk melihat kesesuaian UNCAT dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip-prinsip Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam.
- v. Malaysia perlu mencontohi amalan terbaik negara-negara Islam yang lain seperti Tunisia dan Qatar yang telah menggantikan hukuman sebat dengan bentuk hukuman lain bagi kesalahan jenayah seperti penjara.
- vi. Perlu ada perbincangan yang konstruktif dalam kalangan masyarakat Malaysia berhubung dengan penyertaan Malaysia dalam UNCAT walaupun pandangan mereka yang berbeza berkaitan dengan integrasi nilai sejagat ke dalam konteks domestik. Adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk memahami bahawa tujuan UNCAT bukanlah untuk mengenakan satu lagi nilai dan budaya dengan tujuan untuk melemahkan kepercayaan dan nilai keagamaan yang sedia ada di Malaysia.
- vii. “Pencegahan” merupakan elemen utama di bawah UNCAT yang bertujuan untuk

melarang penyeksan dan layanan buruk dan mempertahankan akauntabiliti Negara Ahli dalam melaksanakan langkah-langkah berkesan seperti yang digariskan dalam konvensyen.

- vii. Setiap Negara Ahli dibenarkan membuat pengisytiharan dan pengecualian terhadap beberapa artikel dalam UNCAT. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dibuat berdasarkan justifikasi yang kukuh supaya tidak menjejaskan objektif konvensyen tersebut.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

1. Kerajaan sentiasa bersikap terbuka untuk meneliti dan mengkaji apa jua konvensyen dan triti antarabangsa yang dikeluarkan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) termasuk Konvensyen Menentang Penyeksan dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT). Kerajaan berpandangan bahawa sebarang keputusan untuk menjadi Negara Pihak kepada mana-mana konvensyen atau triti antarabangsa hendaklah dibuat berdasarkan beberapa prinsip, termasuklah:
  - (a) manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada negara dan rakyat negara ini setelah Malaysia menjadi Negara Pihak dari semua aspek seperti ekonomi, politik, sosial, budaya dan undang-undang negara;
  - (b) keserasian antara konsep, falsafah, peruntukan dan segala kehendak dalam konvensyen atau triti antarabangsa berkenaan dengan dasar, perundangan dan urusan pentadbiran negara; dan
  - (c) keupayaan negara untuk melaksanakan obligasi serta komitmen di bawah konvensyen atau triti antarabangsa tersebut serta implikasi yang akan timbul akibat kegagalan Malaysia untuk melaksanakan obligasi serta komitmen seperti pemantauan dan saranan oleh badan-badan triti dan tindakan penyelesaian pertikaian yang dibawa oleh Negara Pihak yang lain atas kegagalan Malaysia untuk mematuhi obligasi atau komitmen triti.
2. Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, Malaysia hendaklah mewujudkan kerangka perundangan yang bersesuaian dan selaras dengan peruntukan konvensyen atau triti antarabangsa berkenaan termasuk UNCAT sebelum tindakan meratifikasi sesuatu konvensyen atau triti antarabangsa dibuat. Perkara ini kerana sebagai Negara Pihak, Malaysia terikat dari segi undang-undang untuk melaksanakan sepenuhnya keseluruhan kehendak dan peruntukan sesuatu konvensyen atau triti antarabangsa.
3. Secara umumnya, Negara Pihak kepada suatu konvensyen antarabangsa mengenai hak-hak asasi manusia boleh membuat reservasi terhadap peruntukan-peruntukan konvensyen tersebut. **Walaupun bagaimanapun, Negara Pihak tidak dibenarkan untuk membuat reservasi yang tidak selaras dengan objektif dan tujuan konvensyen tersebut.**
4. Berhubung dengan penyertaan (*accession*) Malaysia ke UNCAT, Jabatan Peguam Negara telah mengambil tindakan proaktif dengan membuat kajian undang-undang mengenai perkara ini dan mengadakan sesi perbincangan dengan *ACT4CAT Coalition* yang terdiri daripada SUHAKAM, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *Amnesty International Malaysia*, *Lawyers for Liberty* dan Majlis Peguam Malaysia pada 23 Januari 2019 (Sesi Perbincangan) serta Mesyuarat Susulan mengenai penyertaan Malaysia kepada UNCAT bersama SUHAKAM dan pakar rujuk daripada *Committee Against Torture*, *Association for the Prevention of Torture (APT)*, *Convention Against Torture Initiative (CTI)*, Morocco dan Indonesia pada 10 Julai 2019 (Mesyuarat Susulan).
5. Semasa Mesyuarat Susulan, pakar rujuk daripada *Committee Against Torture* yang telah ditubuhkan di bawah artikel 17 UNCAT (Jawatankuasa UNCAT) telah menerangkan antara lainnya perkara-perkara berikut:
  - (a) sesebuah negara mempunyai hak kedaulatan sama ada untuk menyertai UNCAT dengan membuat apa-apa reservasi atau deklarasi terhadap mana-mana peruntukan UNCAT. Apabila sesebuah negara menjadi Negara

Pihak UNCAT, ia perlu menjalani sesi semakan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa UNCAT berhubung dengan pelaksanaan UNCAT di peringkat tempatan termasuk apa-apa amalan penyeksan dalam negara tersebut;

- (b) Jawatankuasa UNCAT berpandangan bahawa hukuman sebat adalah bertentangan dengan UNCAT;
  - (c) majoriti Negara-Negara Anggota *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) mempunyai undang-undang Syariah dan Hudud. Namun begitu, terdapat Negara-Negara OIC yang telah membuat deklarasi bahawa hukuman di bawah undang-undang Syariah dan Hudud adalah penghukuman yang sah (*lawful sanction*). Dalam hal ini, mana-mana Negara Pihak UNCAT boleh membuat suatu deklarasi mengenai penghukuman yang sah. Namun, penghukuman yang sah tersebut perlu diterima di kedua-dua peringkat antarabangsa dan undang-undang tempatan; dan
  - (d) sesebuah negara boleh menyertai UNCAT dengan membuat apa-apa reservasi atau deklarasi terhadap UNCAT mengikut keadaan atau keperluan peruntukan undang-undang negara masing-masing. Namun begitu, reservasi hanya boleh dibuat terhadap artikel 20 (*Inquiry*) dan artikel 31 (*Denunciation*).
6. Berdasarkan hasil perbincangan dalam Sesi Perbincangan dan Mesyuarat Susulan tersebut dan kajian undang-undang yang dibuat mengenai cadangan penyertaan Malaysia ke UNCAT, Jabatan Peguam Negara telah mengenal pasti beberapa perkara utama yang boleh menimbulkan kesukaran kepada Malaysia untuk menyertai UNCAT termasuk kewujudan hukuman sebat dan rotan dalam undang-undang Persekutuan dan Negeri yang bercanggah dengan artikel 1 UNCAT kerana ia terjumlah sebagai hukuman zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah atau penyeksan.
  7. Seterusnya, Jabatan Peguam Negara pada 14 Ogos 2019 telah memaklumkan mengenai perkara tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri sebagai agensi peneraju dan kementerian/ agensi yang berkaitan untuk membuat keputusan dasar mengenai perkara-perkara tersebut dan

seterusnya, mengangkat perkara ini kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan.

8. Jabatan Peguam Negara menekankan bahawa peranan Jabatan ini berhubung dengan cadangan penyertaan Malaysia kepada UNCAT adalah bersifat sekunder di mana Jabatan ini akan mengambil tindakan perundangan yang diperlukan sekiranya Jemaah Menteri membuat keputusan untuk Malaysia menyertai UNCAT, contohnya meminda undang-undang Persekutuan yang memperuntukkan mengenai hukuman sebat dan rotan.
9. Sehubungan dengan itu, sebelum Malaysia meratifikasi UNCAT, kajian terperinci bagi meneliti ketersediaan Malaysia untuk menerima pakai UNCAT khususnya isu-isu yang berkaitan seperti isu percanggahan substantif antara prinsip dan peruntukan-peruntukan tertentu dalam konvensyen atau triti antarabangsa berkenaan dengan perundangan negara khususnya Perlembagaan Persekutuan serta dasar negara hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.
- ix. Pelaksanaan hukuman sebat di sekolah bercanggah dengan Artikel 16 UNCAT yang menetapkan tanggungjawab Negara Ahli untuk membangunkan intervensi bagi mencegah penyeksan, hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah. Terdapat keperluan bagi para pendidik untuk mengkaji semula kaedah tatatertib mereka dengan tujuan untuk menghormati maruah manusia kepada semua kanak-kanak ke arah mencapai matlamat pendidikan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

### Hukuman Rotan

Bagi kes kes disiplin di sekolah, murid boleh diberikan amaran, dikenakan kelas tahanan atau tindakan bersifat perkhidmatan sosial dan diberikan kaunseling oleh pihak sekolah. Murid yang melakukan kesalahan serius setelah disiasat akan diberikan peluang dengan memanggil ibu bapa untuk berbincang. Tindakan hukuman diputuskan oleh Pengetua/Guru Besar melalui

mesyuarat pihak berkuasa disiplin sekolah. Murid juga diwajibkan untuk menghadiri sesi kaunseling selepas hukuman diberikan. Hukuman rotan yang dikenakan ke atas murid adalah merupakan suatu hukuman terakhir dan bukanlah bersifat penderaan. Ia dilakukan di dalam bilik yang tertutup dengan tatacara tertentu yang bertujuan untuk mendidik murid dan tidak mencederakan murid.

- x. Hak asasi manusia perlu diajar kepada kanak-kanak sekolah seperti yang dilaksanakan di Indonesia melalui program sekolah bertajuk “Komuniti Pelajar Hak Asasi Manusia” untuk menangani masalah buli dan juga melalui pengenalan mata pelajaran dalam menghormati hak rakyat dalam kurikulum sekolah.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian maklum bahawa buli merupakan satu perkara yang perlu ditangani di kalangan pelajar sekolah.

Bagaimanapun, pengenalan mata pelajaran di sekolah melalui kurikulum adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun demikian, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K: “Selamat dan Lindung” (Safe & Protect) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah sejak tahun 2014.

Di antara pengisian Kempen tersebut adalah Modul Akhlak Kanak-Kanak yang menekankan tentang Hak Perlindungan kanak-kanak di bawah Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak. Kanak-kanak juga didedahkan tentang salah laku buli, kesan dan akibat kepada mangsa buli, memberi pengetahuan tentang jenis-jenis buli, ciri-ciri mangsa buli dan pemangsa serta tindakan yang boleh diambil oleh mangsa buli. Sehingga Ogos 2019, seramai 76,229 peserta dari 337 buah sekolah telah mengikuti Kempen ini.

JKM di bawah Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) juga menjalankan program advokasi kepada kanak-kanak dalam memberikan info berkaitan perlindungan dan hak kanak-kanak. PAKK juga berperanan sebagai tempat

aduan kepada kanak-kanak yang dianiaya sebelum dipanjangkan kepada Pelindung di daerah tersebut. Selain PAKK, sekiranya kes buli dilaporkan kepada mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, pihak Kaunselor boleh membantu mangsa melalui perkhidmatan kaunseling.

Selain itu, Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 [ Akta 1511] juga turut memainkan peranan menasihati dan membuat syor kepada kerajaan mengenai semua isu dan aspek yang berhubungan antara lain pemeliharaan dan perlindungan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Keanggotaan Majlis ini terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan, pakar dalam perkara yang berhubung dengan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak dan wakil kanak-kanak.

Menerusi Majlis ini, isu buli dan keperluan pengajaran hak asasi manusia boleh dibentangkan untuk diperhalusi bagi tindakan penambahbaikan di peringkat agensi kerajaan yang bersesuaian.

**Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) memaklumkan** di dalam Kurikulum Persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan tumpuan kepada penerapan hak asasi manusia dalam kurikulum persekolahan. Ianya diterapkan melalui mata pelajaran Pendidikan Moral.

Di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Pendidikan Moral turut menerapkan hak asasi manusia. Ia diajar melalui Standard Kandungan seperti berikut:

- a) Tingkatan 1 – Lindungi Hak Asasi Kanak-Kanak.
- b) Tingkatan 2 – Lindungi Hak Wanita, Hak Pengguna, Hak Orang Kurang Upaya dan Hak Pekerja demi Kesejahteraan Bersama.
- c) Tingkatan 3 – Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa.

Di peringkat sekolah menengah atas pula, hak asasi manusia akan disampaikan melalui bidang Jati Diri Moral. Antara Standard Kandungan yang akan diajar kepada murid Pendidikan Moral ialah:

- a) Tingkatan 4 – Berperikemanusiaan untuk Kesejahteraan Masyarakat; dan
- b) Tingkatan 5 - Berperikemanusiaan Ke Arah Kesejahteraan Global Hak asasi manusia ini disampaikan secara tidak langsung di peringkat sekolah rendah dalam mata pelajaran Pendidikan Moral KSSR (Semakan 2017). Tema yang berkaitan dengan hak asasi manusia adalah di bawah Standard Kandungan nilai Keadilan dan Toleransi di Tahun 5.

Penerapan hak asasi manusia dalam kurikulum persekolahan turut dilaksanakan dalam pendidikan sivik melalui beberapa mata pelajaran tertentu iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah. Empat nilai teras utama iaitu kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan memberi penekanan terhadap hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Di dalam kandungan perincian pemetaan pendidikan sivik sekolah menengah, hak asasi manusia diajar melalui tajuk berikut:

1. Antibuli
2. Awas Dera! Peranan jiran dan masyarakat
3. Ihsan terhadap manusia dan haiwan
4. Hentikan keganasan
5. Hak dalam keluarga
6. Hormat kepada keperibadian individu

Di peringkat sekolah rendah pula, hak asasi manusia disampaikan melalui beberapa tajuk iaitu:

1. Sekolah bebas buli
2. Sayangi sesama insan
3. Hak aku dan dia untuk tidak disentuh
4. Menghargai golongan OKU
5. Dunia aman
6. Hak kanak-kanak
7. Buli siber.

- xi. Tujuan sistem keadilan harus lebih fokus kepada pemulihan dan pengintegrasian bekas pesalah kembali ke dalam masyarakat sebagai warganegara yang baik dan bukannya hukuman.
- xii. Amalan rasuah termasuk dalam sistem penguatkuasaan undang-undang dan keadilan boleh memberi kesan buruk kepada usaha menghapuskan penyeksaan dan lain-lain bentuk menjatuhkan maruah seperti yang termaktub dalam resolusi (A/HRC/37/L.32) yang diterima pakai oleh Majlis Hak Asasi Manusia pada 23 Mac 2018.

## 2. MEMORANDUM YANG DIKEMUKAKAN KEPADA WAKIL MALAYSIA KE SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA DAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA.

SUHAKAM dan Rakan Kempen ACT4CAT, iaitu Majlis Peguam, *Amnesty International Malaysia* (AIM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan *Lawyers for Liberty* telah menyerahkan memorandum kepada Wakil Malaysia ke AICHR Encik Edmund Bon Tai Soon dan wakil KLN pada 25 Jun menjelang Hari Antarabangsa Menyokong Mangsa Penyeksaan. Rakan Kempen ACT4CAT menggesa AICHR Malaysia dan KLN melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- i. Sokongan terbuka ke arah meratifikasi UNCAT;
- ii. Menyokong dan memudah cara dialog antara Kerajaan Malaysia dan penandatanganan UNCAT yang lain di rantau ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- iii. Mengundang dan mengalu-alukan pelapor khas dan pakar-pakar hak asasi manusia antarabangsa ke Malaysia; dan
- iv. Menetapkan ratifikasi UNCAT sebagai salah satu matlamat jangka panjang AICHR Malaysia.



## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pada 14 dan 15 Ogos 2019, AICHR telah menganjurkan bengkel untuk mempromosi pencegahan dan memerangi keseksaan di Semarang, Indonesia. Bengkel ini menyasar penyertaan wakil penguatkuasa undang-undang, penjara dan *correctional facilities* di mana wakil-wakil ASEAN berpeluang berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan berkaitan undang-undang tempatan sendiri, prosedur operasi serta penguatkuasaan undang-undang. Selain Malaysia, negara anggota ASEAN yang belum meratifikasi UNCAT ialah Brunei Darussalam, Cambodia, Laos, Singapore dan Vietnam.

KLN menyokong dan turut serta dalam beberapa seminar dan pertemuan dengan pakar rujuk daripada APT, CTI, Morocco dan Indonesia mengenai UNCAT.

Ke arah ini, YB Menteri Luar Negeri telah menyampaikan undangan terbuka (*open invitation*) kepada pelapor-pelapor khas dan pakar-pakar khas (*Special Procedure Mandate Holders, SPMH*) pada 26 Februari 2019.

Kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Pada masa yang sama, Kerajaan pada 29 Ogos 2019 telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori bagi menyemak dan mengkaji polisi penghukuman (*sentencing policy*) dan polisi penghukuman alternatif sebagai hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori. Laporan akhir Jawatankuasa Khas ini akan mengandungi rekomendasi serta rasional terhadap rekomendasi tersebut untuk keputusan muktamad Kerajaan berkaitan perkara ini. Rang Undang-Undang berkaitan perkara ini dijangka dibentangkan pada Mac 2020.

Oleh yang demikian, sebarang ratifikasi negara terhadap konvensyen antarabangsa seperti UNCAT dijangka akan dibincangkan lebih lanjut hanya selepas kajian hukuman gantian terhadap hukuman mandatori ini dimuktamadkan.

## 3. PENYERTAAN AWAM DAN KEMASYARAKATAN

SUHAKAM terus meningkatkan kesedaran orang ramai tentang hak asasi manusia melalui program SUHAKAM Bersama Masyarakat di pelbagai tempat di negara ini. Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan lima siri yang diadakan di Wilayah Persekutuan dan tiga negeri berlainan dengan jumlah penyertaan seramai 1,848 orang telah mengambil bahagian.

Berikut ialah isu-isu utama yang dibangkitkan oleh peserta:

### i Pendidikan

Kebimbangan timbul berhubung dengan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak berkuasa agama negeri untuk melihat sekolah-sekolah agama, iaitu Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan sekolah tahfiz di Malaysia bagi memastikan sekolah-sekolah ini mematuhi standard yang diperlukan dari segi ciri keselamatannya, penyampaian kandungan, pembangunan kapasiti untuk guru-guru serta kualiti sistem pembelajaran.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

- 1) Bagi meningkatkan aspek pembangunan kapasiti guru-guru serta kualiti sistem pembelajaran SAR, program latihan keguruan telah diadakan dengan kerjasama agensi-agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), iaitu Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM) dan Institut Aminuddin Baki (IAB).
- 2) Antara usaha dan inisiatif Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menambah baik institusi tahfiz ialah mewujudkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) sebagai dokumen rujukan dalam memandu institusi pendidikan tahfiz dalam meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz agar selari dengan pendidikan arus perdana. Teras DPTN adalah seperti berikut:
  - i. Memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan;

- ii. Mewujudkan model institusi tahfiz;
  - iii. Mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;
  - iv. Memperkasa tadbir urus institusi tahfiz; dan
  - v. Mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.
- 3) Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz telah diperkenalkan yang bertujuan untuk menyelaraskan penubuhan dan pendaftaran institusi tahfiz berdasarkan Akta/ Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri-negeri.
  - 4) Bagi meningkatkan kesedaran mengenai aspek keselamatan institusi tahfiz, program latihan dan khidmat nasihat telah diadakan dengan kerjasama pihak Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).
  - 5) Bagi menambah baik prasarana pusat tahfiz, bantuan khas telah disalurkan oleh pihak Kerajaan melalui peruntukan bajet tahunan bermula dari tahun 2017 dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. Manakala pada tahun 2018, bantuan sejumlah RM50 juta telah disalurkan melalui Pusat Giat Mara bagi tujuan penyelenggaraan pusat-pusat tahfiz. Seterusnya bagi tahun 2019 dan 2020 sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan.
  - 6) Bagi tujuan pemantauan, Institusi Tahfiz dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang mengajar sepenuhnya kurikulum agama diwajibkan berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri sahaja. Manakala institusi yang melaksanakan kurikulum agama bersama kurikulum kebangsaan perlu berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sesetengah ibu bapa juga turut menyuarakan kebimbangan mereka tentang bebanan beg sekolah dan kemungkinan risiko kesihatan yang dihadapi oleh anak-anak mereka kerana membawa beg sekolah yang terlalu berat dari dan ke sekolah secara rutin. Mereka

berharap agar KPM meringankan beban beg pelajar tersebut dengan mengurangkan bilangan buku teks yang perlu dibawa ke sekolah.

Isu berkenaan dengan hak asasi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan terhadap pendidikan juga dibangkitkan dalam salah satu sesi oleh rakyat yang prihatin.

Wakil daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru di Langkawi turut membangkitkan kebimbangan tentang sekolah-sekolah yang berprestasi rendah di pulau tersebut. Wakil tersebut mencadangkan keperluan SUHAKAM untuk mengkaji isu ini dan membuat syor yang sewajarnya kepada KPM.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

**BPI memaklumkan** bahawa KPM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bekerjasama bagi membantu Sekolah Agama Rakyat dan sekolah Tahfiz di Malaysia. Mulai Julai 2019, KPM telah melaksanakan Program Intervensi Tahfiz Swasta dengan Sekolah KPM bagi membantu murid-murid tahfiz mempelajari mata pelajaran akademik dan menduduki peperiksaan SPM. ***Mengikut Akta Pendidikan 1996. (Akta 550), sekolah sekolah yang berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta yang mengikuti kurikulum kebangsaan walau bagaimanapun sekolah sekolah yang bukan berada di bawah KPM seperti sekolah agama rakyat, ia berada dibawah tadbir urus Jabatan Agama Islam Negeri. Sebarang urusan berkaitan sekolah berkenaan adalah melalui kawal selia Majlis Agama Islam Negeri.***

### Beg Berat

Dapatan kajian beg berat KPM menunjukkan 72 peratus yang disumbangkan oleh bahan-bahan lain seperti botol air, bekas makanan, alat tulis yang melebihi keperluan, buku latihan, buku kerja, buku komik, buku yang tidak memenuhi jadual dan berat beg kosong itu sendiri. Manakala buku teks dan buku aktiviti KPM hanya menyumbang 28% daripada keseluruhan berat beg tersebut.

Beberapa cadangan pelan komunikasi KPM, antaranya adalah:

1. Penguatkuasaan surat pekeliling iktisas (SPI) dan surat siaran sedia ada
2. Garis panduan untuk ibu bapa, murid dan sekolah
3. Memperkenalkan buku teks digital
4. Membuat hebahan melalui program KPM, media cetak, media elektronik dan media siber
5. Penggunaan teknologi terkini melalui apps sebagai platform komunikasi untuk kegunaan sekolah, guru, ibubapa dan murid.
6. Kolaboratif dengan agensi bukan kerajaan seperti kesatuan Guru, PIBG dan kesatuan Doktor Perubatan
7. NBOS dengan kementerian/jabatan lain

**BPSH memaklumkan bahawa:** Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi melalui Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL) telah melaksanakan program peningkatan kecemerlangan berfokus kepada mata pelajaran Sejarah bagi sekolah menengah yang berprestasi rendah dalam usaha menyokong sekolah meningkatkan peratus layak sijil SPM.

## ii. Hak mengundi

Sesetengah peserta melahirkan kebimbangan mereka terhadap ketidaksamaan hak mengundi. Pengundi berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hanya boleh mengundi untuk memilih wakil Parlimen dan tidak seperti pengundi di negeri lain yang boleh mengundi kedua-dua perwakilan dalam dewan undangan negeri dan Parlimen. Walaupun mengakui hakikat bahawa Kuala Lumpur ditadbir secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan bersama pihak berkuasa tempatan, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, para peserta berharap kerajaan akan memberi perhatian terhadap perkara ini.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

- Berdasarkan kepada Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan khususnya, Wilayah Persekutuan hanya diperuntukkan 13 kerusi, 11 di Kuala Lumpur, 1 di Putrajaya dan 1 di Labuan. Sebarang perubahan pewujudan Dewan Undangan Negeri bagi Putrajaya, Labuan atau Kuala Lumpur hendaklah dibuat dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Ketiadaan Dewan Undangan Negeri juga berdasarkan kepada sejarah penubuhan Wilayah Persekutuan itu sendiri selaras dengan Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan.
- Berdasarkan kepada perkara tersebut, pilihan raya bagi DUN di Wilayah Persekutuan tidak boleh dilaksanakan.

## iii. Kebebasan bersuara

Kebangkitan ucapan kebencian kaum dan agama dan berita palsu dalam media sosial merupakan kebimbangan utama bagi beberapa peserta. Mereka meminta SUHAKAM dan pihak berkepentingan utama lain untuk memainkan peranan masing-masing bagi menangani masalah tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengambil tindakan susulan bagi semua aduan yang diterima. Selain usaha bersifat penguatkuasaan, pelbagai program berbentuk kesedaran di seluruh negara turut dijalankan pihak MCMC. Penganjuran program-program ini antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Program yang dilaksanakan juga diharapkan dapat memupuk rasa tanggungjawab di kalangan pengguna Internet.

Antara inisiatif diambil Jabatan PERPADUAN menangani ucapan kebencian kaum dan agama dan berita palsu dalam media sosial seperti berikut:



- a) Melatih pegawai-pegawai Jabatan PERPADUAN mengenalpasti ucapan berbaur perkauman dan menyebarkan mesej-mesej perpaduan melalui media sosial.
- b) Menyampaikan mesej kepada Pengerusi-Pengerusi Rukun Tetangga melalui kursus-kursus kepimpinan supaya tidak terpengaruh dengan khabar-khabar angin dan berita palsu.
- c) Mengadakan sesi libat urus mendapatkan pandangan dan cadangan daripada masyarakat sivil dan badan bukan kerajaan berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi yang akan turut berperanan menyiasat aduan mengenai kenyataan berbaur perkauman dan kebencian.

#### iv. Pekerjaan

Seorang peserta meminta SUHAKAM untuk melihat penamatan seramai 1,200 penjawat awam daripada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di bawah kerajaan baharu.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Selaras dengan keputusan Kerajaan membubarkan JASA berkuat kuasa mulai 23 Mei 2018 dan arahan pihak JPA bertariikh 30 Mei 2018 supaya menamatkan pegawai lantikan kontrak yang telah dikenal pasti, KKMM telah mengambil tindakan menamatkan kontrak bagi 776 pegawai kontrak JASA Gred 22 dan ke atas berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2018. Susulan penamatan kontrak tersebut, pegawai yang terlibat layak untuk menerima bayaran ganjaran dan gantian cuti rehat bagi tempoh perkhidmatan tahun 2018

Sebaliknya, pegawai-pegawai terlibat telah ditamatkan kontrak yang ditandatangani selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak.

Sebagaimana prinsip pelantikan pegawai secara kontrak, tempoh perkhidmatan dilakukan berdasarkan

keperluan tugas. Kerajaan juga tidak berkewajipan untuk melantik pegawai-pegawai terlibat mengisi jawatan tetap.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah memutuskan untuk membubarkan JASA selaras dengan usaha merasionalisasikan struktur Perkhidmatan Awam bagi mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi. Dalam pada itu, pegawai / kakitangan tetap sedia ada telah ditempatkan semula di pelbagai agensi lain.

#### v. Kebebasan beragama

Terdapat pertanyaan yang berulang tentang hak kebebasan beragama dalam konteks Malaysia dan peranan SUHAKAM dalam hal ini. Sesetengah peserta melihat Artikel 18 UDHR yang menyatakan hak individu untuk kebebasan berfikir, hati nurani dan agama sebagai ancaman kepada ajaran Islam di Malaysia.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

KLN menyokong usaha-usaha agensi fokal mengenai isu berkenaan termasuk menyelaras lawatan Pelapor Khas kebebasan agama dan kepercayaan (*SR on religion or belief*).

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Hak kebebasan beragama ini juga diperuntukkan di bawah perkara 11(1) yang memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang berhak mengamalkan, mengamalkan dan mengembangkan agamanya. Namun kebebasan ini tidak bersifat mutlak kerana ia tertakluk kepada peruntukan 11(4) yang menyatakan bahawa Undang-undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Pada waktu yang sama, kebebasan beragama ini tidak bermaksud mana-mana orang boleh menukar

agama dengan sewenang-wenangnya kerana ia tertakluk kepada undang-undang. Bagi orang Islam, mereka tertakluk kepada undang-undang syariah yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri dan juga hukum syarak.

## B. KUASA MENASIHAT BERHUBUNG ASPEK PERUNDANGAN DAN DASAR

### LAPORAN 2018

#### 1. Pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597)

SUHAKAM secara konsisten melobi pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk mengukuhkan mandat dan kuasanya. Dalam hal ini, SUHAKAM mengemukakan beberapa cadangan pindaannya kepada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC) serta Jawatankuasa Khas Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR).

Cadangan-cadangan tersebut merangkumi aspek-aspek yang berikut:

- i. Pemilihan Anggota Suruhanjaya – Dicadangkan semua pesuruhjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Parlimen dan pemilihan pesuruhjaya dijalankan oleh Parlimen melalui proses terbuka dan telus;
- ii. Komposisi Suruhanjaya – Dicadangkan supaya had statutori anggota seramai 20 orang dikekalkan dan sebahagian mereka dilantik sepenuh masa demi memastikan pesuruhjaya komited kepada tugas mereka dan bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan di mana-mana peringkat;
- iii. Tempoh Suruhanjaya – Dicadangkan tempoh lantikan pesuruhjaya dilanjutkan kepada lima tahun sepenggal kerana dalam tempoh itu akan membolehkan SUHAKAM untuk melaksanakan fungsinya dan mengawasi pelaksanaan aktiviti dan cadangannya dengan lebih efektif;
- iv. Kehilangan Kelayakan Pesuruhjaya – Dicadangkan supaya syarat bagi pengerusi untuk mendapatkan kebenaran daripada Menteri dimansuhkan;
- v. Kuasa untuk Melawat Tempat Tahanan – Dicadangkan SUHAKAM diberikan mandat statutori untuk melawat ke tempat tahanan tanpa notis awal agar SUHAKAM dapat memastikan tempat tersebut mematuhi prinsip hak asasi manusia;
- vi. Kuasa untuk Menjalankan Mediasi – Dicadangkan supaya peruntukan yang jelas dinyatakan dalam Akta untuk memberikan SUHAKAM kuasa untuk menjadi pengantara;
- vii. Berunding dengan SUHAKAM berhubung dengan perangkaan dan pindaan undang-undang – Dicadangkan satu peruntukan baharu diwujudkan untuk menjadikannya mandatori bagi kerajaan untuk berunding dengan SUHAKAM dalam hal perangkaan dan/atau pindaan kepada undang-undang sebelum dibentangkan ke Parlimen untuk perbincangan;
- viii. Dana Suruhanjaya – Dicadangkan supaya dana SUHAKAM disalurkan secara terus daripada Parlimen, selepas semakan cadangan bajet tahunan SUHAKAM;
- ix. Hubungan dengan Badan Kehakiman – Dicadangkan supaya satu peruntukan baharu untuk SUHAKAM hadir sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah diwujudkan dalam akta bagi menyerlahkan lagi perannya dalam membantu badan kehakiman berhubung isu hak asasi manusia;
- x. Kuasa berhubung Inkuiri – Dicadangkan supaya peruntukan bersifat punitif berhubung kuasa SUHAKAM untuk mendapatkan dokumen, maklumat atau apa-apa perkara lain, diperkenalkan bagi kegagalan untuk mematuhi apa-apa notis daripada SUHAKAM; dan juga untuk melindungi saksi SUHAKAM terhadap sebarang gangguan atau ugutan oleh mana-mana institusi, agensi atau individu;
- xi. Pelaksanaan Inkuiri oleh SUHAKAM – Dicadangkan Seksyen 12(3) Akta Ibu melibatkan perkataan “berhenti untuk melakukan inkuiri” dipinda menjadi lebih jelas dan difahami;
- xii. Keputusan Inkuiri – Dicadangkan bahawa semua agensi berkaitan bertindak atas cadangan

SUHAKAM termasuklah, di mana relevan, memulakan siasatan jenayah atau pendakwaan atas satu-satu kesalahan;

- xiii. Bahas Laporan Tahunan/Laporan Khas SUHAKAM - Dicadangkan supaya peruntukan yang berkaitan dipinda untuk menyatakan secara jelas bahawa Parlimen hendaklah membahaskan laporan oleh SUHAKAM; dan
- xiv. Jawatankuasa Pemilih Tetap Mengenai Hak Asasi Manusia - Dicadangkan supaya satu Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen (PSC) ditubuhkan agar SUHAKAM dan pihak berkepentingan lain boleh membincangkan hal-hal hak asasi manusia dengan Parlimen secara tetap.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 9 Bil. 4 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Julai 2019 telah antara lain bersetuju supaya pelantikan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya SUHAKAM dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (*Parliamentary Select Committee*, PSC) Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam, Parlimen bagi memastikan senarai calon yang dicadangkan untuk dilantik adalah bersesuaian berdasarkan merit dan kelayakan.

Perkara ini selaras dengan Janji 16 Buku Harapan (Mengembalikan Wibawa Institusi Parlimen), Syor 82 dalam Laporan *Institutional Reforms Committee* (IRC) – *Chapter A: Reform of Parliament* serta selari dengan amalan Parlimen di negara luar melalui *Recommended Benchmarks for Democratic Legislators, Commonwealth Parliamentary Association* (CPA).

Pasca PRU ke-14, Kerajaan menerusi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengambil langkah yang perlu untuk membantu SUHAKAM dalam usahanya untuk membuat pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597).

Ia selaras dengan keputusan YAB Perdana Menteri yang memperakukan cadangan semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 4 Bilangan 4 Tahun 2018.

Susulan daripada itu, beberapa siri perbincangan dan tindakan telah dilakukan untuk memperhalusi setiap cadangan tersebut. Tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Cadangan Pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [Akta 597] pada 27 Mac 2019 bertempat di pejabat Jabatan Peguam Negara dan dihadiri oleh pihak SUHAKAM dan BHEUU;
2. Mesyuarat BHEUU bersama SUHAKAM telah diadakan pada 3 Mei 2019 di pejabat BHEUU Putrajaya;
3. Pihak SUHAKAM telah mengemukakan Matriks Cadangan Pindaan Akta beserta Justifikasi kepada BHEUU untuk diperhalusi oleh Pegawai Undang-Undang pada 14 Mei 2019;
4. Sesi Perbincangan mengenai Pindaan dan Cadangan Gubalan Undang-Undang baharu bersama Penasihat Undang-Undang, JPM telah diadakan pada 7 Ogos 2019 bagi perbincangan lanjut mengenai cadangan pindaan Akta;
5. Mesyuarat bersama Setiausaha Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia telah diadakan pada 5 September 2019, 17 September dan 4 Oktober 2019;
6. SUHAKAM akan membuat semakan semula setiap cadangan yang telah dikemukakan hasil dari beberapa siri Mesyuarat dan perbincangan yang telah diadakan sehingga Oktober 2019. Hasil semakan dijangka akan diserahkan semula kepada BHEUU pada hujung tahun 2019.

## C. ADUAN DAN PEMANTAUAN

### LAPORAN 2017

#### 1. Kumpulan Pemantauan dan Aduan

Pada tahun 2017, SUHAKAM telah menerima sebanyak 803 aduan, memantau lapan perhimpunan awam, dan tiga kes yang melibatkan pengusiran penduduk

dari tanah kerajaan serta menjalankan 18 lawatan berkala ke pusat-pusat tahanan.

Jadual 1 pada muka surat 73 menunjukkan senarai mesyuarat yang telah dijalankan berkenaan aduan yang telah diterima

## 2. Siasatan Terhadap Aduan

Jumlah aduan yang diterima dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti yang terkandung di dalam Rajah 1 (*seperti di mukasurat 78*).

Bilangan aduan yang selesai dan belum selesai tahun 2017 adalah seperti yang terkandung di dalam Rajah 2 (*seperti di mukasurat 79*).

Pecahan Aduan Hak Asasi Manusia, 2017 adalah seperti yang terkandung di dalam Jadual 3 (*seperti di mukasurat 79-80*).

### 2.1 Siasatan Awam berhubung Kehilangan Beberapa Individu

Pada 21 April, SUHAKAM telah menerima aduan daripada beberapa kumpulan badan bukan kerajaan dan ahli keluarga individu yang terlibat, berkenaan kehilangan Raymond Koh; Amri Che Mat; serta Joshua dan isteri beliau, Ruth Hilmi. Memorandum tersebut menyatakan Raymond Koh, yang merupakan pengasas Komuniti Harapan dan bekas pastor, telah diculik oleh sekumpulan individu pada 13 Februari 2017 dan insiden tersebut telah dirakam oleh CCTV.

Pada 5 Oktober, SUHAKAM menubuhkan panel inkuiri yang terdiri daripada Pesuruhjaya Dato' Mah Weng Kwai, Pesuruhjaya Prof. Dato' Dr Aishah Bidin dan Pesuruhjaya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Salleh, untuk menjalankan inkuiri berkenaan kehilangan beberapa individu. Mandat Panel Inkuiri adalah berdasarkan terma rujukan di bawah:

- (a) Untuk menentukan sama ada ia adalah kes-kes kehilangan secara paksa seperti yang ditakrifkan di bawah Konvensyen Antarabangsa untuk Perlindungan semua Orang daripada Penghilangan Paksa atau Penghilangan Tanpa rela yang membawa kepada kesalahan

jenayah atau pelanggaran hak sivil/hak asasi manusia di bawah undang-undang Malaysia;

- (b) Jika (a) telah dibuktikan semasa siasatan;
- i. Bagaimana kesalahan jenayah atau pelanggaran hak sivil/hak asasi manusia berlaku;
- ii. Siapakah individu atau agensi yang bertanggungjawab atas pelanggaran hak asasi/hak asasi manusia; dan
- iii. Apakah arahan atau prosedur pentadbiran, atau pengaturan yang menyumbang kepada kesalahan jenayah atau pelanggaran hak sivil/hak asasi manusia.
- (c) Untuk memberikan pertimbangan sama ada pihak berkuasa, khususnya Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk menyiasat kes-kes tersebut.
- (d) Untuk mencadangkan langkah-langkah atau garis panduan yang perlu diambil bagi memastikan bahawa pelanggaran hak sivil/hak asasi manusia tidak berulang.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

PDRM telah memberikan kerjasama penuh kepada panel Pendengaran Siasatan Awam SUHAKAM Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Bin Che Mat. Ini adalah bertujuan bagi memastikan sesi Pendengaran Siasatan Awam tersebut dapat dijalankan dengan lancar dan yang lebih penting adalah laporan dan dapatan yang adil dan saksama.

Walau bagaimanapun, apabila keputusan dapatan itu diumumkan, PDRM boleh membuat kesimpulan bahawa Pendengaran Siasatan Awam tersebut merupakan satu sesi yang '*bias*' dan '*unfair*' manakala pembentangan dapatan adalah tidak berlandaskan Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597). Pembentangan dapatan itu juga telah mendapat liputan media massa dengan manipulasi fakta serta membuat spekulasi yang negatif terhadap PDRM.

Hasil daripada dapatan Pendengaran Siasatan Awam tersebut, satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan

untuk mengkaji dapatan panel Pendengaran Siasatan Awam tersebut. Pasukan Petugas Khas dianggotai oleh 5 orang ahli dan diketuai oleh seorang bekas Hakim Mahkamah Tinggi. Mereka diberi tempoh 6 bulan untuk mengkaji laporan Pendengaran Siasatan Awam tersebut dan mengemukakan laporan serta syor kepada kerajaan.

### 3. Hak kanak-kanak

Malaysia menjadi ahli kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan konvensyen ini mewajibkan Negara Ahli memastikan kanak-kanak diberikan perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya untuk kesejahteraan mereka.

Pada bulan April, seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun, Mohamad Tha'qif Amin Mohd Gadaffi meninggal dunia di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru selepas beliau dimasukkan ke hospital selama beberapa hari dan kakinya telah dipotong. Sebelum beliau meninggal dunia, kanak-kanak ini yang merupakan bekas pelajar sekolah tahfiz di Kota Tinggi dilaporkan telah dipukul menggunakan hos getah oleh pembantu warden asrama sekolah.

Walaupun sekolah tersebut berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri; dilengkapi kemudahan yang canggih; mendapat pembiayaan yang mencukupi; dan mengamalkan garis panduan Kementerian Pendidikan mengenai peraturan tatatertib, **insiden tersebut harus menjadi peringatan kepada pengurusan sekolah agama mengenai tanggungjawab mereka untuk memeriksa kesesuaian individu sebelum calon tersebut diambil bekerja dengan kanak-kanak. Pihak berkuasa negeri juga bertanggungjawab untuk terus memantau dan memberikan latihan berkala kepada pengurusan sekolah agama.**

Pada bulan September 2017, negara telah dikejutkan dengan kematian tragis 21 kanak-kanak dan dua orang guru dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Berdasarkan siasatan polis, tujuh remaja didapati terlibat dalam kejadian kebakaran sekolah agama tersebut, atas faktor ingin membalas dendam dan mereka telah didakwa di mahkamah. Tragedi ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap standard keselamatan di sekolah agama serta tanggungjawab pihak berkuasa untuk memastikan sekolah agama/Tahfiz mematuhi peraturan.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mengikut Akta 1996(550), sekolah sekolah yang berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta yang mengikuti kurikulum kebangsaan dan berada di bawah seliaan KPM walaubagaimanapun sekolah sekolah yang bukan berada bawah kawal selia KPM seperti sekolah agama rakyat, ia berada dibawah tadbir urus dan kawal selia oleh Majlis Agama Islam Negeri. Sebarang urusan berkaitan sekolah berkenaan adalah melalui kawal selia Majlis Agama Islam Negeri.

KPM bersedia untuk memberi khidmat kepakaran bagi melatih guru dan kepimpinan sekolah di bawah kelolaan pihak berkuasa Agama Islam Negeri. Sekolah-sekolah tersebut berada di luar daripada bidang kuasa KPM. Namun begitu, sekolah tersebut adalah tertakluk di bawah enakmen dan peraturan negeri masing-masing.

Bagi murid-murid yang terlibat dalam kes-kes kemalangan dan jenayah di luar kawasan sekolah, KPM berpandangan bahawa kes tersebut adalah tertakluk kepada peraturan dan perundangan yang sedang berkuatkuasa.

Kementerian ini berasa sedih dengan insiden kanak-kanak tahfiz dan bersetuju bahawa kanak-kanak ini perlu diberikan perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya.

Dalam kes Adik Mohamad Tha'qif, Kementerian menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membantu memberikan kaunseling kepada keluarga tersebut.

Selain daripada itu, dalam kes-kes lain berkaitan tahfiz, Kementerian juga memberi sokongan berbentuk perkhidmatan kaunseling dan penyediaan laporan akhlak bagi kes melibatkan pesalah kanak-kanak di tahfiz Jalan Datuk Keramat.

KPWKM mencadangkan supaya latar belakang guru-guru Pusat Tahfiz disemak sebelum diambil sebagai tenaga pengajar. Pihak pengurusan sekolah agama boleh memohon untuk membuat semakan rekod kesalahan jenayah seksual pekerja atau bakal pekerja di sekolah agama melalui Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Dalam Daftar Kanak-kanak. Semakan boleh dilakukan di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau Negeri



sebelum mengambil seseorang individu untuk bekerja di Pusat Tahfiz.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perlantikan individu yang diambil bekerja di sekolah agama dan tahfiz swasta berdaftar. Segala urusan perlantikan sebagai guru dan tenaga kerja dikendalikan oleh institut tersebut. Walau bagaimanapun, bagi tenaga pengajar, individu terbabit hendaklah mempunyai tauliah mengajar dari Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.

JAWI turut memberikan latihan berkala kepada pengurusan sekolah agama dan tahfiz swasta yang berdaftar. Latihan tersebut adalah kolaborasi dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga bersama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH). JAWI juga mempunyai perancangan untuk memberikan latihan kepada pengusaha sekolah dan tahfiz swasta dari segi aspek keselamatan, hala tuju pelajar serta kemahiran kepada pelajar tahfiz. Walau bagaimanapun, latihan ini tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.

Sebagai contohnya pada 28 Oktober 2019, JAWI telah menganjurkan Seminar Masa Depan Tahfiz Peringkat Kebangsaan selain telah memberikan latihan kemahiran TVET kepada pelajar tahfiz terpilih pada 8-11 April 2019 di Institut Kemahiran Mara Kg. Pandan dari aspek elektrik.

Perbincangan dengan GiatMara juga telah dibuat pada 25 September 2019 di Wisma GiatMara untuk melebarkan liputan kemahiran kepada pelajar dan pengusaha tahfiz untuk memastikan kemenjadian pelajar tahfiz. Pada dasarnya GiatMara bersetuju untuk memberikan latihan dan kursus dengan syarat kos adalah dari agensi pelaksana iaitu dari JAWI.

#### **4. Penahanan bawah undang-undang pencegahan**

Di samping isu penahanan tanpa perbicaraan di mahkamah terbuka, SUHAKAM juga dimaklumkan berkenaan kebimbangan berikut:

#### **4.1 Penahanan kanak-kanak di bawah POCA**

Pada 8 November, Parlimen mendedahkan seramai 142 kanak-kanak telah ditahan di bawah POCA sejak undang-undang ini dikuatkuasakan pada tahun 2014. Sehingga kini, hanya tiga aduan berkenaan penahanan kanak-kanak di bawah POCA telah dibawa ke perhatian SUHAKAM.

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kementerian ini mengambil maklum akan perkara ini. Namun demikian, Kementerian ini mengendalikan kes kesalahan kanak-kanak yang dirujuk dan diuruskan berdasarkan Akta Kanak-Kanak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dari segi penyediaan laporan akhlak, penempatan di institusi pemulihan dan pengawasan kes sahaja. Kes penahan kanak-kanak di bawah POCA adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

#### **4.2 Dakwaan penggunaan kekerasan melampau terhadap tahanan**

Terdapat juga dakwaan penggunaan kekerasan secara fizikal terhadap tahanan untuk mendapatkan pengakuan mereka semasa direman sebelum ditahan di bawah POCA. Melalui maklum balas kerajaan kepada SUHAKAM terhadap Laporan Tahunan 2016 berhubung syor SUHAKAM, supaya proses soal siasat yang dijalankan terhadap tahanan dirakam melalui video secara mandatori, kerajaan telah menolak syor yang dikemukakan dan menyatakan bahawa tiada peruntukan perundangan untuk keperluan tersebut, tetapi kerajaan mengambil maklum tentang pendekatan yang disyorkan dan akan dikaji untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

#### **a. Dakwaan permintaan rasuah untuk pembebasan**

Beberapa keluarga kepada tahanan telah membangkitkan kepada SUHAKAM bahawa mereka ada menerima

panggilan telefon daripada individu tidak dikenali yang mendakwa mereka dapat membantu membebaskan tahanan POCA dengan sejumlah bayaran. Bagi kes-kes tersebut, SUHAKAM telah menasihati ahli keluarga untuk membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis untuk menyiasat dakwaan tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Tiada pengesahan yang tepat mengenai aduan ini, walau bagaimanapun Jabatan Penjara Malaysia tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana anggota yang didapati terlibat dengan amalan rasuah dengan mengambil tindakan mengikut peruntukan tatatertib.

PDRM mengambil maklum dan akan membuat siasatan sekiranya terdapat laporan polis dibuat.

## 5. Pemerdagangan orang

Salah satu kes yang telah dirujuk kepada pasukan petugas khas ialah maklumat tentang sindiket pemerdagangan orang yang beroperasi di sebuah apartmen di Cyberjaya. Pasukan petugas khas kemudian mengambil tindakan dengan membuat serbuan, menahan pesalah pemerdagangan orang dan menyelamatkan lima wanita warga Nigeria. Tindakan yang diambil kemudian telah dimaklumkan kepada SUHAKAM pada 27 Julai.

Dalam satu lagi kes, SUHAKAM telah dihubungi oleh organisasi masyarakat sivil dari Thailand, iaitu Alliance Anti Traffic (AAT) yang memaklumkan bahawa mereka telah memintas penyeludupan dua gadis etnik Shan di Thailand semasa mereka dibawa dari Malaysia ke Vietnam. Kedua-dua gadis tersebut memberitahu pihak AAT bahawa terdapat ramai lagi gadis yang dikurung di sebuah lokasi di Ipoh, Perak. Pihak polis berjaya menahan tiga suspek dan menyelamatkan seramai 19 gadis etnik Shan dan seorang gadis Vietnam pada 10 Mac 2017.

Dalam maklum balas kerajaan kepada Laporan Tahunan SUHAKAM tahun 2016 mengenai kes penemuan kubur besar di Wang Kelian, pihak kerajaan memaklumkan bahawa permohonan rasmi telah dibuat kepada kerajaan

Thailand bagi mengekstradisi 11 suspek yang terlibat dalam kes Wang Kelian, yang mana tiga daripada suspek tersebut telah berada dalam tahanan pihak berkuasa Thailand. Adalah mendukacitakan apabila tiada sebarang perkembangan terhadap permohonan tersebut hingga semasa laporan ini ditulis. SUHAKAM berharap agar kerajaan dapat berusaha sebaik yang mungkin untuk memastikan suspek-suspek tersebut dibawa ke muka pengadilan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Dalam kes ini, (2) orang perempuan dan (1) lelaki Nigeria telah ditahan. Seramai (5) orang perempuan Nigeria telah berjaya diselamatkan. Kes telah dibicarakan dan telah DNAA pada 19/7/2017 kerana mangsa telah memberikan keterangan yang berbeza. Pembatalan *protection order (PO)* mangsa telah dibuat.

Dalam kes ini, (3) orang lelaki tempatan telah ditahan dan (19) orang gadis etnik Shan serta (1) orang perempuan Vietnam telah diselamatkan. Ketiga-tiga tangkapan telah dituduh bawah Seksyen 12 ATIP dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Perbicaraan kes ini telah selesai pada 18/5/2018 dan ketiga-tiga tangkapan telah dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 55e Akta Imigresen dan dikenakan denda sebanyak RM8,000/- setiap orang.

Sehingga kini, tiada sebarang perkembangan terhadap permohonan tersebut daripada kerajaan Thailand.

## 6. Aduan Berhubung Hak Asasi dan Perniagaan

Pada bulan Januari, sekumpulan organisasi masyarakat sivil di Myanmar telah mengemukakan aduan kepada SUHAKAM berkenaan pencemaran alam sekitar dan pencabulan hak asasi manusia oleh sebuah syarikat dari Malaysia dan syarikat dari Myanmar yang menjalankan usaha sama bagi projek perladangan kelapa sawit di perbandaran Tanintharyi, bahagian tenggara Myanmar. Pengadu mendakwa usaha sama yang dijalankan tidak mematuhi prosedur pengambilan tanah komuniti yang terjejas akibat projek tersebut. Tambahan lagi, syarat tersebut tidak memperolehi kebenaran daripada Jawatankuasa Pusat untuk Pengurusan Tanah Kosong, Tanah Rang dan Tanah

yang Tidak Pernah Diterokai atau memasang notis pengambilalihan tanah yang dikeluarkan di bawah Akta Pengambilan Tanah Myanmar 1984.

Pengadu turut mendakwa aktiviti usaha sama yang dijalankan telah menimbulkan kesan negatif yang teruk terhadap sosial dan alam sekitar kepada sekurang-kurangnya 4480 penduduk di empat perkampungan Orang Asli etnik Karen, yang berada di dalam kawasan konsesi dan menjejaskan kehidupan penduduk kampung yang bergantung pada kebun pokok pinang, sirih dan pokok gajus. Pengadu juga mendakwa keluarga yang kehilangan tanah kebun telah menanggung hutang yang tinggi dan dipaksa bekerja sebagai buruh harian dengan gaji yang rendah.

Tambahnya lagi, sisa-sisa daripada baja kimia dan racun serangga perosak yang digunakan oleh syarikat terbabit menyebabkan sumber air tempatan tercemar, penduduk menderita alahan pada kulit dan mengalami pelbagai masalah kesihatan, selain haiwan ternakan mereka mati. Sebagai tindakan terhadap aduan ini, SUHAKAM telah menulis surat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar (MNHRC) dan pada 6 November, SUHAKAM menerima maklum balas daripada MNHRC yang menyatakan pihak mereka telah memanjangkan aduan tersebut kepada Kementerian Pertanian, Penternakan dan Saliran Myanmar, Suruhanjaya Pelaburan Myanmar (MIC) dan Kerajaan Negeri Tanintharyi bagi mendapatkan maklum balas daripada agensi-agensi tersebut. Hasilnya, MIC memberikan maklum balas pada 12 Oktober seperti yang berikut:

- a. Pihak berkuasa negeri membenarkan penggunaan tanah seluas 42200 ekar tanah terbiar di Perbandaran Tanintharyi. Kebenaran oleh jawatankuasa ini tidak melibatkan tanah kosong, tanah rang dan tanah yang tidak pernah diterokai. Setakat ini, syarikat tersebut telah menggunakan seluas 3144 ekar tanah.
  - b. Menurut laporan syarikat tersebut bertarikh 7 Ogos, mereka telah memberikan pampasan sebanyak 200.4 juta kyat untuk 3089.99 ekar tanah. Menurut laporan yang dikemukakan oleh syarikat itu kepada Kerajaan Negeri Tanintharyi pada 30 Mei, penyelarasan telah dilaksanakan bagi memberikan pampasan terhadap baki tanah yang selebihnya.
    - c. Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) sedang disediakan oleh syarikat terbabit.
    - d. Persiapan sedang dijalankan bagi Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber Asli dan Pemeliharaan Alam Sekitar Myanmar membuat lawatan lapangan ke lokasi berkenaan.
- Pada masa laporan ini ditulis, SUHAKAM masih belum mendapat maklum balas daripada syarikat di Malaysia kerana SUHAKAM sedang menunggu maklum balas lanjut daripada MNHRC sebelum berhubung dengan syarikat tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Industri Utama (MPI) berpandangan bahawa isu ini merupakan di luar bidang kuasa Kementerian memandangkan isu ini berlaku di Myanmar dan bukan di Malaysia. Aduan mengenai perkara ini perlu dibuat melalui Kementerian Luar Negeri (KLN) sebelum sebarang tindakan susulan diambil.

### Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

- a) Prestige Platform Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 864769-P) telah dilesenkan di bawah kategori Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit, No. Lesen MPOB: 571806-013000. Syarikat dilesenkan bagi aktiviti mengeksport biji benih kelapa sawit dan mula dilesenkan pada 08 Mei 2013.
- b) Pengeluaran lesen kepada Prestige Platform Sdn. Bhd. adalah berdasarkan perakuan Jawatankuasa Teknikal Eksport Bahan Tanaman Kelapa Sawit Bil. 3/2012 peringkat Kementerian Industri Utama (dahulunya Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi), bertarikh 07 September 2012. Jawatankuasa telah meluluskan kepada Prestige Platform Sdn. Bhd. untuk mengeksport 1,068,000 biji benih bercambah (DxP) Yangambe bagi tempoh 2012 hingga 2016. Syarikat telah memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan iaitu:
  - i. memiliki pegangan ekuiti melebihi 70% di dalam Myanmar Stark Prestige Plantation Pte. Ltd.;



- ii. memiliki pegangan ekuiti melebihi 70% di dalam Myanmar Royal Prestige Plantation Pte. Ltd.;
  - iii. mengemukakan surat kelulusan pelaburan dari Kerajaan Myanmar; dan
  - iv. mengeksport biji benih bercambah (DxP) Yangambe.
- c) Lesen MPOB Prestige Platform Sdn. Bhd. (No. Lesen: 571806-013000) dikeluarkan bagi tempoh satu tahun dan boleh diperbaharui apabila tamat tempoh lesen. Lesen MPOB ini juga dikeluarkan secara “one-off” iaitu sehingga selesai kesemua biji benih bercambah (DxP) dieksport ke Myanmar. Lesen Prestige Platform Sdn. Bhd. telah tamat tempoh pada 30 April 2018 dan rekod pelesenan MPOB dibatalkan pada 01 Ogos 2018.

## 7. Hak Orang Asli

SUHAKAM telah membuat permohonan untuk bertemu dan berbincang dengan Kerajaan Negeri Kelantan berhubung insiden Orang Asli di Gua Musang. SUHAKAM hanya menerima surat maklum balas bertarikh 10 Januari daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang antara lainnya menyatakan bahawa mereka tidak menerima pakai sepenuhnya Akta Orang Asli 1954; tidak mengiktiraf kawasan rayau Orang Asli; menekankan bahawa pihak berkuasa negeri berhak menguruskan isu-isu tanah; menekankan peranan JAKOA dan menolak pemakaian prinsip izin maklum awal bebas telus bagi pembangunan terhadap hak tanah adat Orang Asli serta turut memaklumkan berkenaan prosedur-prosedur yang digunakan pihak berkuasa negeri dalam menjalankan konsultasi dengan Orang Asli; serta menolak untuk bertemu dengan kumpulan Orang Asli bagi mengadakan perbincangan dengan meletakkan tanggungjawab tersebut kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA).

Kerajaan negeri turut menggariskan bahawa Kanun Tanah Negara dan pemilikan tanah perlu menjadi dokumen utama bagi menentukan status tanah. Kertas dasar yang disediakan oleh kerajaan negeri seterusnya menggariskan terdapat konflik dalam tuntutan Orang

Asli terhadap tanah yang telah diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu. Pihak kerajaan menegaskan bahawa Enakmen Rizab Melayu telah digubal dan dikuatkuasakan sejak tahun 1930, sedangkan Akta Orang Asli hanya berkuat kuasa pada tahun 1954. Di samping itu, surat tersebut menyatakan bahawa Orang Asli boleh membuat tuntutan di mahkamah bagi mendapatkan keputusan terhadap status tanah yang dituntut.

SUHAKAM telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah JAKOA (KP) pada 19 Januari. Dalam pertemuan tersebut, KP mengakui bahawa isu sekatan di Gua Musang sukar untuk diselesaikan kerana kedua-dua pihak terlibat iaitu, komuniti Orang Asli dan Kerajaan Negeri Kelantan tidak mahu berkompromi dalam pendirian dan kepentingan masing-masing terhadap isu tersebut.

Akhirnya, selepas beberapa permohonan, Menteri Besar Kelantan telah mengadakan perjumpaan dengan SUHAKAM pada 23 Ogos. Sebelum mesyuarat tersebut diadakan, SUHAKAM telah melawat Orang Asli di Gua Musang dan Lojing untuk mendengar keluhan mereka. Semasa mesyuarat yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Kelantan dan Terengganu, SUHAKAM telah membangkitkan hasil dapatan dan keluhan masyarakat Orang Asli yang diperolehi daripada lawatan tersebut. Bagi menegaskan pendiriannya, Kerajaan Negeri Kelantan menerangkan bahawa, Kerajaan Negeri telah merizabkan sebanyak 7286 hektar tanah untuk penempatan Orang Asli di bawah Seksyen 62 Kanun Negara; Jabatan Perhutanan telah menetapkan kawasan seluas 50 meter dari sungai sebagai zon penampungan bagi menangani masalah pencemaran sungai; selain itu, kerajaan negeri turut menafikan kegiatan pembalakan yang berlaku merupakan punca banjir buruk yang melanda Kelantan pada tahun 2014 sebaliknya menerangkan bahawa kajian yang dijalankan mendapati banjir buruk yang berlaku berpunca daripada hujan lebat yang luar biasa dan angin kencang yang berlaku semasa monsoon timur laut. Rujuk kepada gambar Mesyuarat dengan Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Ahmad bin Yakob pada 23 Ogos di muka surat 91.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa menjalankan perundingan dari semasa ke semasa dengan Kerajaan Negeri berkaitan isu tanah. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKOA dengan kerjasama JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan wakil Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG) dan wakil Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang bagi mencari jalan penyelesaian berkaitan isu tanah tersebut.

Pada Januari 2019, mesyuarat oleh PTG Negeri Kelantan bersama Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang, JUPEM Negeri Kelantan dan JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu telah memutuskan sebanyak 20 buah Kampung Orang Asli (KOA) untuk diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN). Manakala, kawasan penempatan Orang Asli yang berada di dalam hutan simpan kekal akan diwartakan di bawah Seksyen 10 Akta Perhutanan Negara.

Pada Julai 2019, mesyuarat oleh PTG Negeri Kelantan bersama Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang, JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu dan Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Gua Musang telah mengenal pasti sebanyak 31 kawasan penempatan Orang Asli adalah bertindih pemilikan dengan hakmilik individu dan syarikat.

Berikutan itu, mesyuarat telah memutuskan JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu perlu mengadakan satu bengkel bagi tujuan mengenal pasti butiran pertindihan bagi mencari penyelesaian akan isu tersebut. Kertas kerja untuk mengadakan bengkel tersebut adalah dalam tindakan JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu.

Sehingga kini JUPEM masih belum dipanggil bagi penentuan rizab orang asli dan masih belum menerima sebarang permohonan untuk menyediakan pelan warta bagi kawasan tersebut.

## 8. Kematian dalam Tahanan

Semasa bengkel “*Custodial Medicine-Preventing Death in Custody*” pada 22 dan 23 Oktober, SUHAKAM dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) sedang dalam perbincangan bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan penubuhan “*custodial medical team*” sebagai sebahagian usaha untuk menangani isu kematian dalam tahanan. **SUHAKAM mengalu-alukan inisiatif ini kerana ia merupakan salah satu cadangan yang dibuat oleh SUHAKAM menerusi laporan “Kematian dalam Tahanan Polis: Kaji Selidik Mengenai Keadaan Lokap dan Faktor-faktor Penyumbang kepada Kematian”. Dalam hal ini, SUHAKAM menggesa pihak kerajaan memberikan sokongan sepenuhnya bagi mempercepat penubuhan “*custodial medical team*”.**

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Kesihatan sedang dalam usaha merangka penubuhan *custodial medical unit* yang akan terdiri daripada anggota kesihatan (pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan jururawat terlatih). Unit ini akan bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas Orang Kena Tahan.

Objektif penubuhan unit ini adalah untuk memenuhi Kaedah-Kaedah Lokap 1953 dan memastikan hak asasi Orang Kena Tahan dipelihara. Buat masa ini rancangan projek rintis CMU ini akan dilaksanakan di 5 Lokap Berpusat yang telah dikenalpasti iaitu Lokap Berpusat Bayan Baru, Lokap Berpusat Shah Alam, Lokap Berpusat Jinjang, Lokap Berpusat Bandar Indera Mahkota dan Lokap Berpusat Kepadayan.

Sebagai langkah permulaan, Klinik CMU dicadangkan untuk ditubuhkan di lima (5) Lokap Berpusat PDRM sebagai projek rintis selama satu (1) tahun. Setiap klinik CMU akan diseliasa oleh Jabatan Perubatan Forensik di hospital yang telah mempunyai perkhidmatan ‘*clinical forensic*’ seperti berikut:

- i. Hospital Pulau Pinang;
- ii. Hospital Kuala Lumpur;
- iii. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor;
- iv. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang; dan
- v. Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah.

Pemilihan hospital tersebut adalah berdasarkan lokasi lima (5) Lokap Berpusat PDRM iaitu:

- i. Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang;
- ii. Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur;
- iii. Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor;
- iv. Lokap Berpusat Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang; dan
- v. Lokap Berpusat Kepayan, Kota Kinabalu.

Klinik CMU akan beroperasi pada hari bekerja iaitu Isnin sehingga Jumaat (9.00 pagi – 4.00 petang) dan *Medical Custodial Team* akan terdiri daripada Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat terlatih. Jumlah keanggotaan akan ditentukan oleh pihak KKM.

Penempatan Pegawai Perubatan dan *Medical Custodial Team* di Lokap Berpusat PDRM adalah bertujuan:

- i. Mengesahkan tahap kondisi tahanan sama ada sesuai ditahan di lokap atau dimasukkan ke dalam wad untuk rawatan dan pemantauan;
- ii. Memberi rawatan kepada tahanan yang sakit semasa dalam tahanan; dan
- iii. Pengambilan spesimen tahanan bagi tujuan siasatan.

Bagi kes-kes kecemasan selepas waktu pejabat, kes perlu dirujuk ke Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital mengikut lokasi Lokap Berpusat tersebut.

Ubat-ubatan tidak akan disimpan di bilik CMU dan ia akan dibawa oleh pegawai-pegawai perubatan setiap hari untuk merawat pesakit. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan sebarang risiko keselamatan.

Kerja-kerja pengubahsuaian ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan November 2019. Manakala, bagi pembelian peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan dan kemudahan Klinik CMU masih di peringkat penyediaan spesifikasi peralatan/kelengkapan dan dijangka dapat dibekalkan ke lima-lima Lokap Berpusat PDRM adalah pada bulan Disember 2019.

Jabatan Penjara Malaysia sentiasa mengulangi lawatan daripada pihak SUHAKAM ke penjara dan juga menyokong hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menubuhkan “*custodial medical team*”.

## 8.1 Lawatan ke Tempat Tahanan

Pada tahun ini, SUHAKAM telah melakukan 56 lawatan ke tempat-tempat tahanan, iaitu 18 lawatan berkala yang merangkumi lokap (6), penjara (6), pusat tahanan imigresen (4), pusat tahanan tentera (1) dan pusat pemulihan dadah (1) serta 38 lawatan kes. Rujuk kepada gambar Lawatan rutin SUHAKAM ke Pusat tahanan Immigresen Tanah Merah pada 23 Ogos di muka surat 95.

Pada tahun 2016, SUHAKAM telah membangkitkan beberapa isu yang diperoleh berdasarkan pemerhatian SUHAKAM semasa lawatan ke pusat tahanan. SUHAKAM mendapati bahawa isu yang sama masih berterusan di pusat tahanan pada tahun yang dikaji. Lawatan rutin ke Pusat-Pusat Tahanan pada Tahun 2017 adalah seperti yang terkandung di dalam Jadual 7 (*seperti di mukasurat 96-102*).

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

ISU-ISU	MAKLUMBALAS
<p><b>Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah – 14 Jun 2017</b></p> <p>Penjara ini merupakan penjara lama, iaitu bangunan usang yang kebanyakan kemudahan di dalam penjara tidak lagi sesuai untuk menempatkan tahanan. Setiap sel dibekalkan sebuah baldi untuk tahanan membuang air kerana tiada tandas yang disediakan di dalam sel.</p>	<p>Cadangan peruntukan tersebut telah dipanjangkan kepada Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan &amp; Perolehan) Kementerian Dalam Negeri.</p> <p>Rujukan : JP/PEM/ PK/165/5/3 Jld.3(24) bertarikh 12 Julai 2018.</p> <p>- Peruntukan RM1.5 juta bagi naiktaraf bucket sistem kepada sistem tandas di PPA Batu Gajah telah diluluskan di bawah RP 4 RMK 11 bagi tahun 2020. Selain itu, dua lagi institusi penjara yang diluluskan iaitu Penjara Seremban sebanyak RM 4.4 juta dan Penjara Pengkalan Chepa sebanyak RM 1.3 juta.</p>

ISU-ISU	MAKLUMBALAS														
<p><b>Penjara Tapah – 15 Jun 2017</b></p> <p>Lantai penjara ini telah retak dan licin. Lantai berada dalam keadaan berminyak walaupun baru dibersihkan sebelum lawatan SUHAKAM.</p> <p>Sesetengah dulang makanan tahanan tidak berada di dalam keadaan baik. Namun masih digunakan kerana bilangan banduan melebihi kuantiti dulang makan yang sedia ada. Semasa lawatan SUHAKAM, tahanan di Penjara Tapah seramai 2821 tahanan, namun hanya ada sejumlah 2300 dulang makanan yang disediakan.</p>	<p><b>Lantai Licin</b></p> <p>Struktur lantai dapur sediaada didapati dalam keadaan uzur kerana kekerapan penggunaan yang tinggi. Keadaan dapur juga licin semasa dalam proses penyediaan makanan dan akan dibuat pembersihan setiap hari selepas selesai proses penyediaan makanan.</p> <p><b>Bekas Makanan</b></p> <p>Jabatan menghadapi masalah kekangan peruntukan kewangan. Walau bagaimanapun, jabatan telah mengambil tindakan menukar bekas makanan yang lama kepada yang baru di mana harga yang jauh lebih murah. Tindakan penambahan bekas makanan telah dibuat kepada Penjara Tapah seperti berikut :</p> <p><b>Tahun 2017</b></p> <table border="1"> <tr> <td>1. 01.06.2017</td> <td>– 550 unit</td> </tr> <tr> <td>2. 14.06.2017</td> <td>– 750 unit</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>1,300 unit</b></td> </tr> </table> <p><b>Tahun 2018</b></p> <table border="1"> <tr> <td>1. 11.06.2018</td> <td>– 2000 unit</td> </tr> <tr> <td>2. 19.07.2018</td> <td>– 3000 unit</td> </tr> <tr> <td>3. 14.11.2018</td> <td>– 1365 unit</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>6,365 unit</b></td> </tr> </table> <p>Masalah bekas makanan banduan telah dapat diatasi.</p> <p><b>Kualiti Makanan</b></p> <p>Skala diet yang disediakan adalah mengikut Jadual Pertama dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000 (Pindaan 2003) dan skala diet yang disediakan juga memenuhi keperluan nutrisi banduan dan telah mendapat pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala,</p>	1. 01.06.2017	– 550 unit	2. 14.06.2017	– 750 unit	<b>Jumlah</b>	<b>1,300 unit</b>	1. 11.06.2018	– 2000 unit	2. 19.07.2018	– 3000 unit	3. 14.11.2018	– 1365 unit	<b>Jumlah</b>	<b>6,365 unit</b>
1. 01.06.2017	– 550 unit														
2. 14.06.2017	– 750 unit														
<b>Jumlah</b>	<b>1,300 unit</b>														
1. 11.06.2018	– 2000 unit														
2. 19.07.2018	– 3000 unit														
3. 14.11.2018	– 1365 unit														
<b>Jumlah</b>	<b>6,365 unit</b>														
<p>Tahanan turut mengadu bahawa makanan yang diberikan tidak berkualiti dan banduan yang sakit tidak diberikan makanan yang bersesuaian dengan tahap kesihatan mereka.</p>															

ISU-ISU	MAKLUMBALAS
	<p>makanan bagi banduan yang didapati sakit adalah bergantung kepada pengesyoran pegawai perubatan penjara.</p> <p><b>Aktiviti Riadah Banduan</b></p> <p>Banduan akhir tidak dibenarkan untuk bersenam di bawah cahaya matahari atas faktor keselamatan.</p> <p>Peraturan 67- <i>Peraturan-Peraturan Penjara 2000, Perkiraan hendaklah dibuat setakat yang praktik bagi tiap-tiap banduan, melainkan jika dikecualikan oleh Pegawai Perubatan atas alasan kesihatan, untuk melakukan senaman dan rekreasi fizikal harian: Dengan syarat bahawa keselamatan dan tatatertib dikekalkan dengan sewajarnya.</i></p> <p>Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan riadah bagi banduan akhir adalah sepertimana yang ditetapkan dalam Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil. E 330 Pindaan 2013 – Kemudahan Yang Boleh Didapati Oleh Banduan Akhir Di Seluruh Institusi Penjara Malaysia ; 3.11.1 – <i>Keberanian keluar bilik untuk tujuan mandi dan senaman adalah berdasarkan kepada kedudukan fizikal blok penempatan banduan akhir. Bagi blok penempatan yang bertingkat, banduan akhir hanya dibenarkan keluar dari sel dan berada di ruang legar mengikut tingkat blok masing-masing.</i></p> <p><b>Kerusi Roda</b></p> <p>Klinik di dalam penjara juga tidak mempunyai kerusi roda baru yang mencukupi untuk pergerakan banduan yang sakit.</p> <p>Perolehan kerusi roda adalah di bawah peruntukan Harta Modal (OS35000). Pihak Jabatan sentiasa membuat permohonan khusus supaya Peralatan Harta Modal yang diperlukan boleh dibeli secara berperingkat. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi dengan sumbangan tiga unit kerusi roda oleh Pegawai Penjara bagi menampung keperluan tersebut yang telah diagih ke IPD Jelebu, Penjara Kajang, Penjara Tapah (setiap satu unit).</p>

ISU-ISU	MAKLUMBALAS
<p><b>Penjara Alor Setar – 20 September 2017</b></p> <p>Pengudaraan yang sangat teruk di blok banduan akhir terutamanya blok yang ditempatkan di aras bawah.</p> <p>Banduan juga mengadu tentang masalah nyamuk di dalam sel mereka.</p> <p><b>Penjara Taiping – 30 September 2017</b></p> <p>Penjara ini menghadapi masalah yang sama seperti Penjara Seremban, yang mana setiap sel dibekalkan dengan sebuah baldi untuk tahanan membuang air kerana tiada tandas yang disediakan di dalam sel. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa blok di penjara dilengkapi tandas di dalam sel.</p> <p>SUHAKAM telah menemui warga Indonesia yang di tahan dibawah SOSMA yang menyatakan beliau tidak dapat memaklumkan kepada ahli keluarga berhubung penahanan tersebut. Hal ini kerana tahanan tersebut tidak mempunyai wang untuk menggunakan kemudahan telefon yang disediakan di penjara.</p>	<p><b>Pengudaraan</b></p> <p>Pihak pengurusan institusi telah memindahkan banduan akhir ke bahagian lain dalam blok yang sama di mana ruang tersebut mempunyai pengudaraan dan pencahayaan yang lebih baik.</p> <p><b>Nyamuk</b></p> <p>Penjara Alor Setar telah memanjangkan isu ini kepada Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar dan tindakan semburan telah dilaksanakan. Selain itu, penjara juga membuat gotong-royong bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk. Pihak institusi juga bercadang untuk memasang <i>mosquito net</i>. Walau bagaimanapun, pemasangan ini bergantung kepada peruntukan belanja mengurus sedia ada.</p> <p><b>Bucket System (Sistem Baldi Najis)</b></p> <p>Pemeriksaan JKR mendapati Penjara Taiping tidak sesuai untuk dinaiktaraf kepada sistem tandas kerana ruang yang sedia ada adalah terhad. Rujukan : Bil (53)d/m.JKR. LM&amp;S.07/30/08-05 Jld.2 bertarikh 29 Disember 2017.</p> <p><b>Perkhidmatan Telefon Pra Bayar.</b></p> <p>Kemudahan telefon prabayar yang disediakan di dalam penjara adalah untuk kegunaan banduan tetapi secara berbayar. Setiap banduan yang ingin menggunakan perkhidmatan telefon prabayar tersebut hendaklah menggunakan peruntukan sendiri. Ini adalah kerana telefon tersebut disediakan oleh <i>service provider</i> dari syarikat swasta. Walau bagaimanapun, banduan</p>

ISU-ISU	MAKLUMBALAS
<p><b>Pusat Koreksional Kamunting – 4 Oktober 2017</b></p> <p>Lantai dapur yang licin boleh menyebabkan tahanan terjatuh semasa bekerja di dapur.</p> <p>SUHAKAM dimaklumkan bahawa lalat yang banyak disebabkan penggunaan baja semula jadi untuk aktiviti berkebun yang dijalankan di dalam penjara.</p> <p>Selain itu, tilam kelihatan uzur dan tidak berada dalam keadaan yang memuaskan, namun pihak penjara memaklumkan mereka tidak mempunyai peruntukan untuk menggantikan tilam tersebut.</p> <p>Tahanan juga mengadu bahawa mereka dihidangkan ikan rebus dan ini menyebabkan terdapat tahanan yang mengalami masalah kegatalan kulit.</p>	<p>boleh memanjangkan permohonan kepada Pegawai Kebajikan Penjara untuk memaklumkan perihal penahanan yang dialami kepada keluarga atau pihak kedutaan negara masing-masing.</p> <p><b>Lantai Licin</b></p> <p>Bagi mengatasi masalah dapur licin semasa dalam proses penyediaan makanan, institusi akan membuat pembersihan setiap hari selepas selesai proses penyediaan makanan.</p> <p><b>Lalat</b></p> <p>Tindakan telah diambil dengan menukar baja semula jadi kepada baja kompos dan telah memasang perangkap lalat di dapur bagi menangani masalah tersebut.</p> <p><b>Alas Tidur</b></p> <p>Jabatan menghadapi masalah kekangan peruntukan kewangan, Walau bagaimanapun, jabatan telah mengambil tindakan menukar tilam kepada alas tidur di mana harga yang jauh lebih murah dan dijangka dapat diatasi tahun ini dan sedang menunggu Lembaga Tender KDN selesai membuat pemilihan penender berjaya.</p> <p><b>Kualiti Makanan</b></p> <p>Masalah ini berlaku kerana pada masa itu berlaku kekurangan bekalan minyak masak di pasaran dan ini menyebabkan bekalan minyak masak tidak dapat dibekalkan seperti mana dalam pesanan. Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah diatasi dan pembekal telah membekalkan minyak masak sepertimana yang ditetapkan.</p>

PDRM mengambil maklum dan akan membuat pemantauan secara berterusan di semua lokap polis.



## PENYELESAIAN ADUAN DI SABAH

### 1. Skop Aduan

Bagi tahun 2017, Pejabat Sabah telah menerima sejumlah 388 aduan, dan 296 merupakan kes hak asasi manusia. Berdasarkan Jadual 1 (seperti di muka surat 148), aduan berkaitan dengan hak untuk kewarganegaraan mendahului senarai iaitu 172 aduan diikuti hak untuk tanah adat dengan 54 aduan dan tangkapan, tahanan dan pembuangan negeri dengan 30 aduan.

Berdasarkan 296 kes hak asasi manusia, Pejabat Sabah hanya berjaya menyelesaikan sejumlah 87 aduan atau 30 peratus daripada aduan keseluruhan. Walaupun Pejabat Sabah mempunyai hubungan kerjasama yang sangat positif dengan agensi-agensinya kerajaan persekutuan dan negeri dalam menyelesaikan aduan, kadar penyelesaian aduan adalah rendah disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut: -

- i. Isu-isu hak asasi manusia yang dilaporkan tidak selaras dengan undang-undang dan dasar kerajaan Malaysia. Penyelesaian hanya boleh dicapai melalui penggubalan dasar dan pindaan undang-undang yang berkaitan.
- ii. Aduan melibatkan pelbagai agensi dan/atau negara ketiga, seperti dalam kes isu penghantaran balik warga asing.
- iii. Kapasiti agensi kerajaan yang terlibat terlalu terhad, menyebabkan berlaku penangguhan sesuatu kes. Satu contoh kes ialah daftar lewat sijil lahir yang perlu disahkan oleh Mahkamah Majistret kerana melibatkan penelitian terperinci dokumen dan keperluan saksi. Dari tahun 2009 sehingga tahun 2016, sebanyak 11,146 permohonan telah dibuat untuk pengesahan daftar lewat sijil kelahiran di Sabah di bawah Seksyen 22 (3) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123).

### 2. Aduan Berkaitan Isu Tanah

Dalam Laporan Tahunan 2016, Pejabat Sabah telah membuat syor kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah dalam usaha untuk membantu

jabatan meningkatkan pentadbiran tanah supaya dapat mengurangkan aduan yang berkaitan dengan isu-isu tanah.

Secara ringkas, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah telah menubuhkan satu unit khas iaitu Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS) untuk melihat secara khusus permohonan untuk tanah anak negeri pada tahun 2013. Di bawah inisiatif ini, pemprosesan permohonan tanah dan pengeluaran hak milik tanah kepada orang asal terutamanya tanah yang dituntut di bawah hak tanah adat anak negeri telah dipercepatkan melalui perubahan prosedur pemprosesan tanah dan pengenalan teknologi terkini dalam pengukuran tanah yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. SUHAKAM berpandangan bahawa inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri Sabah melalui Jabatan Tanah dan Ukur telah mula memberikan kesan positif bagi menambah-baik isu hak asasi manusia terutama berhubung dengan tanah NCR.

## PENYELESAIAN ADUAN DI SARAWAK

Pada tahun 2017, Pejabat Sarawak telah menerima 46 aduan dan pertanyaan tentang hak asasi manusia daripada orang awam. Pecahan aduan adalah seperti yang terkandung di dalam Jadual 1 (seperti di muka surat 155). Isu-isu yang timbul adalah seperti berikut:

### 1. Tanah Adat Serta Permasalahan yang Berkaitan dengan Tuntutan Tanah Adat

Sarawak merupakan sebuah negeri yang besar dan sesetengah tanah adat yang dituntut terletak jauh di pedalaman. Justeru, penambahan dana untuk melakukan proses pengukuran haruslah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Dari segi penambahbaikan terhadap Kanun Tanah Sarawak, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Tanah dan Survei akan menilai semula Kanun Tanah Sarawak dan akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Oleh itu, semakan semula terhadap Kanun Tanah Sarawak sangat penting supaya perkara ini akan dapat memberikan keadilan yang lebih baik terhadap orang asal di Sarawak terutamanya dalam proses tuntutan tanah adat. Perlu diingat bahawa tanah adat merupakan elemen kehidupan yang penting kepada orang asal untuk memperbaiki taraf sosial mereka.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Semenjak Oktober 2010 sehingga 2018 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM161.05 juta untuk kerja-kerja pengukuran (Pecahan mengikut tahun adalah seperti di bawah). Pada tahun 2019 Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM21.5 juta. Namun setakat laporan ini dibuat (September 2019) hanya sejumlah RM10.75 juta diterima.

Tanah hak adat Bumiputera (NCR) di Sarawak sememangnya diiktiraf kewujudannya melalui peruntukan di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Sarawak. Ini terbukti di mana setakat 31 Ogos 2019, seluas 893,206 hektar tanah NCR telah diukur melalui Program Pengukuran Perimeter Tanah NCR Inisiatif Baharu di mana 742,158 hektar daripadanya telahpun diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri.

Selain itu, secara keseluruhannya, sejumlah 242,902 surat hakmilik di bawah Seksyen 18 telah dikeluarkan ke atas tanah NCR di Sarawak yang melibatkan kawasan seluas 317,471 hektar.

Kerajaan Sarawak telah membuat pindaan terhadap Kanun Tanah Sarawak melalui pewartaan *the Land Code (Amendment) Ordinance, 2018* pada 3 Ogos 2018 untuk mengiktiraf *usufructuary right* ke atas kawasan *Native Territorial Domain* (NTD). Pindaan ini memberi kuasa undang-undang ke atas kawasan NTD sesuatu komuniti untuk diiktiraf secara sah sebagai mempunyai hak pemilikan (*proprietary right*) dengan pengeluaran surat hakmilik secara *in perpetuity*.

Peraturan berhubung perkara berkenaan telah digariskan melalui *the Land (Native Communal Title) Rules, 2019* yang telah diwartakan pada 12 Julai 2019. Kedua-dua pindaan dan peraturan telah diberi tarikh kuatkuasa pada 1 Ogos 2019.

Berikut merupakan pecahan peruntukan yang diterima mengikut tahun oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi pelaksanaan Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu setakat 31 Ogos 2019 :-

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA (RM)
2010 - 2015 (RMKe-10)	104,060,473.00
2016	13,989,600.00
2017	23,900,000.00
2018	19,100,000.00
2019	10,750,000.00
JUMLAH	171,800,073.00

## 2. Isu Kewarganegaraan

Isu kewarganegaraan turut menjadi isu utama dalam aduan yang diterima oleh Pejabat Sarawak khususnya isu berkenaan dengan taraf kewarganegaraan kanak-kanak dan pendaftaran lewat dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan oleh penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman. Selain itu, isu berkaitan taraf kewarganegaraan ini juga turut melibatkan kanak-kanak yang ibunya bukan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki tempatan tetapi perkahwinan tersebut tidak didaftarkan di Malaysia. Aduan-aduan berkaitan dengan isu ini telah dikemukakan kepada jabatan yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

## LAPORAN 2018

### 8.2 Dakwaan penggunaan kekerasan melampau terhadap tahanan

Terdapat juga dakwaan penggunaan kekerasan secara fizikal terhadap tahanan untuk mendapatkan pengakuan mereka semasa direman sebelum ditahan di bawah POCA. Melalui maklum balas kerajaan kepada SUHAKAM terhadap Laporan Tahunan 2016 berhubung syor SUHAKAM, supaya proses soal siasat yang dijalankan terhadap tahanan dirakam melalui video secara mandatori, kerajaan telah menolak syor yang dikemukakan dan menyatakan bahawa tiada peruntukan perundangan untuk keperluan tersebut, tetapi kerajaan mengambil maklum tentang pendekatan yang disyorkan dan akan dikaji untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

**b. Dakwaan permintaan rasuah untuk pembebasan**

Beberapa keluarga kepada tahanan telah membangkitkan kepada SUHAKAM bahawa mereka ada menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali yang mendakwa mereka dapat membantu membebaskan tahanan POCA dengan sejumlah bayaran. Bagi kes-kes tersebut, SUHAKAM telah menasihati ahli keluarga untuk membuat laporan kepada Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis untuk menyiasat dakwaan tersebut.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Sepanjang 2019, SPRM telah menerima sebanyak enam maklumat melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia bagi kes berkaitan PATI seperti yang tertera dalam jadual berikut:

**Jadual (1) STATISTIK RASUAH MELIBATKAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA BAGI KES BERKAITAN PENDATANG TANPA IZIN BAGI TAHUN 2019**

Tahun	Maklumat			Kertas Siasatan			Tangkap			Tuduh		
	TR	BR	MR	TR	BR	MR	TR	BR	MR	TR	BR	MR
2019	6	0	1	4	0	1	0	0	2	0	0	1

\*Bahagian Rekod & Maklumat

TR- Terima Rasuah

BR- Beri Rasuah

MR- Minta Rasuah





## **BAB 2**

# MEMPERTAHANKAN / MEMBELA HAK ASASI MANUSIA UNTUK KOMUNITI RENTAN



## BAB 2 - MEMPERTAHANKAN/MEMBELA HAK ASASI MANUSIA UNTUK KOMUNITI RENTAN

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>A ORANG ASAL/ASLI</b>	<b>37</b>
1. Syor-syor	<b>37</b>
<b>B KANAK-KANAK</b>	<b>41</b>
LAPORAN 2017	<b>41</b>
1. Perkahwinan paksa dan pada awal usia	<b>41</b>
2. Kesalahan seksual terhadap kanak-kanak	<b>42</b>
2.1 Pendaftar pesalah-pesalah seksual kanak-kanak	<b>42</b>
2.2 Mahkamah khas bagi jenayah seksual terhadap kanak-kanak	<b>43</b>
2.3 Peruntukan tambahan dimasukkan ke dalam Jadual SOACA 2017	<b>45</b>
LAPORAN 2018	<b>45</b>
1. Perkahwinan kanak-kanak	<b>45</b>
<b>C WANITA</b>	<b>50</b>
LAPORAN 2017	<b>50</b>
1. Konvensyen mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita (CEDAW)	<b>50</b>
i. Pemerdagangan wanita	<b>56</b>
ii. Pembiayaan NHRI dan undang-undang antirasuah	<b>56</b>
iii. Aplikasi undang-undang islam atau syariah	<b>58</b>
LAPORAN 2018	<b>58</b>
1. Sesi ke-69 Jawatankuasa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW)	<b>58</b>
<b>D TANPA KEWARGANEGARAAN</b>	<b>60</b>
1. Isu tanpa kerakyatan di Sabah	<b>60</b>
1.1 Pemegang kad IMM13	<b>61</b>
1.2 Kanak-kanak Jalanan (Tanpa Dokumen)	<b>61</b>
2. Cadangan	<b>61</b>

<b>E</b>	<b>PELARIAN DAN PEMOHONAN SUAKA</b>	<b>62</b>
	LAPORAN 2017	<b>62</b>
	1. Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR)	<b>62</b>
	LAPORAN 2018	<b>63</b>
	1. Komitmen antarabangsa untuk pelarian dan pencari suaka	<b>63</b>
	2. Syor-syor	<b>63</b>
<b>F</b>	<b>PEMERDANGAN MANUSIA</b>	<b>65</b>
	LAPORAN 2018	<b>65</b>
	1. Usaha SUHAKAM	<b>65</b>
<b>G</b>	<b>PEKERJA</b>	<b>66</b>
	LAPORAN 2018	<b>66</b>
	1. Komitmen antarabangsa terhadap pekerja migran	<b>66</b>
	2. Syor-syor	<b>66</b>
<b>H</b>	<b>ORANG KURANG UPAYA</b>	<b>67</b>
	LAPORAN 2018	<b>67</b>
<b>I</b>	<b>LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER</b>	<b>69</b>
	LAPORAN 2018	<b>69</b>
<b>J</b>	<b>BULI SIBER DAN HAK ASASI MANUSIA</b>	<b>70</b>

## A. ORANG ASAL/ASLI

### 1. Syor-syor

SUHAKAM mengesyorkan agar langkah-langkah yang berikut dilaksanakan dalam mengiktiraf hak-hak Orang Asal/Asli:

- i. Melaksanakan syor-syor yang telah dibuat dalam NI tanpa sebarang kelewatan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Kesatuan Nasional dan Kesejahteraan Sosial mestilah bekerjasama dengan semua agensi kerajaan negeri dalam memantau pelaksanaan syor-syor yang telah dibuat bagi menjaga hak-hak Orang Asal/Asli. Kementerian tersebut juga mestilah bekerjasama dengan rakan sejawat mereka di Sabah dan Sarawak.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Konvensyen Kebangsaan mengenai Orang Asli, yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 22 April 2019. Konvensyen ini bertujuan untuk membincangkan isu yang dihadapi oleh kira-kira 200,000 Orang Asli dan mencari kaedah dan langkah terbaik untuk mengatasi masalah dihadapi oleh komuniti Orang Asal/Asli di Malaysia.

Sebanyak 137 resolusi yang dibahagikan kepada 7 tema iaitu tanah, pendidikan, kepimpinan, kesihatan, ekonomi, infrastruktur dan kebudayaan telah dicapai. Resolusi daripada konvensyen ini akan dijadikan sebagai asas kepada penggubalan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional agar selari dengan keperluan masyarakat Orang Asli. Penganjuran konvensyen ini bukti kerajaan komited dalam melindungi hak komuniti itu dan ikhlas dalam membantu mereka.

Jemaah Menteri (JM) pada 3 Jun 2015 telah bersetuju dengan 17 daripada 18 syor yang dikemukakan Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli. Bagi syor ke 18, sebuah jawatankuasa khas Kabinet telah ditubuhkan bagi mengkaji suruhanjaya tersebut.

Jawatankuasa khas ini diketuai oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu dan diurussetiakan

oleh Jabatan Integriti dan Tadbir urus Negara (JITN). Oleh kerana JITN telah dipindah fungsi ke *Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre* (GIACC), maka fungsi dan penyelarasan jawatankuasa ini telah dipindahkan ke Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Satu mesyuarat bersama BHEUU dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) akan diadakan pada 12 November 2019 bagi memperhalusi perkara ini kerana hampir keseluruhan syor dari inkuiri tersebut adalah berkaitan isu tanah.

Buat masa ini JAKOA bekerjasama dengan kementerian-kementerian berkaitan Orang Asli untuk memastikan isu-isu yang melibatkan masyarakat Orang Asli dapat ditangani bersama dan diambil tindakan mengikut fungsi kementerian-kementerian terbabit. Dalam menangani isu tanah pula, JAKOA sentiasa mengadakan rundingan dan mengambil tindakan susulan bersama Agensi Kerajaan Pusat dan Negeri dalam memastikan usaha-usaha mewartakan tanah rizab Orang Asli dapat dilaksanakan dengan lancar.

- ii. Semua kerajaan negeri mestilah mengiktiraf hak tanah adat Orang Asal/Asli dan mewartakan tanah adat kepada komuniti orang Asal/Asli. Kerajaan negeri juga seharusnya bekerjasama dengan komuniti Orang Asal/Asli di dalam aktiviti menjana keuntungan berasaskan hutan seperti ekopelancongan.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah memberikan keutamaan untuk mengiktirafkan tanah adat anak negeri dan seterusnya mengeluarkan hak milik tanah anak negeri. Mengikut rekod Jabatan, keluasan tanah dan peratusan pemilikan tanah anak negeri di Sabah telah meningkat dari 795,980.806 hektar (33.44%) pada tahun 2016 ke 1,035,415.588 hektar (40.50%) pada Jun 2019.

Tanah hak adat Bumiputera (NCR) di Sarawak sememangnya diiktiraf melalui peruntukan di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Sarawak. Selain itu, *Native Territorial Domain* (NTD) (jika dalam keadaan Orang Asli, ianya diterima sebagai kawasan rayau) juga telah diberi pengiktirafan melalui pindaan Kanun

Tanah Sarawak berkuatkuasa 1 Ogos 2019 di mana peruntukan seksyen 64 Kanun Tanah Negeri telah diperkenalkan dan peraturan berhubung perkara berkenaan juga telah digariskan *melalui the Land (Native Communal Title) Rules, 2019*.

Pelbagai model pembangunan tanah bagi tanah NCR berkenaan turut disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah.

Kerajaan Sarawak sememangnya mengiktiraf hak tanah adat orang asal di negeri ini disamping komited untuk menguruskan hutan secara lestari dan memastikan sektor perhutanan terus menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Sekiranya ada masalah tuntutan tanah, Kerajaan, melalui Jabatan Hutan Sarawak akan bekerjasama dengan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi mengenal pasti kawasan NCR yang sah untuk dikeluarkan daripada kawasan lesen.

Walau bagaimanapun, jika masih terdapat tuntutan tanah NCR yang sah di dalam mana-mana kawasan lesen hutan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, permohonan untuk kerja-kerja ukur perimeter dan pewartaan tanah tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Hanya selepas diwartakan, barulah tanah NCR tersebut boleh dikeluarkan dari kawasan lesen selaras dengan peruntukan di dalam Jadual 2 syarat-syarat lesen hutan dan Jadual 3 bagi lesen ladang hutan.

Di samping itu, hak dan keistimewaan penduduk asal yang layak untuk mendapatkan dan menggunakan sumber hutan juga diambil kira dalam proses pewartaan hutan simpan kekal (*Permanent Forest Estate*) dan kawasan hutan terlindung sepenuhnya (*Totally Protected Area*). Perkara ini termaktub di dalam Jadual 2 notis pewartaan (*Gazattement Notification*) Kerajaan Negeri Sarawak. Setakat ini, Pihak Jabatan juga telah mewartakan sebanyak 28 kawasan pewartaan sebagai Hutan Komunal "*Constitution of Communal Forest*" untuk kegunaan domestik penduduk setempat.

Selain itu, semua lesen hutan jangka panjang yang dikehendaki mendapat Pensijilan Hutan di bawah piawaian "*Malaysia Criteria and Indicator for Forest Management Certification (Natural Forest)*" secara tidak langsung perlu mematuhi prinsip dan kriteria

yang berkenaan dengan hak-hak orang asal/asli seperti berikut

*Principle 3: Indigenous Peoples' Rights*  
The legal and customary rights of indigenous peoples to own, use and manage their lands, territories, and resources shall be recognised and respected.

Kerajaan juga menggalakkan penglibatan penduduk setempat dalam aktiviti ekopelancongan secara langsung atau tidak langsung bagi meningkatkan ekonomi. Sebagai contoh daripada aktiviti penglibatan secara langsung, penduduk setempat diambil bekerja sebagai kakitangan pengurusan taman negara, pemandu pelancong, pemandu bot dan lain-lain. Manakala penglibatan secara tidak langsung adalah seperti "*Homestay*", jualan kraftangan, aktiviti kebudayaan, penghasilan produk makanan dan lain-lain.

Jabatan Hutan juga mempunyai inisiatif melibatkan komuniti setempat dalam aktiviti peningkatan taraf hidup melalui program perhutanan sosial seperti pembinaan rumah garam, penubuhan sistem tagang, perhutanan tani, penganjuran karnival produk hasil hutan bukan kayu dan pembinaan kemudahan asas dan infrastruktur.

- iii. Mengguna-pakai prinsip makluman awal, bebas dan telus sebelum melaksanakan sebarang program pembangunan untuk komuniti Orang Asal/Asli.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Semua projek pembangunan Kerajaan Negeri Sarawak yang melibatkan komuniti akan dimaklumkan kepada penduduk setempat melalui Pejabat Residen dan Daerah sebelum dilaksanakan.

- iv. Mengambil pendekatan bersifat sementara sebagaimana yang telah digunakan oleh Jabatan Perhutanan Kelantan didalam mengiktiraf hak tanah Orang Asal/Asli.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan akan sentiasa mengambil langkah dan pendekatan berhemah dalam menangani isu/perkara yang melibatkan orang asli sebagaimana yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

- v. Ordinan Tanah Sabah (CAP 68) sepatutnya dinilai semula dan dipinda bagi mengelakkan kekaburan dan kekeliruan. Bengkel yang melibatkan pakar, wakil Orang Asal/Asli, dan pihak yang berminat untuk mengenal pasti sebarang perubahan yang diperlukan hendaklah dianjurkan.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan ini berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan mengenai tuntutan tanah adat anak negeri di bawah Ordinan Tanah Sabah adalah sangat jelas dan telah digunapakai sejak tahun 1930.

- vi. Menambah baik fasiliti sekolah dan latihan untuk guru-guru di sekolah Orang Asli.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

**Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) memaklumkan** telah mewujudkan program latihan praperkhidmatan khusus bagi melatih guru-guru untuk sekolah murid Orang Asli, dengan memberikan pendedahan kepada sosio-budaya dan bahasa masyarakat Orang Asli, dan seterusnya memberikan penekanan kepada pedagogi peribumi (*indigenous pedagogy*).

IPG juga memantapkan latihan guru praperkhidmatan dengan mewujudkan laluan khas bagi pengambilan guru pelatih dalam kalangan Orang Asli yang telah dilaksanakan di IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA), Kuala Lipis, Pahang bermula dengan kohort pertama pada Jun 2010.

Selain daripada itu, Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan (PKPPK) di IPGKTAA juga berperanan sebagai inkubator bagi menyediakan latihan dalam perkhidmatan dan menjadi pusat kajian yang menjurus kepada pendidikan Orang Asli dan Peribumi.

Untuk tahun 2019, IPGM melalui peruntukan inisiatif #54 DTP telah menjalankan program intervensi bagi meningkatkan keupayaan guru dalam peningkatan PdPc di lima sekolah menengah di PPD Gua Musang. Program ini adalah untuk meningkatkan keupayaan guru bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Sains.

Sekolah yang terlibat adalah seperti yang berikut:

1. SMK Sg. Asap
2. SMK Paloh
3. SMK Sri Wangi
4. SMK Tg. Bendahara
5. SMK Tg. Indra Petra

### Maklumat Tambahan

BPSH memaklumkan: Pada tahun 2018, Program *Love My School* sedang dilaksanakan melibatkan 101 buah sekolah di seluruh negara (termasuk Sabah dan Sarawak). Daripada jumlah tersebut, 30 buah sekolah merupakan sekolah Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Berikut merupakan sekolah yang terlibat dalam program tersebut:

- i. SK Bukit Lanjan, Selangor;
- ii. SK Sg Bumbun, Selangor;
- iii. SK Sg Judah, Selangor;
- iv. SK Bukit Tampoi, Selangor;
- v. SK Tasik Cini, Pahang;
- vi. SK Penderas, Pahang;
- vii. SK Satak, Pahang;
- viii. SK Sg Rual, Kelantan;
- ix. SK Sungai Dua, Pahang;
- x. SK Bukit Rok, Pahang;
- xi. SK Bukit Gemuruh, Pahang;
- xii. SK Iskandar, Pahang;
- xiii. SK Runchang, Pahang;
- xiv. SK Permatang Keledang, Pahang;
- xv. SK Menson, Pahang;
- xvi. SK Kuala Koyan, Pahang;
- xvii. SK Batau, Pahang;
- xviii. SK Bukit Ibam, Pahang;
- xix. SK Simpai, Pahang;
- xx. SK Sg Pergam, Hulu Terengganu;
- xxi. SK Sungai Berua, Hulu Terengganu;



- xxii. SK Kuala Betis, Kelantan;
- xxiii. SK Pasir Linggi, Kelantan;
- xxiv. SK Pos Balar, Kelantan;
- xxv. SK Peta, Johor;
- xxvi. SK Kampung Senta, Perak;
- xxvii. SK Pos Bersih, Perak;
- xxviii. SK Pos Tenau, Perak;
- xxix. SK Pos Gedong, Perak; dan
- xxx. SK Jernang, Perak.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan bagi semua warga sekolah, termasuk 93 buah Sekolah Orang Asli, sentiasa diselenggara dari masa ke semasa berdasarkan keperluan, tertakluk kepada keutamaan serta kemampuan kewangan Kerajaan. Untuk tujuan tersebut, pihak sekolah boleh mengemukakan permohonan melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Usaha ini akan tetap diteruskan oleh KPM bagi memastikan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang berkesan.

- vii. Kebolehan dan kapasiti pegawai serta kakitangan yang terlibat dalam mengurus serta mentadbir tanah dan hutan hendaklah ditambahbaik secara berterusan supaya dapat menjadikan mereka lebih peka terhadap hak asasi manusia.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan menyokong dan bersetuju dengan syor agar kapasiti pegawai dan kakitangan terlibat dalam menguruskan hutan ditambahbaik secara berterusan. Perkara ini akan diketengahkan untuk perhatian dan tindakan oleh Jawatankuasa Latihan peringkat Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

- viii. Proses pengurusan dan pentadbiran hutan seharusnya dilakukan dengan lebih telus. Proses perundingan dengan komuniti yang terkesan seharusnya dilakukan dan apabila projek-projek seperti pembinaan empangan, pewartaan hutan simpan, kawasan tadahan

air, pemuliharaan hidupan liar, Taman Sabah, skim petempatan semula, projek agrikultur dan komersial dan lain-lain projek lagi. Kerajaan negeri mesti memastikan bahawa, tidak terdapat petempatan manusia wujud dalam setiap tindakan pewartaan terhadap sesebuah kawasan yang akan diwartakan. Dengan kata lain, langkah ini seharusnya bersifat proaktif dan bukannya tidak reaktif.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan menyokong syor proses pengurusan dan pentadbiran hutan dilakukan dengan lebih telus. Perundingan dengan pihak berkepentingan termasuk komuniti orang asli sememangnya menjadi amalan Kerajaan dan Jabatan sejak sekian lama dalam memastikan projek pembangunan mahupun lain-lain aktiviti yang dilakukan di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) tidak merencatkan aktiviti atau mengganggu gugat kesejahteraan hidup orang asli di Semenanjung Malaysia.

Perkara ini merupakan sebahagian daripada keperluan standard Pensijilan Pengurusan Hutan yang diterimapakai dan diamalkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMSM).

- ix. Sekiranya perlu, pengantara bagi pihak-pihak yang terlibat sepatutnya digunapakai dalam kes-kes yang melibatkan pertikaian tanah daripada menyelesaikannya menerusi proses undang-undang yang pastinya memerlukan kos yang tinggi.
- x. Kerajaan juga bertanggungjawab dalam memastikan Orang Asal/Orang Asli mendapat akses yang mencukupi terhadap sumber maklumat dan seterusnya dapat memudahkan mereka untuk melakukan rundingan secara adil dan saksama terhadap tuntutan mereka.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebagai tindakan untuk memastikan masyarakat Orang Asli mendapat akses yang mencukupi akan sumber maklumat terkini, JAKOA telah menasaskan agar menara telekomunikasi dibina untuk kawasan

penempatan Orang Asli di pedalaman. Ini adalah bagi memudahkan perhubungan mereka melalui telefon dan mendapat akses kepada internet untuk kawasan penempatan Orang Asli secara amnya. Ini membolehkan maklumat terkini terhadap sebarang isu, perkara dan ilmu pengetahuan lebih mudah untuk diakses oleh masyarakat Orang Asli dari kawasan penempatan mereka. Berikutan dengan itu, JAKOA telah menyenaraikan sebanyak 853 koordinat kawasan penempatan Orang Asli bagi tindakan susulan oleh pihak MCMC dalam menentukan pembinaan menara telekomunikasi bagi tujuan tersebut.

- xi. Negara ahli UNPFII mestilah komited untuk melibatkan diri dalam dialog dengan Orang Asal/Orang Asli dan NHRIs, kerana kewujudannya adalah untuk merancang dan membangunkan pelan strategi nasional bagi membolehkan pelaksanaan UNDRIP dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, termasuklah pemantauan, penilaian dan penyediaan laporan tahunan berkaitan kemajuan pelaksanaannya.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bagi pembangunan pelan strategi nasional, 137 resolusi telah pun terhasil dari Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) anjuran JAKOA pada April 2019. Konvensyen ini adalah bertujuan untuk mendengar suara dan kehendak masyarakat Orang Asli sendiri. JAKOA telah mengenal pasti 7 fokus utama iaitu perkara berkaitan tanah, pendidikan, kesihatan, infrastruktur, ekonomi, kepimpinan dan kebudayaan dari resolusi tersebut. Hasil resolusi ini kemudiannya telah dibincangkan bersama wakil NGOs, wakil *Malaysian Bar Council* dan wakil SUHAKAM bagi diperhalusi akan perancangan strategi dan halatuju baru yang perlu diambil. Seterusnya satu bengkel bersama Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi mewujudkan Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA) yang akan diadakan pada 30 hingga 31 Oktober 2019 ini.

Matlamat PPNOA adalah bagi mengatasi kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Orang Asli, mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli seiring masyarakat lain di Malaysia dan selaras dengan *2030 Agenda for Sustainable Development* (SDGs) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Pengwujudan pelan ini adalah merupakan dasar pembangunan masyarakat Orang Asli dengan berpandukan 137 resolusi yang diperolehi melalui KOAK dan disejajarkan dengan deklarasi dan perjanjian antarabangsa berkaitan seperti UNDRIP dan CRC yang dipersetujui oleh Malaysia.

JAKOA juga akan bekerjasama dengan pihak MAMPU dan *United Nations Development Programme* (UNDP) Malaysia serta ahli-ahli akademik terpilih bagi menyediakan draf dasar pembangunan masyarakat Orang Asli (PPNOA) untuk diangkat ke kabinet untuk mendapatkan kelulusan. PPNOA ini disasarkan bagi tempoh 10 tahun dan akan melibatkan peruntukan dan inisiatif serta program di bawah RMKe-12 dan RMKe -13. Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli ini dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2020.

## B. KANAK-KANAK

### LAPORAN 2017

#### 1. Perkahwinan Paksa dan Pada Awal Usia

SUHAKAM menggesa agar kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan peruntukan khusus berkenaan perkahwinan kanak-kanak dalam undang-undang domestik kerana perkara ini boleh memudaratkan hak asasi wanita dan kanak-kanak.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bagi menangani isu perkahwinan bawah umur, KPWKM telah melaksanakan siri mesyuarat, rundingan dan pembentangan bersama-sama agensi Kerajaan Persekutuan, agensi Kerajaan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pakar akademik untuk mendapatkan pandangan, mengenalpasti strategi dan solusi penyelesaian isu ini.

Setakat ini, 3 sesi libat urus telah diadakan pada tahun 2019 seperti berikut:

- (i) Sesi Meja Bulat bersama pemegang taruh pada 25 Februari 2019;

- (ii) Mesyuarat Libat Urus Strategi Dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 9 Julai 2019; dan
- (iii) Bengkel Penyediaan Draf Strategi Dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 25 Julai 2019.

Susulan bengkel tersebut, satu draf **Strategi dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia** (“Pelan”) telah berjaya disediakan. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan untuk dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan di negeri-negeri dalam menangani punca-punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi.

Draf pelan tersebut telah pun diedarkan untuk maklum balas semua agensi terlibat sebelum mendapat kelulusan Kerajaan.

Kementerian ini dengan kerjasama agensi Kerajaan lain telah berusaha untuk mendapatkan persetujuan kerajaan negeri bagi menaikkan had kadar umur perkahwinan kepada 18 tahun bagi kanak-kanak Islam menerusi pindaan **Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah – Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]** dan Enakmen/Ordinan Negeri bagi kanak-kanak Islam.

Usul ini juga telah dikemukakan kepada pentadbiran negeri dan sehingga kini lima negeri telah menyatakan persetujuan menaikkan kadar had umur perkahwinan kepada 18 tahun manakala Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2018 pada 24 Ogos 2018.

Manakala di bawah **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]** bagi kanak-kanak bukan Islam, usaha untuk memperketatkan prosedur permohonan perkahwinan bawah umur juga turut dilaksanakan.

## 2. Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak

SUHAKAM amat bimbang dengan bilangan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang semakin meningkat di Malaysia. Sehubungan itu, SUHAKAM menyambut

baik penggubalan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (SOACA 2017) yang berkuat kuasa pada 10 Julai 2017. SUHAKAM berpendapat bahawa semua peruntukan dalam Akta berkenaan adalah selari dengan semangat artikel-artikel yang terdapat dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Protokol Pilihan CRC Terhadap Penjualan Kanak-kanak, Pelacuran Kanak-kanak dan Pornografi Kanak-kanak. Walau bagaimanapun, SUHAKAM ingin menyatakan perkara-perkara seperti yang berikut:

### 2.1 Pendaftar pesalah-pesalah seksual kanak-kanak

SUHAKAM berpandangan bahawa perlu mempunyai satu petunjuk yang jelas berhubung pendaftaran pesalah-pesalah di bawah SOACA 2017, sebagaimana Seksyen 118 dan 119 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan bagi “Daftar Kanak-Kanak”, yang hendaklah mengandungi butiran individu yang disabitkan dengan kesalahan terhadap kanak-kanak. Daftar tersebut hanya boleh diakses setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bagi membuat saringan terhadap individu yang terlibat dalam pengurusan dan penjagaan kanak-kanak.

SUHAKAM berpendapat bahawa pangkalan data sedemikian boleh menjadi asas dalam mengawasi pesalah-pesalah yang disabitkan di bawah Akta ini untuk memastikan kanak-kanak dilindungi dan seterusnya mengesyorkan Kerajaan memastikan bahawa Daftar tersebut mengandungi butiran semua pesalah seks kanak-kanak yang diketahui. Selanjutnya, SUHAKAM berharap agar Daftar tersebut akan sentiasa dikemas kini bagi memastikan keberkesannya dalam melindungi kanak-kanak.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyelenggara Daftar Kanak-kanak sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 118 dan 119 Akta Kanak-kanak 2001.

Butiran individu yang disabitkan kesalahan terhadap kanak-kanak, termasuk pesalah jenayah seksual yang disabitkan di bawah SOACA 2017 turut direkodkan di dalam Daftar ini. Ibu bapa atau agensi yang

mengambil pekerja untuk menguruskan kanak-kanak boleh membuat permohonan Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Dalam Daftar Kanak-kanak di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau Negeri.

Sehingga 30 September 2019, JKM telah menerima sebanyak 134 permohonan semakan daripada individu dan pelbagai agensi terutamanya yang berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak.

Daripada permohonan tersebut, sejumlah 2,147 orang kakitangan sedia ada dan bakal pekerja telah dibuat saringan. Daftar ini sentiasa dikemaskini secara berkala berdasarkan maklumat yang diterima daripada mahkamah.

## 2.2 Mahkamah Khas bagi Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak

SUHAKAM mengalu-alukan penubuhan Mahkamah Khas bagi Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak yang telah dirasmikan pada 22 Jun 2017 bagi mendengar kes-kes jenayah seksual kanak-kanak, selari dengan penggubalan SOACA 2017. SUHAKAM menekankan bahawa Mahkamah Khas ini mestilah memastikan bahawa prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak ditegakkan sepanjang prosiding.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

1. Mahkamah Khas Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang pertama telah dibuka di Putrajaya dan mula beroperasi pada 23 Jun 2017 untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam daerah Shah Alam, Petaling Jaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
2. Selaras dengan peluasan mahkamah ini yang dibuat secara berperingkat, pada April 2018 Mahkamah Sesyen Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Kuching Sarawak telah disiapkan dan mula beroperasi. Selanjutnya peluasan ini sedang giat dijalankan di mana ubah suai Bilik Saksi Kanak-Kanak telah disiapkan sepenuhnya di kesemua Mahkamah negeri iaitu di Mahkamah Seremban, Mahkamah Melaka, Mahkamah

Pulau Pinang, Mahkamah Kuantan, Mahkamah Ipoh, Mahkamah Kuala Terengganu, Mahkamah Klang, Mahkamah Johor Bahru dan Mahkamah Alor Setar.

3. Dijangkakan kesemua Mahkamah ini akan dapat digunakan sebaik sahaja perolehan bagi peralatan ICT (kelengkapan *Court Recording Transcription*) dapat diselesaikan selewatnya pada penghujung tahun 2019.
4. Selepas pewujudan Mahkamah JSKK yang pertama di Putrajaya, Garis Panduan Khas Bagi Pengendalian Kes-Kes Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak telah digubal oleh Jawatankuasa Kerja yang diterajui oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Majlis Peguam Malaysia. Ia diwujudkan sebagai panduan yang seragam dan komprehensif untuk semua pihak yang terlibat dalam pengendalian kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak sebelum, semasa dan selepas kes tersebut dibawa ke Mahkamah. Garis Panduan ini terbahagi kepada 4 tajuk utama iaitu penerimaan laporan dan siasatan, perbicaraan, pengendalian mangsa/saksi kanak-kanak dan khidmat perlindungan dan sokongan.
5. Dalam memastikan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dilaksanakan secara konsisten dan bersepadu di dalam semua dasar, program, undang-undang; Kementerian Kesihatan telah memastikan hak dan kepentingan kanak-kanak untuk mendapatkan rawatan di hospital adalah terjaga.

Antara yang dilaksanakan adalah memastikan hak bayi atau kanak-kanak yang mana ibunya ditahan di dalam penjara, menerima suntikan imunisasi BCG dan Hepatitis B selepas kelahiran di hospital di samping memastikan bayi atau kanak-kanak itu dapat menerima rawatan selanjutnya sekiranya perlu.

Selain itu, bagi menangani kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak, Kementerian

Kesihatan telah menubuhkan SCAN Team atau Suspected Child Abuse and Neglect Team di semua hospital berpakar yang dianggotai oleh pakar-pakar dari pelbagai disiplin seperti paediatrik, obstetrik dan ginekologi, psikiatri, forensik dan juga pakar kecemasan dan trauma.

SCAN Team ini berfungsi untuk memberi rawatan dan menilai kemungkinan berlakunya kes-kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak yang dirujuk ke hospital berkenaan di samping mengkoordinasi antara semua agensi dalam menilai, mengurus dan membuat laporan berkaitan dengan kes-kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak.

Latihan berterusan dilaksanakan di peringkat negeri bagi memberi pendedahan terkini dalam mengendalikan rawatan untuk kes-kes sedemikan. SCAN Team juga bekerjasama erat dengan Pegawai Pelindung dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam pengendalian kes-kes ini dan juga berkolaborasi untuk meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti setempat mengenai pencegahan dan melaporkan kes-kes berkaitan penderaan atau pengabaian kanak-kanak.

6. Terdapat dua kaedah utama bagi penyelesaian kes iaitu sama ada melalui perbicaraan penuh (*full trial*) dengan memanggil saksi atau perbicaraan ringkas (*summary trial*). Perbicaraan ringkas (*summary trial*) ialah proses perbicaraan apabila Orang Kena Tuduh (OKT) membuat pengakuan salah di mana proses penghukuman yang telah ditetapkan di peruntukan-peruntukan sedia ada dipastikan dipatuhi bagi memastikan keadilan dilaksanakan.
7. Pada tarikh pengurusan kes bagi kes-kes OKT yang tidak mengaku bersalah, Mahkamah hendaklah diberitahu tentang keperluan kehadiran:
  - a) Pendamping Guaman (*Legal Companion*), Jabatan Bantuan Guaman;
  - b) Pekerja Khidmat Saksi, Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
  - c) Perantara (*intermediary*) di bawah seksyen 8 Akta Keterangan Saksi kanak-kanak 2007 (Akta 676).
8. Di peringkat perbicaraan pula, dalam kes-kes OKT tidak diwakili Peguam, OKT tidak boleh membuat pemeriksaan balas secara langsung terhadap saksi. Selaras dengan seksyen 8 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Akta 676), apa-apa soalan terhadap saksi kanak-kanak hendaklah melalui perantara.
9. Mahkamah juga akan memastikan apa-apa soalan yang berkaitan dengan anggota badan tidak boleh ditunjuk secara terus ke anggota badan mangsa kanak-kanak. Penggunaan patung sebagai rujukan kepada anggota tubuh badan hendaklah digunakan.
10. Ketika prosiding berjalan, Mahkamah dikehendaki untuk memastikan tiada laporan dan penyiaran media dibuat, tiada ujian kompetensi perlu dijalankan bagi mangsa/saksi kanak-kanak kecuali Mahkamah berpendapat sebaliknya.
11. Saksi kanak-kanak hendaklah diasingkan atau ditempatkan secara berasingan daripada OKT yang mana keterangan hendaklah dibuat secara video link. Timbalan Pendakwa Raya, Peguam (jika OKT diwakili), OKT, Pendamping Guaman (*Legal Companion*), Jurubahasa Mahkamah atau Perantara (*Intermediary*) perlu berada di bilik prosiding yang ditetapkan sebelum apa-apa keterangan direkodkan secara video-link.
12. Saksi Kanak-Kanak hendaklah ditempatkan di Bilik Saksi Kanak-Kanak dan ditemani oleh Perantara dan Pekerja Khidmat Saksi (JKM) atau mana-mana orang yang berkaitan.
13. Apa-apa soalan yang ditujukan kepada saksi kanak-kanak bolehlah melalui Jurubahasa Mahkamah atau Perantara. Saksi Kanak-Kanak hendaklah memberi keterangan melalui video-link tersebut dalam keadaan di mana dia tidak boleh melihat OKT. Pandangan (*view*) kanak-kanak sepanjang masa ketika memberi keterangan adalah terhad kepada Hakim, Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam. Sekiranya pengecaman terhadap OKT perlu dibuat, Hakim akan mengalihkan kamera supaya pandangan Kanak-Kanak kepada OKT bagi tujuan tersebut sahaja.



14. Dalam hal keadaan mangsa kanak-kanak tidak dibawa ke Mahkamah sebagai saksi, keterangan CIC kanak-kanak tersebut dikemukakan kepada Mahkamah. Keterangan CIC adalah proses Rakaman Percakapan Pengadu/Mangsa/Saksi Melalui Video Di Pusat Temuduga Kanak-Kanak/Child Interview Centre (CIC). Di dalam proses tersebut, pengadu/mangsa/saksi perlu ditemu bual dan dirakam percakapan untuk mendapatkan fakta tentang kejadian. Percakapan pengadu/mangsa/saksi akan diambil mengikut peruntukan undang-undang.
15. Mahkamah akan memastikan peringkat pemeriksaan yang melibatkan tiga peringkat iaitu proses perbicaraan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula adalah terhad pada batasan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Akta 676).
16. Dalam membuat penghukuman, Hakim akan mendengar dan mempertimbangkan mengenai pernyataan impak mangsa (*victim impact statement*) di bawah seksyen 42 183A Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). Pernyataan impak mangsa boleh sama ada dibuat secara lisan atau bertulis.
17. Semasa peringkat ini juga, Pendamping Guaman dibenarkan untuk bercakap bagi pihak mangsa Kanak-Kanak atau membacakan pernyataan impak mangsa yang telah disediakan oleh mangsa. Pendamping Guaman juga boleh membantu dalam penyediaan pernyataan impak mangsa.
18. Selepas selesai perbicaraan, Mahkamah juga bertanggungjawab untuk mempertimbangkan mengenai Laporan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menentukan tempat penempatan yang sesuai dan lain-lain bagi mangsa Kanak-Kanak itu. Tujuan Laporan ini adalah untuk membantu Mahkamah membuat perintah yang sesuai demi kebajikan mangsa Kanak-Kanak.

## 2.3 Peruntukan tambahan dimasukkan ke dalam Jadual SOACA 2017

Ketika ini, Jadual SOACA 2017 tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang berikut:

- i. Seksyen 292 Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan penjualan dan pengedaran bahan-bahan lucah;
- ii. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang berkaitan dengan pembuatan, penghasilan dan penghantaran bahan-bahan
- iii. Seksyen 5 Akta Penapisan Filem 2002 yang berkaitan dengan pemilikan pornografi kanak-kanak dalam bentuk filem lucah.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

KKMM sedang mengkaji semula Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 secara holistik. Dalam cadangan ini, peruntukan undang-undang sedia ada yang lain dan berkaitan seperti Kanun Keseksaan juga diambil kira.

Kementerian mengambil maklum keperluan peruntukan tambahan pada jadual SOACA 2017. Namun demikian, SOACA 2017 adalah di bawah bidang kuasa BHEUU. Sebarang pindaan kepada akta tersebut perlu diselaraskan oleh BHEUU.

## LAPORAN 2018

### 1. Perkahwinan Kanak-kanak

SUHAKAM mengesyorkan agar **kerajaan meminda semua undang-undang domestik dan syariah supaya usia perkahwinan yang dibenarkan kepada 18 tahun bagi lelaki dan wanita**. Hal ini adalah untuk memastikan keseragaman undang-undang dan Malaysia mematuhi tanggungjawabnya dalam pelbagai triti antarabangsa.

Undang-undang keluarga Islam, termasuk perkahwinan, terletak dibawah bidang kuasa Negeri dalam Jadual Kesembilan, Bahagian II – Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, SUHAKAM

berpandangan **kerajaan perlu mempertimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang yang melarang perkahwinan kanak-kanak sebagaimana berdasarkan Perkara 76(1)(a) dan (2) Perlembagaan Persekutuan.**

Sebagai negara pihak CRC, **Malaysia perlu membuat satu undang-undang persekutuan yang mengikat semua negeri di Malaysia serta sistem sivil dan syariah bagi melaksanakan sepenuhnya semangat peruntukan dalam CRC dan Resolusi PBB berkaitan dengan perkahwinan awal dan secara paksa terhadap kanak-kanak.** Dengan itu, kerajaan dapat melaksanakan tanggungjawabnya di peringkat antarabangsa dan mewujudkan keharmonian bagi undang-undang sivil dan syariah di Malaysia berkaitan dengan usia perkahwinan.

Sementara itu, antara langkah perlindungan yang perlu diberi pertimbangan oleh kerajaan termasuklah **melantik peguam khusus bagi pihak kanak-kanak di bawah usia 18 tahun apabila terdapat permohonan untuk berkahwin.** Langkah ini dapat memastikan kanak-kanak diberikan hak untuk mengemukakan pandangannya dan membuat keputusan tanpa pengaruh atau paksaan daripada ahli keluarga dan/atau pihak ketiga. Tindakan ini bagi memastikan sebarang keputusan untuk berkahwin dibuat dalam pengetahuan, kebebasan dan pertimbangan sepenuhnya daripada kedua-dua pasangan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Isu berkenaan perkahwinan kanak-kanak merupakan antara isu yang diberi perhatian oleh JKSM. Sebagai badan penyelaras mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia, JKSM akan memastikan usaha-usaha dapat dilaksanakan dengan berkesan di mahkamah-mahkamah syariah. JKSM maklum berkenaan had umur minima perkahwinan di negeri-negeri, kecuali Selangor, adalah 16 tahun bagi perempuan dan 18 tahun bagi lelaki.

Jadual Kesembilan Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hal berkenaan undang-undang keluarga Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri. Syor SUHAKAM supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang yang melarang perkahwinan berdasarkan

Perkara 76(1)(a) dan (2) Perlembagaan Persekutuan perlu diteliti kerana ia melibatkan sensitiviti masyarakat beragama Islam di Malaysia. Perkara 76(2) Perlembagaan Persekutuan mensyaratkan bahawa kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara di bawah Senarai Negeri perlu dirunding dengan kerajaan Negeri terlebih dahulu sekiranya ia melibatkan hukum Syarak atau adat orang Melayu atau adat anak negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

Jelasnya isu perkahwinan di kalangan masyarakat Islam adalah berkaitan dengan hukum Syarak dan ia memerlukan penelitian yang lebih dengan mempertimbangkan bukan sahaja tuntutan antarabangsa, tetapi lebih penting, hukum Syarak sebagai sumber undang-undang syariah dan juga masyarakat setempat.

Masyarakat setempat di Malaysia melihat perkahwinan sebagai pilihan lebih baik daripada berpasangan tanpa ikatan perkahwinan. Larangan perkahwinan kanak-kanak secara total dikhuatiri boleh menyebabkan timbul masalah sosial di kalangan generasi muda. Oleh itu, cadangan untuk melarang perkahwinan kanak-kanak secara total perlu diteliti dengan lebih mendalam melalui kajian sosial dengan mengambil kira kepentingan dan kebajikan kanak-kanak serta kepentingan awam berdasarkan *maqasid syariah*.

Dari segi umur minima untuk berkahwin, hukum Syarak mensyaratkan bahawa seseorang itu perlu mencapai umur baligh. Walaubagaimanapun, merujuk kepada prinsip *maslahah* di dalam hukum Syarak, penguatkuasaan dan kawalan pihak berkuasa perlu untuk mengelak dan mengawal isu-isu seperti penderaan dan pengabaian hak kanak-kanak dan menjaga kebajikan mereka walaupun mereka telah mencapai umur baligh. Oleh itu, akta/enakmen/ordinan undang-undang keluarga Islam telah meletakkan syarat-syarat yang tegas sebelum permohonan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak boleh dibenarkan. Seksyen 8 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 mensyaratkan kebenaran hakim syarie secara bertulis perlu diperolehi sebelum perkahwinan kanak-kanak boleh dibenarkan. Satu garis panduan juga telah diterimapakai di mahkamah syariah iaitu SOP Perkahwinan Bawah Umur yang menjelaskan berkenaan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian sebelum kes permohonan perkahwinan kanak-kanak boleh diputuskan.



Bagi cadangan untuk melantik peguam khusus bagi kanak-kanak dalam kes permohonan perkahwinan bawah umur, JKSM mendapati bahawa kebanyakan kes permohonan kebenaran berkahwin, termasuklah permohonan perkahwinan bawah umur, pihak-pihak yang hadir memilih untuk tidak diwakili oleh peguam. Ini boleh disebabkan oleh keadaan kewangan pihak-pihak. Tambahan pula, melalui kaedah *inquisitorial* yang diamalkan di dalam kehakiman Islam yang juga dipraktikkan di mahkamah syariah di Malaysia membolehkan hakim-hakim syarie mendapatkan keterangan secara langsung daripada pihak-pihak semasa perbicaraan kes.

Bagi penambahbaikan had umur minima perkahwinan bagi lelaki dan wanita Islam, JAKIM telah mengadakan perbincangan dengan kementerian dan agensi-agensi berkaitan untuk melihat kesesuaian bagi menaikkan umur minima perkahwinan dari 16 tahun kepada 18 tahun bagi wanita.

Sesi libat urus dengan negeri-negeri telah diadakan kerana undang-undang yang berkaitan dengan penetapan umur minimum perkahwinan adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Oleh itu perkara ini adalah tertakluk kepada keputusan negeri-negeri.

Walaupun umur minima perkahwinan ditetapkan kepada 18 tahun, namun bagi menjamin kemaslahatan kepada wanita yang perlu berkahwin di bawah umur minima, pengecualian harus diberi kepada mana-mana individu yang kurang daripada umur minima perkahwinan untuk berkahwin dengan syarat permohonan berkahwin tersebut mendapat kebenaran daripada Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Mahkamah Syariah perlu membuat pertimbangan berdasarkan Hukum Syarak dan undang-undang yang akan digubal dengan mengambil kira kemaslahatan dan prinsip “the best interest of the child” sebelum memutuskan sama ada memberi kebenaran untuk berkahwin atau sebaliknya.

Sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat, tatacara permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin di bawah umur minimum akan digubal dalam bentuk undang-undang sama ada melalui penggubalan undang-undang subsidiari atau memasukkan tatacara tersebut sebagai sebahagian daripada peruntukan dalam akta/ enakmen/ ordinar undang-undang keluarga Islam Negeri-Negeri yang akan mempunyai kuatkuasa undang-undang yang akan mengikat semua pihak yang berkenaan.

Oleh yang demikian, cadangan SUHAKAM untuk memperkenalkan undang-undang yang melarang perkahwinan kanak-kanak harus diteliti dan perlu mendapat persetujuan daripada negeri-negeri. Perkara ini perlu mengambil kira hukum syarak dan adat masyarakat setempat. Perkahwinan boleh mengelak daripada mereka hidup berpasangan tanpa ikatan yang sah yang diharamkan dalam agama sekaligus menyumbang kepada gejala sosial. Oleh itu larangan mutlak perkahwinan di bawah umur minima perlu diteliti dengan mendalam mengambil kira pelbagai aspek termasuk kebajikan dan kemaslahatan mereka berasaskan maqasid syarie.

SUHAKAM juga menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan prosedur bagi membendung situasi yang mana perogol dan sesiapa yang melakukan penderaan seksual dibenarkan untuk berkahwin dengan mangsanya sebagai balasan supaya mangsa tidak membuat laporan kepada pihak berkuasa. Oleh itu, SUHAKAM menyeru kerajaan:

- i. Memperkasakan agensi penguatkuasaan untuk bertindak walaupun tiada aduan rasmi yang dibuat oleh mangsa atau aduan telah ditarik balik oleh mangsa; dan
- ii. Menyediakan pendidikan seks yang wajib dan komprehensif di sekolah untuk memastikan kanak-kanak memahami anggota badan mereka dan tidak dikenakan sebarang bentuk eksploitasi seksual dan dipaksa berkahwin.
- iii. Menyediakan perkhidmatan sokongan yang sesuai bagi kanak-kanak, terutamanya remaja perempuan yang sensitif terhadap keperluan khas mereka dengan memberi tumpuan untuk memperkasakan mangsa dan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk membuat keputusan yang tepat.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pihak berkuasa (PDRM) bertindak melakukan siasatan / tangkapan terhadap sebarang laporan polis / maklumat yang diterima daripada sesiapa sahaja terhadap perogol atau sesiapa yang melakukan penderaan seksual berlandaskan peruntukan undang-undang di Malaysia. Semua siasatan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan / tindakan lanjut.

## **Pendidikan Seks**

Istilah merujuk kepada ‘pendidikan seks’ yang digunakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di bawah KPM adalah ‘Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial’. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial atau singkatannya iaitu ‘PEERS’ diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan yang digubal berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif dan kesesuaian peringkat umur kumpulan sasaran. Silibus PEERS merangkumi perspektif biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian ke arah peningkatan kesihatan seksual serta amalan tingkah laku yang sihat dalam kehidupan harian. PEERS adalah satu proses sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan membentuk sikap, nilai serta kepercayaan terhadap identiti, perhubungan dan keintiman sesama insan. Pendidikan ini tidak hanya terbatas kepada isu seksual atau hubungan seks semata-mata. Penekanan kemahiran kecekapan psikososial dalam PEERS yang diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan yang berasaskan kemahiran (*lifeskills-based Health Education*) dilaksanakan secara komprehensif dan kohesif dari sekolah rendah hingga sekolah menengah untuk meningkatkan kesedaran serta membantu murid memperoleh kemahiran membuat keputusan yang tepat, bijak dan bertanggungjawab pada masa kini serta masa hadapan.

## **Perkahwinan kanak-kanak**

Isu berkenaan perkahwinan kanak-kanak merupakan antara isu yang diberi perhatian oleh JKSM. Sebagai badan penyelaras mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia, JKSM akan memastikan usaha-usaha dapat dilaksanakan dengan berkesan di mahkamah-mahkamah syariah. JKSM maklum berkenaan had umur minima perkahwinan di negeri-negeri, kecuali Selangor, adalah 16 tahun bagi perempuan dan 18 tahun bagi lelaki.

Jadual Kesembilan Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hal berkenaan undang-undang keluarga Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri. Syor SUHAKAM supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang yang melarang perkahwinan berdasarkan Perkara 76(1)(a) dan (2) Perlembagaan Persekutuan perlu diteliti kerana ia melibatkan sensitiviti masyarakat beragama Islam di Malaysia. Perkara 76(2) Perlembagaan

Persekutuan mensyaratkan bahawa kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara di bawah Senarai Negeri perlu dirunding dengan kerajaan Negeri terlebih dahulu sekiranya ia melibatkan hukum Syarak atau adat orang Melayu atau adat anak negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

Jelasnya isu perkahwinan di kalangan masyarakat Islam adalah berkaitan dengan hukum Syarak dan ia memerlukan penelitian yang lebih dengan mempertimbangkan bukan sahaja tuntutan antarabangsa, tetapi lebih penting, hukum Syarak sebagai sumber undang-undang syariah dan juga masyarakat setempat.

Masyarakat setempat di Malaysia melihat perkahwinan sebagai pilihan lebih baik daripada berpasangan tanpa ikatan perkahwinan. Larangan perkahwinan kanak-kanak secara total dikhuatiri boleh menyebabkan timbul masalah sosial di kalangan generasi muda. Oleh itu, cadangan untuk melarang perkahwinan kanak-kanak secara total perlu diteliti dengan lebih mendalam melalui kajian sosial dengan mengambil kira kepentingan dan kebajikan kanak-kanak serta kepentingan awam berdasarkan *maqasid syariah*.

Dari segi umur minima untuk berkahwin, hukum Syarak mensyaratkan bahawa seseorang itu perlu mencapai umur baligh. Walaubagaimanapun, merujuk kepada prinsip *maslahah* di dalam hukum Syarak, penguatkuasaan dan kawalan pihak berkuasa perlu untuk mengelak dan mengawal isu-isu seperti penderaan dan pengabaian hak kanak-kanak dan menjaga kebajikan mereka walaupun mereka telah mencapai umur baligh. Oleh itu, akta/enakmen/ordinan undang-undang keluarga Islam telah meletakkan syarat-syarat yang tegas sebelum permohonan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak boleh dibenarkan. Seksyen 8 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 mensyaratkan kebenaran hakim syarie secara bertulis perlu diperolehi sebelum perkahwinan kanak-kanak boleh dibenarkan. Satu garis panduan juga telah diterimapakai di mahkamah syariah iaitu SOP Perkahwinan Bawah Umur yang menjelaskan berkenaan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian sebelum kes permohonan perkahwinan kanak-kanak boleh diputuskan.

Bagi cadangan untuk melantik peguam khusus bagi kanak-kanak dalam kes permohonan perkahwinan

bawah umur, JKSM mendapati bahawa kebanyakan kes permohonan kebenaran berkahwin, termasuklah permohonan perkahwinan bawah umur, pihak-pihak yang hadir memilih untuk tidak diwakili oleh peguam. Ini boleh disebabkan oleh keadaan kewangan pihak-pihak. Tambahan pula, melalui kaedah *inquisitorial* yang diamalkan di dalam kehakiman Islam yang juga dipraktikkan di mahkamah syariah di Malaysia membolehkan hakim-hakim syarie mendapatkan keterangan secara langsung daripada pihak-pihak semasa perbicaraan kes.

Bagi menangani isu perkahwinan bawah umur, KPWKM telah melaksanakan siri mesyuarat, rundingan dan pembentangan bersama-sama agensi Kerajaan Persekutuan, agensi Kerajaan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pakar akademik untuk mendapatkan pandangan, mengenalpasti strategi dan solusi penyelesaian isu ini.

Setakat ini, 3 sesi libat urus telah diadakan pada tahun 2019 seperti berikut:

- (i) Sesi Meja Bulat bersama Pemegang taruh pada 25 Februari 2019;
- (ii) Mesyuarat Libat Urus Strategi Dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 9 Julai 2019; dan
- (iii) Bengkel Penyediaan Draf Strategi Dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 25 Julai 2019.

Susulan bengkel tersebut, satu draf **Strategi dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia** ("Pelan") telah berjaya disediakan. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan untuk dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan di negeri-negeri dalam menangani punca-punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi.

Draf pelan tersebut telah pun diedarkan untuk maklum balas semua agensi terlibat sebelum mendapat kelulusan Kerajaan.

Kementerian ini dengan kerjasama agensi Kerajaan lain telah berusaha untuk mendapatkan persetujuan kerajaan negeri bagi menaikkan had kadar umur

perkahwinan kepada 18 tahun bagi kanak-kanak Islam menerusi pindaan **Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah persekutuan) 1984 [Akta 303]** dan Enakmen/Ordinan Negeri bagi kanak-kanak Islam.

Usul ini juga telah dikemukakan kepada pentadbiran negeri dan sehingga kini lima negeri telah menyatakan persetujuan menaikkan kadar had umur perkahwinan kepada 18 tahun manakala Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2018 pada 24 Ogos 2018.

Manakala di bawah **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]** bagi kanak-kanak bukan Islam, usaha untuk memperketatkan prosedur permohonan perkahwinan bawah umur juga turut dilaksanakan.

Kementerian menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan perkhidmatan sokongan bagi membantu kanak-kanak dalam kes sebegini.

Di peringkat LPPKN, program advokasi kepada kanak-kanak disediakan di mana kanak-kanak boleh mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat melalui program Kesihatan Reproduksi dan Pendidikan Sosial (*Reproductive Health and Social Education*) yang memfokus kepada pemerksaan kanak-kanak berusia 13 sehingga 18 tahun. Program ini bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan kanak-kanak terhadap kesihatan reproduktif dan seksual bagi membantu kanak-kanak melindungi diri mereka menerusi model Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) yang merupakan komponen utama.

Kanak-kanak juga boleh mendapatkan khidmat kaunseling dan panduan melalui KafeTEEN, satu platform yang mesra kanak-kanak. KafeTEEN ini merupakan *safe space* untuk kanak-kanak berbincang, mendapatkan pandangan dan perkhidmatan kaunseling daripada doktor mengenai kesihatan reproduktif remaja. Di peringkat JKJ, kanak-kanak dan keluarga boleh mengakses perkhidmatan sokongan dalam bentuk perkhidmatan kaunseling, bantuan kewangan (bagi keluarga/ kanak-kanak yang telah berkahwin yang memerlukan dan layak menerima sokongan kewangan) dan bantuan akses pendidikan melalui rundingan JKJ

dan Pejabat Pendidikan Daerah/Sekolah untuk akses ke sekolah. Kesemua perkhidmatan ini boleh diperolehi menerusi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah terdekat. Selain itu, bagi remaja yang telah berkahwin dan kes dirujuk ke JKM, pemantauan/seliaan turut dilakukan dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan kanak-kanak serta keperluan mereka.

Selain itu, sekiranya berlaku keperluan yang melibatkan kanak-kanak perlu mendapatkan perlindungan, JKM boleh memberikan perlindungan melalui institusi perlindungan iaitu Rumah Kanak-Kanak (RKK). Melalui kemasukan menerusi perintah mahkamah, kanak-kanak boleh diberikan perlindungan di RKK yang merupakan tempat selamat yang telah diwartakan oleh Kerajaan. Selain itu, jika wujud keperluan memberikan perlindungan segera kepada kanak-kanak yang berhadapan dengan kehamilan remaja dalam perkahwinan tersebut, kanak-kanak atau keluarga boleh memohon perlindungan segera daripada JKM untuk penempatan sepanjang proses kehamilan di Taman Seri Puteri atau TSP. TSP ini juga merupakan institusi JKM yang telah diwartakan sebagai Tempat Perlindungan. Sepanjang berada di TSP, kanak-kanak akan diberikan perlindungan, bimbingan dan kaunseling serta sokongan perkhidmatan kesihatan, rohani dan emosi bagi dirinya dan kandungan sehingga kanak-kanak selamat bersalin.

## C. WANITA

### LAPORAN 2017

#### 1. Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)

Berikutan penyerahan Laporan Negara ketiga hingga kelima CEDAW kepada Jawatankuasa CEDAW pada 1 September 2016, SUHAKAM juga menyerahkan Laporan Bebas kepada Jawatankuasa CEDAW pada 31 Mac 2017. Berikut merupakan isu-isu yang dibangkitkan dalam penyata lisan SUHAKAM kepada Jawatankuasa CEDAW pada pra-sesi tersebut:

- 1.1 Kerajaan perlu menyegerakan proses untuk memperkenalkan undang-undang kesaksamaan jantina dan bagi tujuan itu, memastikan bahawa proses perundingan adalah inklusif;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Dalam usaha untuk merealisasikan prinsip-prinsip CEDAW dalam perundangan di Malaysia, Kementerian kini sedang mengambil inisiatif untuk menggubal perundangan anti diskriminasi terhadap wanita bagi mencapai kesaksamaan gender di Malaysia. Inisiatif ini juga selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Secara keseluruhannya, undang-undang perburuhan di Malaysia adalah terpakai bagi golongan wanita dan lelaki. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan yang digunapakai khas untuk perlindungan wanita yang bekerja, seperti berikut:

- i. Perlindungan Bersalin – Akta Kerja 1955;
- ii. Larangan Kerja Malam – Akta Kerja 1955\* (dalam proses pindaan);
- iii. Larangan Kerja Bawah Tanah – Akta Kerja 1955;
- iv. Peraturan-peraturan Kerja (Mengambil Bekerja Wanita) (Konduktor Wanita) 1958;
- v. Peraturan-peraturan Kerja (Mengambil Bekerja Wanita) (Pekerja-pekerja Syif) 1970;
- vi. Gangguan Seksual – Akta Kerja 1955 (terpakai bagi pekerja wanita dan lelaki); dan
- vii. Orang muda wanita hanya boleh bekerja di hotel, restoran, bar, rumah penginapan dan kelab kecuali yang dibawah pengurusan/kawalan keluarga/ penjaganya (kecuali diluluskan oleh *Ketua Pengarah Tenaga Kerja*) – Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [Akta 350].

Lain-lain undang-undang berkaitan dan bertujuan untuk membantu serta memberi kesaksamaan kepada pekerja wanita:

- i. Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010; dan
- ii. Perintah Gaji Minimum 2012
- iii. Akta Umur Persaraan Minimum 2012

- 1.2 Peruntukan yang jelas berkenaan rogol dalam perkahwinan diperlukan dalam undang-undang jenayah sedia ada di Malaysia;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

### Undang-Undang Persekutuan

1. Di Malaysia tiada undang-undang jenayah khusus yang memperuntukkan definisi kesalahan “rogol dalam perkahwinan” (*marital rape*). Namun, seksyen 375A Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

*“Mana-mana lelaki dalam perkahwinan yang sah menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun.”*

2. Berdasarkan seksyen 375A, adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana lelaki yang, semasa perkahwinan yang sah yang menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian /kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk melakukan persetubuhan dengan isterinya, di mana lelaki yang dituduh dan didapati bersalah atas kesalahan ini boleh dihukum dengan penjara bagi tempoh maksimum lima (5) tahun.
3. Walaupun istilah “rogol dalam perkawinan” tidak dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 375A, adalah jelas bahawa seksyen 375A digubal oleh Parlimen dengan tujuan yang utama untuk memperkasakan perlindungan dari segi undang-undang kepada wanita daripada dicerderakan oleh suami mereka untuk melakukan hubungan seksual.
4. Selain seksyen 375A, terdapat peruntukan-peruntukan lain dalam Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan ke atas seseorang suami yang mencederakan isteri beliau, bergantung kepada sesuatu fakta kes. Sebagai contoh, seseorang suami boleh dituduh atas kesalahan melakukan kecederaan kepada isteri beliau dan

dihukum dengan hukuman pemenjaraan sehingga tempoh maksimum 20 tahun. Secara amnya, hukuman ini adalah sama dengan hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan merogol, dan jauh lebih tinggi daripada negara-negara tertentu yang membuat peruntukan tertentu untuk kesalahan “rogol dalam perkahwinan”.

5. Selain Kanun Keseksaan, seksyen 4 dan 5 Akta Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh mengeluarkan perintah perlindungan interim kepada isteri atau suami atau bekas isteri atau bekas suami yang telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga, dan perintah perlindungan yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap pengadu itu.
6. Oleh yang demikian, walau pun bentuk undang-undang “rogol dalam perkahwinan” di Malaysia mungkin berbeza daripada undang-undang di negara lain, namun peruntukan seksyen 375A dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kanun Keseksaan, telah menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani isu-isu berkaitan “rogol dalam perkahwinan” dan sentiasa komited untuk mempertingkatkan perlindungan kepada isteri-isteri yang dicerderakan atau ditakutkan dengan kematian oleh suami mereka untuk mengadakan hubungan seksual.

### Undang-undang Syariah

7. Menurut hukum Syarak, tidak wujud istilah dan kesalahan rogol dalam perkahwinan dalam suatu perkahwinan yang melibatkan suami isteri yang sah. Ini kerana tujuan sesebuah perkahwinan adalah untuk menghalalkan hubungan antara seorang lelaki dengan wanita. Oleh itu seorang suami boleh bercampur (melakukan hubungan kelamin) dengan isterinya dengan berbagai cara yang disukainya asalkan ia tidak mendatangkan kemudaratan terhadap pasangannya.
8. Walaupun Islam tidak mengiktiraf rogol dalam perkahwinan dan suami mempunyai hak sepenuhnya ke atas isteri, namun suami tidak



boleh memaksa dan memukul isteri untuk melakukan hubungan seksual. Sekiranya seorang suami telah menyakiti isteri sama ada secara fizikal dan mental, perbuatan tersebut mendatangkan kemudaratan (*darar*) kepada isterinya.

9. Selain itu, suami hendaklah patuh kepada ketetapan hukum Syarak yang menetapkan beberapa keadaan persetubuhan yang diharamkan, iaitu apabila isteri dalam keadaan haid, nifas atau dalam ihram haji atau umrah dan tiada unsur-unsur kezaliman kepada isteri. Selain itu, isteri juga boleh menolak hubungan seksual bersama suaminya sekiranya didapati suaminya menghidap penyakit berjangkit seperti HIV, AIDS dan sebagainya, bagi mengelakkan kemudharatan kepada isteri.
10. Isu rogol dalam perkahwinan juga telah dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005. Keputusan Muzakarah tersebut adalah seperti yang berikut:

*“Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam hubungan di antara lelaki dan wanita adalah diharamkan setelah melalui akad ljab dan Qabul yang sah. Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tiada istilah rogol atau melanggar hak asasi manusia dalam sebuah perkahwinan yang sah dan keganasan rumahtangga yang berlaku adalah lebih bersifat darar yang boleh diambil tindakan melalui peruntukan undang-undang sedia ada.”*

11. Sekiranya berlaku kekerasan atau keganasan dalam sesebuah rumah tangga, tindakan undang-undang boleh dikuatkuasakan terhadap suami berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri.
12. Di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri pula, contohnya, seksyen 128 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 memperuntukkan bahawa mana-mana suami atau isteri yang menganiayai isterinya atau suaminya atau menipu harta isterinya atau suaminya, adalah

melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM3000 ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

13. Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 juga memperuntukkan bahawa seseorang suami atau isteri boleh membubarkan perkahwinan atau fasakh sekiranya suaminya atau isterinya lazim menyakiti atau menjadikan kehidupan seseorang suami atau isteri itu menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.
14. Sehubungan dengan itu, berdasarkan penjelasan dari perspektif Undang-Undang Syariah di atas, Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa tiada keperluan untuk mengadakan peruntukan yang jelas berkenaan “rogol dalam perkahwinan” dalam undang-undang jenayah sedia ada memandangkan Islam tidak mengiktiraf “rogol dalam perkahwinan”.
15. Namun begitu, sekiranya perlakuan suami tersebut boleh menyebabkan penganiayaan dan kemudaratan kepada isteri, tindakan yang sewajarnya terhadap suami tersebut boleh diambil berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Ini bagi menjamin keadilan kepada isteri daripada sebarang penganiayaan oleh suami.
- 1.3 Latihan berkenaan gangguan seksual perlu diwajibkan kepada semua pekerja dan majikan dalam sektor swasta dan agensi kerajaan;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja akan terdapat cadangan untuk mengadakan kempen/ promosi pencegahan gangguan seksual di tempat kerja. Kempen ini akan memberi pendedahan kepada majikan di sektor swasta serta pekerja mengenai peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 berkaitan gangguan seksual. Walau bagaimanapun, bajet bersesuaian diperlukan bagi mengadakan kempen ini di seluruh Negara.

\*Bagi pekerja di sektor kerajaan, ia adalah tertakluk kepada JPA.



- 1.4 Undang-undang sedia ada berkaitan keganasan rumah tangga perlu dikaji semula bagi menyediakan perlindungan undang-undang kepada pasangan yang telah berkahwin dan tidak berkahwin;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 digubal bagi melindungi mangsa seperti berikut:

- a) isteri atau suami, isteri atau suami *de facto* (iaitu seseorang yang telah melalui suatu bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai istiadat perkahwinan mengikut agama atau adat pihak-pihak yang berkenaan walaupun perkahwinan itu tidak didaftarkan atau tidak dapat didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan upacara dan pendaftaran perkahwinan) atau bekas isteri atau bekas suami;
- b) kanak-kanak (berumur di bawah 18 tahun yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga);
- c) orang dewasa yang tidak berkeupayaan (yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga);
- d) mana-mana anggota keluarga lain yang tinggal bersama, seperti:
  - anak lelaki atau anak perempuan dewasa;
  - ibu atau bapa;
  - abang, kakak atau adik; atau
  - mana-mana saudara lain yang pada pandangan mahkamah hendaklah dimasukkan bagi tujuan perlindungan di bawah Akta ini.

Bagi mana-mana mangsa yang tidak terikat dengan ikatan perkahwinan, sekiranya keganasan berlaku maka Kanun Keseksaan boleh digunakan.

Dalam usaha mencegah dan memberi perlindungan dan perawatan kepada mangsa keganasan, Kementerian Kesihatan telah mewujudkan perkhidmatan One Stop Crisis Centre (OSCC) semenjak tahun 1996.

Objektif perkhidmatan OSCC adalah untuk mengurus mangsa keganasan seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga dan juga penderaan kanak-kanak secara berpusat yang merangkumi aspek perawatan perubatan, bimbingan psikologi dan pengurusan kes dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan dan NGO dibawah satu bumbung.

Perkhidmatan OSCC disediakan di seluruh Jabatan Kecemasan dan Trauma di semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 1.5 Undang-undang domestik di Malaysia perlu dipinda untuk meningkatkan umur perkahwinan secara perundangan kepada 18 tahun;

- 1.6 Kerajaan perlu memastikan bahawa pemerkasaan wanita diutamakan, terutamanya untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, politik dan meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan pembuat keputusan;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian sentiasa menyokong dan terlibat dalam usaha-usaha Kementerian/Agensi/Jabatan lain yang sedang dalam proses untuk melakukan pindaan terhadap dasar, akta dan undang-undang bagi mengatasi cabaran dan isu yang dihadapi oleh wanita di Malaysia.

Antaranya adalah kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Sumber Manusia dalam memperhalusi pindaan bagi Akta Kerja 1955 untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh wanita di tempat kerja bagi menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif demi memastikan wanita menjadi guna tenaga yang produktif.

Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan penglibatan wanita terutamanya yang telah berkeluarga dalam tenaga kerja dengan menggalakkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. **Peruntukan RM10 juta** disediakan untuk menambah 50 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di bangunan Kerajaan ke arah meringankan bebanan kerja ibu yang bekerja. Kerajaan juga akan terus menggalakkan dan memberi insentif kepada sektor swasta ke arah memastikan peluang pekerjaan yang saksama bagi wanita.

### Politik Dan Wanita Dalam Peringkat Pembuat Keputusan

Menyedari wanita memainkan peranan penting dalam sudut kehidupan, *way forward* Kementerian adalah untuk menyokong keseimbangan gender selaras dengan agenda global terutamanya memperkasa wanita dalam tenaga kerja dan sistem politik agar wujud lebih ramai pemimpin wanita tampil ke hadapan di samping mewujudkan dasar dan program khusus untuk meningkatkan pemilikan aset wanita, kadar pelaburan dan tabungan.

Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, peratus wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor awam telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 36.1 peratus bagi tahun 2018. Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Malaysia kini mempunyai lebih ramai pemimpin wanita dalam kabinet iaitu buat julung kalinya melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan 5 orang menteri wanita berbanding 3 orang menteri sebelum ini. Tambahan itu, lebih ramai wanita telah dilantik pertama kali ke jawatan kepimpinan tertinggi di dalam kerajaan dan agensinya, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) seperti Ketua Hakim Negara, Ketua Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Pengerusi Jawtankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Pengerusi majlis Amanah Rakyat (MARA), Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Pengerusi Bank pembangunan Malaysia Bhd dan Ketua Pegawai Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Kerajaan sentiasa komited dalam agenda memperkasakan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi. Ini terbukti apabila kadar penyertaan wanita dalam pekerjaan telah meningkat daripada 5.6 juta pada tahun 2017 kepada 5.73 juta pada tahun 2018. Daripada segi peratusan, kadar penyertaan wanita dalam pekerjaan meningkat daripada 54.1% kepada 55.2% bagi tempoh yang sama.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu dan menggalakkan golongan wanita untuk bekerja seperti berikut:-

- i. Memperkenalkan dasar bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor pekerjaan;
- ii. Mengumumkan tempoh cuti bersalin mandatori untuk sektor swasta dinaikkan daripada 60 hari ke 90 hari seperti yang telah dilaksanakan oleh perkhidmatan awam;
- iii. Membenarkan penjawat awam wanita yang mengandungi lima bulan ke atas, pulang 1 jam lebih awal. Kelonggaran ini turut diberikan kepada suami yang bekerja Kerajaan dan bekerja di lokasi berdekatan;
- iv. Mengumumkan bahawa Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mewajibkan semua bangunan pejabat yang baharu supaya menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak, bermula di Kuala Lumpur. Ini adalah bagi memudahkan ibubapa bekerja selain meningkatkan hubungan kekeluargaan;
- v. Memberikan pengecualian cukai pendapatan individu ke atas kepada wanita yang layak bagi menggalakkan golongan wanita kembali bekerja;
- vi. Usahasama TalentCorp dan syarikat GLC, GLIC serta sektor swasta terkemuka negara melalui sokongan pelaksanaan pelbagai program lain yang telah diadakan di dalam dan luar negara seperti **Career Comeback Programme** untuk golongan profesional wanita yang keluar sementara daripada sektor pekerjaan; dan
- vii. Kerajaan melalui TalentCorp juga menggalakkan para majikan untuk melaksanakan **Work-Life Practices (WLPs)** bagi menarik dan mengekalkan tenaga kerja wanita ke arah keseimbangan yang lebih baik antara integrasi kerja dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga, atau *family-friendly*. Inisiatif ini antara lain bertujuan untuk mengekalkan bakat dalam organisasi dan meningkatkan produktiviti tenaga kerja di Malaysia.

- 1.7 Penyelarasan dan komitmen di semua peringkat politik di Malaysia diperlukan untuk menyekat pemerdagangan dan penyeludupan wanita di peringkat serantau dan antarabangsa secara efektif;
- 1.8 Dasar-dasar khusus perlu dibangunkan untuk membantu komuniti transgender bagi memastikan hak-hak mereka untuk akses kepada perkhidmatan awam, pekerjaan, penjagaan kesihatan dan perumahan dilindungi, dan maruah mereka dihormati dan dijamin;

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian ini memberikan bantuan kebajikan sekiranya mereka layak termasuk komuniti transgender.

- 1.9 Kerajaan perlu memastikan bahawa wanita di setiap negeri di Malaysia diberi akses kepada keadilan secara adil dan saksama di Mahkamah Syariah; dan

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sangat menitikberatkan isu mengenai akses wanita kepada keadilan syariah. Ini boleh dilihat melalui pelantikan wanita ke dalam skim perkhidmatan pegawai syariah sebagai hakim syarie, pegawai sulh, pendakwa syarie dan peguam syarie. Sebagai contoh, sehingga 2017, jumlah hakim syarie wanita yang ditauliahkan adalah seramai 36 orang seluruh Malaysia termasuk dua orang hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Selangor.

Perlindungan kepada hak-hak wanita dan kanak-kanak telah menjadi salah satu fungsi teras JKSM dengan tertubuhnya Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) pada tahun 2008. Seiring dengan mahkamah syariah, inovasi demi inovasi telah diperkenalkan bagi memberi keadilan kepada pihak-pihak yang berhak, khususnya wanita dan kanak-kanak. Melalui BSK, kemudahan-kemudahan disediakan untuk memangkin keperluan wanita dan anak-anaknya dengan menguatkuasakan perintah nafkah dan nafkah pendahuluan juga diberi sehingga kes penguatkuasaan perintah tersebut selesai. BSK Transit juga disediakan untuk memberi

kemudahan tumpangan untuk pihak-pihak yang perlu hadir perbicaraan di sekitar Lembah Klang.

Terkini, pada 3hb September 2019, Program Pengkhususan Pengendalian Kes Hadhanah dan Nafkah dan Pewujudan Bahagian Penguatkuasaan dan Pelaksanaan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah mula beroperasi. Objektif utama program ini adalah untuk mempercepatkan kes-kes hadhanah dan nafkah yang melibatkan wanita dan anak-anak. Ini dilihat boleh mengurangkan tekanan emosi pihak-pihak khususnya wanita yang membuat tuntutan di mahkamah Syariah. Dengan pelaksanaan program ini, tempoh masa perbicaraan kes nafkah dan hadhanah dijangka dapat dikurangkan daripada empat belas (14) bulan kepada enam (6) bulan.

- 1.10 Kumpulan-kumpulan rentan seperti pekerja asing, pencari suaka, pelarian dan wanita tanpa kerakyataan harus diberikan akses yang sama rata terhadap pendidikan formal, penjagaan kesihatan dan pekerjaan, serta hak untuk hidup dalam kehidupan yang bebas daripada kemiskinan dan diskriminasi.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kumpulan-kumpulan rentan ini tidak dinafikan hak untuk mendapatkan akses rawatan apabila mereka memerlukannya. Walau bagaimanapun, warga asing masih tertakluk kepada pengenaan caj di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan tiada pengecualian diberikan kepada warga asing. Bagi kes-kes kecemasan, warga asing akan dirawat di mana kemasukan mereka ke hospital adalah tanpa deposit dengan pengesahan pakar/Pengarah hospital.

Selain itu, pelarian UNHCR berdaftar yang mendapat perkhidmatan di fasiliti KKM adalah dikenakan caj sebanyak 50% daripada caj warga asing. Sekiranya kumpulan rentan ini ditahan di pusat tahanan seperti depot-depot tahanan, pusat tahanan sementara, penjara, rumah perlindungan dan sebagainya, perkhidmatan kesihatan disediakan oleh KKM melalui penempatan anggota paramedik pos kader untuk memberikan rawatan sewajarnya. Sekiranya rujukan diperlukan, mereka akan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital mengikut keperluan.

“Pelarian UNHCR yang hadir ke fasiliti Kementerian Kesihatan tidak akan dinafikan hak untuk dirawat dan tertakluk kepada pengenaan caj sebanyak 50% dari kadar warga asing bagi pelarian *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) berdaftar. Peremitan fi rawatan turut diberikan kepada golongan warga asing tertentu tertakluk kepada kriteria ditetapkan.”

Pendirian negara berkaitan isu pelarian adalah jelas iaitu bantuan yang diberikan kepada pelarian adalah atas dasar perikemanusiaan. Malaysia pada masa ini tidak mempunyai keupayaan sama ada dari aspek ekonomi atau sosial untuk menerima dan memberikan perlindungan secara berterusan kepada pelarian.

Pada masa ini, Kerajaan menerusi Keputusan Jemaah Menteri dan Pekeliling Kementerian telah memberikan kebenaran-kebenaran berikut kepada pelarian:

**a. Pendidikan:**

Keputusan Jemaah Menteri pada 18 November 2016 agar kanak – kanak pelarian yang memegang kad UNHCR yang berusia 6 hingga 12 tahun yang berada di Malaysia dibenarkan untuk mendapat akses pendidikan asas di Pusat Bimbingan Alternatif (PBA). Kurikulum yang digunakan bagi PBA ini adalah kurikulum luar negara iaitu United Kingdom atau Myanmar dengan medium pengajaran di dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

**b. Rawatan Kesihatan:**

Kadar caj rawatan bagi rawatan perubatan, pembedahan, siasatan, ubat-ubatan dan rawatan pesakit luar am / pakar bagi pelarian yang memegang kad UNHCR yang sah adalah 50% dari kadar caj yang dikenakan kepada mana-mana wargenegara asing. Bagi kes-kes yang memerlukan deposit seperti perubatan, pembedahan dan bersalin, kadar deposit juga adalah 50% dari kadar yang dikenakan kepada warganegara asing. Pelaksanaan keistimewaan ini telah digariskan dibawah Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Bil 2/2018 berkaitan caj rawatan Perubatan Bagi Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR.

Susulan daripada penyata lisan yang disampaikan tersebut, Jawatankuasa CEDAW telah membangkitkan beberapa isu:

**I. Pernerdagangan Wanita**

Jawatankuasa CEDAW bertanya sama ada terdapat tempat perlindungan untuk mangsa-mangsa pernerdagangan. Dalam penyataan balas, SUHAKAM menyatakan bahawa antara masalah utama berkaitan dengan tempat perlindungan termasuklah kekangan bajet. Sehubungan itu, Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) tertentu sedang dipilih untuk menyediakan perlindungan kepada mangsa pernerdagangan. Jawatankuasa CEDAW juga dimaklumkan bahawa SUHAKAM telah mengadakan rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti Majlis Anti-Pernerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO) di bawah Kementerian Dalam Negeri mengenai isu pernerdagangan, namun perkembangan sangat perlahan.

**II. Pembiayaan NHRI dan Undang-undang Antirasuah**

Jawatankuasa CEDAW mempersoalkan bajet SUHAKAM dan sama ada terdapat undang-undang antirasuah dan kesannya dalam usaha kerajaan untuk menangani isu-isu hak asasi manusia; dan jika undang-undang antirasuah wujud, sama ada undang-undang tersebut mencukupi untuk mengatasi masalah rasuah.

Berkaitan isu antirasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ditugaskan untuk menyiasat isu-isu berkaitan rasuah. Walaupun terdapat undang-undang khusus berkaitan antirasuah, namun isu utama yang sering dibangkitkan adalah berkenaan penguatkuasaan. Selain itu, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 mempunyai pelbagai kelompangan dan tidak menyediakan perlindungan yang mencukupi kepada pemberi maklumat.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

GIACC terus komited bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dalam pelaksanaan dan pemantauan 115 inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 merangkumi 6 bidang keutamaan termasuk

penguatkuasaan undang-undang antirasuah di bawah Strategi 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang. Secara tidak langsung, pelaksanaan inisiatif NACP ini menyumbang ini kepada usaha Kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang antirasuah dan kesannya kepada dalam menangani isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Julai 2019 turut bersetuju dengan beberapa syor yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 9 Bilangan 4 Tahun 2018 pada 18 Julai 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri termasuk pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. BHEUU sedang memuktamadkan draf cadangan penubuhan Jawatankuasa Gubalan Akta Kebebasan Maklumat termasuk terma rujukan.

Kerajaan berpandangan perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 7(1) memperuntukkan seseorang pemberi maklumat yang memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 6(1) Akta yang sama akan diberikan perlindungan maklumat sulit, kekebalan dari tindakan sivil dan jenayah dan perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan.

Perlindungan dari tindakan yang memudaratkan juga boleh diperluaskan kepada mana-mana individu yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat, seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 10(1) Akta yang sama.

Dalam masa yang sama, pemberi maklumat yang dilindungi di bawah Akta 711 tetap mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 7(3) akta tersebut.

Oleh yang demikian, perlindungan yang diberikan di bawah Akta ini adalah menyeluruh dan komprehensif. Walau bagaimanapun, Akta ini pada masa ini sedang disemak oleh Kerajaan bagi tujuan untuk menambah baik pelaksanaannya dari pelbagai sudut. Pihak SUHAKAM adalah dialu-alukan sekiranya mempunyai sebarang cadangan untuk dikemukakan kepada Kerajaan bagi menambah baik Akta ini.

Sepanjang tahun 2019, SPRM telah menerima sebanyak 5539 maklumat berhubung pelbagai kesalahan rasuah. Dalam Jadual (2) disertakan statistik siasatan SPRM setakat Ogos 2019.

Selain itu, turut disertakan data berhubung Pemberi Maklumat Yang Didaftarkan Dan Keputusan Perlindungan Di Bawah APPM 2010 Bagi Tahun 2019 dalam Jadual (3).

**Jadual (2) STATISTIK AKTIVITI SIASATAN SPRM BAGI TAHUN 2019**

BIL	TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAP	TUDUH	SABITAN
1	2019	5,539	814	919	218	80

**Jadual (3) PEMBERI MAKLUMAT YANG DIDAFTARKAN DAN KEPUTUSAN PERLINDUNGAN DI BAWAH APPM 2010 BAGI TAHUN 2019 (SELURUH MALAYSIA)**

TH	Keputusan Perlindungan Di Bawah APPM 2010						Jumlah Keseluruhan Mengikut Tahun
	PM yang didaftarkan	Layak diberi perlindungan	Tidak layak diberi perlindungan	Siasat dan lapor	Salur maklumat kepada Jabatan/Agensi	Tindakan KPA/ KR/NFA	
2019	16	10	2	4	0	0	16



### III. Aplikasi Undang-undang Islam atau Syariah

Jawatankuasa CEDAW menjelaskan bahawa dalam pemerhatian akhir terdahulu untuk Malaysia, pihaknya telah **menggalakkan kerajaan Malaysia mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan sokongan untuk pembaharuan undang-undang, termasuk melalui perkongsian dan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin komuniti Islam.** Sehubungan itu, Jawatankuasa bertanya sama ada usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan dalam hal ini. Kedua, Jawatankuasa **meminta penjelasan lanjut berhubung penggunaan Undang-undang Syariah di Malaysia.**

SUHAKAM menjelaskan bahawa di Malaysia, undang-undang Islam merupakan bidang kuasa negeri dan ditadbir oleh setiap negeri, oleh itu wujud keperluan untuk pengharmonian undang-undang Islam antara setiap negeri kerana penggunaan undang-undang Syariah sedia ada adalah berbeza bagi sebuah negeri dengan yang lain. Terdapat juga pertikaian dengan undang-undang sivil berhubung hal-hal tertentu seperti hak penjagaan anak dan penukaran agama anak kepada Islam oleh sebelah pihak. Pada masa sekarang, reservasi yang diletakkan kepada Artikel 16 CEDAW adalah sebahagiannya disebabkan pertikaian dengan undang-undang Syariah, dan kerajaan telah secara konsisten menggunakan ketidakseragaman dengan undang-undang Islam sebagai satu faktor dalam peletakan reservasi terhadap triti-triti hak asasi manusia antarabangsa.

Jawatankuasa seterusnya menggalakkan SUHAKAM untuk mempertimbangkan Deklarasi Beirut dan 18 komitmennya berkenaan Kepercayaan Kepada Hak (Faith for Rights) yang mana objektifnya adalah untuk memupuk pembangunan masyarakat aman, mempertahankan martabat manusia, kesaksamaan untuk semua dan kepelbagaian bukan hanya diterima tetapi dihormati sepenuhnya dan diraikan.

## LAPORAN 2018

### 1. Sesi ke-69 Jawatankuasa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW)

SUHAKAM telah menghadiri Sesi ke-69 Jawatankuasa CEDAW pada 20 Februari 2018 di Palais des Nations, Geneva.

Jawatankuasa CEDAW telah memberikan masa kepada NHRI semasa sesi ke-69 untuk membentangkan maklumat khusus secara lisan berkenaan Negara Pihak yang telah dijadualkan untuk penilaian pada sesi tersebut. Sehubungan itu, isu-isu yang berikut, antara lain, telah dibentangkan oleh SUHAKAM untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa:

- i. SUHAKAM mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memasukkan 'gender sebagai satu asas larangan bagi diskriminasi di Malaysia. Bagi melaksanakan perkara ini, SUHAKAM menyeru agar kerajaan memperkenalkan satu undang-undang kesaksamaan gender dengan segera.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian kini sedang mengambil inisiatif untuk menggubal perundangan anti diskriminasi terhadap wanita bagi mencapai kesaksamaan gender di Malaysia. Inisiatif ini juga selaras dengan dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

- ii. SUHAKAM telah menekankan cabaran yang telah dialami oleh isteri-isteri bukan warganegara di Malaysia dan kekurangan perlindungan bagi mereka dalam soal hak kepada kewarganegaraan. Ketidaksaksamaan undang-undang tentang kewarganegaraan meletakkan beban yang berat kepada ibu-ibu yang perlu melalui proses yang lebih sukar untuk mendaftar anak mereka kerana kelulusan untuk permohonan kewarganegaraan mengambil masa bertahun-bertahun. Selain itu, proses permohonan juga kurang telus dan tidak selaras.
- iii. SUHAKAM menyeru kerajaan agar memperkenalkan semula cadangan pindaan kepada Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 berkenaan dengan penukaran agama kanak-kanak oleh seorang ibu atau bapa kerana perkara ini akan memberikan satu asas undang-undang untuk memastikan hak yang sama bagi kedua-dua pihak dalam hak berkaitan agama anak mereka jika perkahwinan mereka dibubarkan.
- iv. Berkenaan dengan orang yang mempunyai orientasi seksual dan identiti gender yang berlainan, SUHAKAM menekankan bahawa semua manusia tanpa mengira orientasi seksual mereka harus menikmati hak asasi manusia sepenuhnya.



## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian ini memberikan bantuan kebajikan sekiranya mereka layak termasuk komuniti transgender.

- v. SUHAKAM menekankan bahawa kerajaan harus mengambil pendirian dan pendekatan yang lebih terbuka dalam mengendalikan hak pencari suaka, wanita dan kanak-kanak perempuan pelarian dan tiada status kewarganegaraan yang telah berada di Malaysia, kerana golongan rentan ini tidak menikmati hak kepada pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan yang percuma dan sering ditahan di pusat tahanan di bawah kerangka undang-undang sedia ada di Malaysia. Oleh itu, SUHAKAM mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan alternatif kepada penahanan, seperti penempatan komuniti.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

KKM tidak pernah menyekat hak individu untuk mendapatkan penjagaan kesihatan malah sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua pelanggan tanpa mengira taraf sosio ekonomi dan taraf kewarganegaraan.

Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014, semua warga asing termasuklah warga asing tanpa dokumen yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan hendaklah didaftarkan dengan KKM bagi tujuan rekod.

Terdapat beberapa kemudahan yang telah digariskan melibatkan golongan rentan ini antaranya pengecualian caj rawatan dan wad kelas 3 dan pesakit luar bagi beberapa golongan antaranya:

- i. Pengecualian fi bagi penyakit berjangkit dalam kalangan warga asing;
- ii. Mangsa-mangsa kemalangan akibat bencana alam dan mangsa-mangsa penganiayaan seperti mangsa rogol/ cabul kehormatan; dan
- iii. Pesakit dalam kes tahanan/ pusat perlindungan/ pusat pemulihan/ pusat jagaan kerajaan atau pesakit yang dibawa oleh pihak berkuasa kerajaan.

Beberapa lagi kumpulan warga asing yang disenaraikan di bawah peremitan fi telah digariskan dalam panduan kemudahan rawatan ini. Kerajaan Malaysia pada masa ini menanggung subsidi perubatan warganegara Malaysia sahaja.

Kerajaan sedang meneliti semula Arahan MKN No. 23 bverkaitan pengurusan pelarian di Malaysia.

Selaras dengan status Malaysia sebagai negara bukan ahli kepada Konvensyen 1951 dan Protokol 1967, Malaysia memberikan bantuan kemanusiaan berdasarkan undang – undang, peraturan dan dasar – dasar sedia ada seperti:

- i. Membenarkan pelarian mendapatkan rawatan perubatan pada kadar caj yang lebih rendah dari warganegara asing lain;
- ii. Mendapatkan pendidikan asas di sekolah swasta dan Pusat Bimbingan Alternatif;
- iii. Bebas bergerak di dalam Semenanjung Malaysia;
- iv. Tidak ditahan atau ditangkap oleh pihak berkuasa kecuali bagi kesalahan jenayah; dan
- v. Mendaftarkan dan mengesahkan kelahiran bagi mana-mana kelahiran baru.

Semasa sesi ke-69 Jawatankuasa CEDAW, SUHAKAM menekankan perkara yang berikut:

- i. Didapati bahawa delegasi Malaysia kurang bersedia dan bersungguh-sungguh dalam proses penilaian apabila jawapan-jawapan yang diberikan tidak mencerminkan keadaan sebenarnya; tidak tepat atau mengelirukan dan gagal untuk menjawab soalan-soalan yang ditanyakan oleh Jawatankuasa tersebut.
- ii. Terdapat penekanan yang berlebihan oleh delegasi tentang agama dalam menjawab soalan-soalan yang ditanyakan.
- iii. Disebabkan penyelarasan yang kurang, delegasi memberikan tanggapan bahawa kurangnya kesungguhan dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi dari segi diskriminasi terhadap wanita.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Susulan pembentangan Laporan Negara Ketiga, Keempat dan Kelima Negara bagi Pelaksanaan CEDAW pada 20 Februari 2018, Jemaah Menteri pada 14 Mac 2018 telah memutuskan bahawa Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa pusat bagi menyelaras penyediaan maklum balas terhadap pemerhatian dan syor yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa CEDAW menerusi *Concluding Observations*, pelaksanaan intervensi dan tindakan susulan bagi membantu Malaysia melaksanakan obligasi terhadap CEDAW

KLN menyokong usaha-usaha agensi fokal mengenai isu berkenaan termasuk menyelaras latihan, bengkel dan lain lain projek pembangunan modal insan (*capacity building*) dengan OHCHR agar delegasi Malaysia lebih bersedia semasa penilaian laporan CEDAW Malaysia pada sesi akan datang.

**JKSM** sangat menitikberatkan isu mengenai akses wanita kepada keadilan syariah. Ini boleh dilihat melalui pelantikan wanita ke dalam skim perkhidmatan pegawai syariah sebagai hakim syarie, pegawai sulh, pendakwa syarie dan peguam syarie. Sebagai contoh, sehingga 2017, jumlah hakim syarie wanita yang ditauliahkan adalah seramai 36 orang seluruh Malaysia termasuk dua orang hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Selangor.

Perlindungan kepada hak-hak wanita dan kanak-kanak telah menjadi salah satu fungsi teras JKSM dengan tertubuhnya Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) pada tahun 2008. Seiring dengan mahkamah syariah, inovasi demi inovasi telah diperkenalkan bagi memberi keadilan kepada pihak-pihak yang berhak, khususnya wanita dan kanak-kanak. Melalui BSK, kemudahan-kemudahan disediakan untuk memangkin keperluan wanita dan anak-anaknya dengan menguatkuasakan perintah nafkah dan nafkah pendahuluan juga diberi sehingga kes penguatkuasaan perintah tersebut selesai. BSK Transit juga disediakan untuk memberi kemudahan tumpangan untuk pihak-pihak yang perlu hadir perbincangan di sekitar Lembah Klang.

Terkini, pada 3hb September 2019, Program Pengkhususan Pengendalian Kes Hadhanah dan Nafkah dan Pewujudan Bahagian Penguatkuasaan dan Pelaksanaan di Mahkamah Syariah Wilayah

Persekutuan telah mula beroperasi. Objektif utama program ini adalah untuk mempercepatkan kes-kes hadhanah dan nafkah yang melibatkan wanita dan anak-anak. Ini dilihat boleh mengurangkan tekanan emosi pihak-pihak khususnya wanita yang membuat tuntutan di mahkamah Syariah. Dengan pelaksanaan program ini, tempoh masa perbincangan kes nafkah dan hadhanah dijangka dapat dikurangkan daripada empat belas (14) bulan kepada enam (6) bulan.

## D. TANPA KEWARGANEGARAAN

### 1. Isu Tanpa Kerakyatan di Sabah

Isu tanpa kerakyatan sering dikaitkan dengan perkara-perkara yang berkaitan perbuatan pelanggaran undang-undang. Walaupun seseorang mampu membezakan antara kanak-kanak tanpa kerakyatan dengan kanak-kanak tanpa dokumen, pengalaman yang dialami oleh kanak-kanak dalam kedua-dua kategori ini adalah sama walaupun mereka berbeza dari aspek etnik, sejarah keluarga dan jenis bantuan yang diterima daripada negara asal. Hakikatnya, kanak-kanak Filipina dan Indonesia yang jatuh kedalam kedua-dua kategori berisiko ditangkap oleh pihak berkuasa sekiranya dijalankan operasi pemeriksaan dokumen. Di Sabah, isu pendatang tanpa kerakyatan yang sah (*legal statelessness*) harus dianalisis dari aspek "*effective statelessness*" yang terhasil daripada keadaan migrasi yang tidak teratur. Dalam hal ini, pemegang kad IMM13 memiliki dokumen yang sah walaupun berstatus tanpa kerakyatan. Konteks ini seterusnya membawa kepada persoalan baharu, iaitu **adakah golongan yang berstatus tanpa kerakyatan mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding dengan golongan yang tidak mempunyai dokumen?**

Bagi menjawab soalan ini, rundingan meja bulat telah diadakan berkenaan isu tanpa kerakyatan di Sabah pada 11 Julai 2018. Objektif perbincangan ini adalah untuk:

- i. Mengetahui dan menangani isu-isu berbangkit masalah dokumentasi yang dialami oleh rakyat Sabah;
- ii. Membincangkan masalah berkaitan pendatang tanpa izin dan kesannya kepada hak asasi rakyat di Sabah; dan

- iii. Mengetahui pasti cadangan kaedah pelaksanaan berkesan bagi mengatasi masalah tersebut.

Sebanyak 150 perwakilan daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, parti-parti politik dan orang awam telah menyertai sesi rundingan tersebut. Dalam rundingan tersebut, dua isu besar telah dibangkitkan:

### 1.1 Pemegang kad IMM13

Kad IMM13 ialah **pas yang diberikan kepada pelarian. Kad ini pada asalnya diberikan kepada pelarian Filipina yang melarikan diri daripada peperangan yang berlaku bahagian selatan negara.** Peperangan tersebut berlaku di antara kerajaan Filipina di bawah pentadbiran Ferdinand Marcos dan juga Moro Islamic Liberation Front pada awal tahun 1970-an. Permit ini dikeluarkan atas saranan daripada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) yang membantu dalam proses penyediaan dokumentasi dan pendaftaran. Kesemua pelarian tersebut sepatutnya didaftar dan diberikan bantuan kebajikan di samping dibenarkan untuk mencari peluang pekerjaan. Pelarian-pelarian ini juga berhak untuk mendapatkan status penduduk tetap mengikut syarat-syarat tertentu dan bukannya kewarganegaraan. Di samping itu, **terdapat juga dakwaan bahawa kebanyakan dokumen IMM13 telah dipalsukan.**

### 1.2 Kanak-Kanak Jalanan (Tanpa Dokumen)

Saban tahun, terdapat ramai kanak-kanak jalanan dijumpai menjadi peminta sedekah di sekitar Kota Kinabalu. Peserta rundingan meja bulat menegaskan bahawa aktiviti meminta sedekah ini bukan adat dan kebiasaan masyarakat setempat mahupun penduduk asal negeri Sabah.

## 2. Cadangan

- 2.1 Dalam mengetengahkan isu ini, SUHAKAM secara keseluruhannya **mencadangkan pihak kerajaan untuk menerima instrumen hak asasi manusia seperti Konvensyen 1954 berkaitan Status Orang Tanpa Kerakyatan dan Konvensyen Pengurangan Keteraturan 1961 bagi memastikan kanak-kanak**

**tidak berisiko untuk kehilangan status kewarganegaraan.** Mempersetujui instrumen hak asasi ini, kanak-kanak secara tidak langsung mempunyai jaminan untuk diberikan status kewarganegaraan dengan syarat mereka tidak memiliki kerakyatan di samping mendapat jaminan perlindungan walaupun berstatus tanpa kerakyatan.

- 2.2 Jawatankuasa Hak Asasi Kanak-Kanak telah menyatakan cadangan mereka setelah meneliti kes hak asasi kanak-kanak di Malaysia, iaitu: kerajaan **melaksanakan sistem pendaftaran kelahiran secara percuma dan menjalankan kempen kesedaran ke kawasan pedalaman.** Jawatankuasa ini juga mencadangkan supaya kerajaan memperbaiki sistem pendaftaran kelahiran kanak-kanak warga asing yang lahir di Malaysia, kanak-kanak ibu tunggal dan juga kanak-kanak yang lahir di kawasan pedalaman di Malaysia. Selain itu, kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen hendaklah diberikan kemudahan asas seperti kesihatan dan pendidikan, sementara menunggu proses penyelesaian dokumen.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah menafikan hak mana-mana kanak-kanak kepada akses pendidikan. Dasar sedia ada KPM membenarkan kanak-kanak tanpa dokumen yang merupakan **anak kepada ibu atau bapa warganegara** untuk bersekolah di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan **SPI Bil. 1/2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009.**

Bagi kanak-kanak tanpa dokumen yang berstatus **bukan warganegara atau kewarganegaraan belum ditentukan,** kemasukan ke sekolah adalah tertakluk kepada **Peraturan- Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998** dan **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018: Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara bertarikh 15 Januari 2018.**

Semua kanak-kanak tanpa mengira kerakyatan boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di mana-mana fasiliti kesihatan KKM, dan mereka adalah tertakluk kepada Akta Fi sedia ada. Walau bagaimanapun kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen adalah diklasifikasikan sebagai warga asing dan masih tertakluk kepada Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

2.3 SUHAKAM juga meminta agar **hak kanak-kanak untuk diberikan kewarganegaraan dihormati**. SUHAKAM menegaskan perlunya ada satu mekanisme untuk menangani isu tanpa kerakyatan di Malaysia bagi memastikan setiap kanak-kanak telah didaftarkan sewaktu kelahiran dan diberikan kewarganegaraan. Biro Populasi, Pelarian dan Pendatang juga harus ditubuhkan, di samping melantik pakar atau orang rujukan dalam biro tersebut.

2.4 Pendaftaran kelahiran:

- i. Melanjutkan proses pendaftaran 14 hari sehingga sekurang-kurangnya tiga bulan untuk memudahkan mereka yang berada di kawasan pedalaman.
- ii. Jabatan Pendaftaran seharusnya diwajibkan untuk mendaftar semua permohonan tanpa tangguhan.
- iii. Lebih banyak kempen kesedaran diadakan sebagai langkah memaklumkan kepada ibu bapa untuk mendaftarkan anak mereka.
- iv. Pendaftaran anak luar nikah – telah dicadangkan lebih banyak usaha dijalankan bagi menggalakkan ibu bapa mendaftarkan kelahiran tersebut bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut dihalang daripada mendaftar persekolahan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

KPM terikat dengan **Arahan MKN No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Tanpa Izin yang Memegang Kad UNHCR** berhubung pemberian akses pendidikan kepada pelarian dan pencari suaka. Mesyuarat Jemaah

Menteri bertarikh 18 November 2016 bersetuju bahawa akses pendidikan kepada kanak-kanak etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR dilaksanakan melalui model Pusat Bimbingan Alternatif yang ditubuhkan berdasarkan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Pusat Bimbingan Alternatif yang disediakan oleh KPM. **BP Swasta memaklumkan** anak-anak pelarian dan pencari suaka yang mempunyai dokumen yang sah dengan UNCHR boleh mengikuti pendidikan di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh sekolah berkaitan pendaftaran, yuran dan lain-lain perkara yang perlu dipatuhi.

Selain itu, **Pusat Bimbingan Alternatif (PBA)** dibenarkan untuk ditubuhkan dan didaftarkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Kabinet pada 18 November 2016. PBA menyediakan pendidikan asas kepada anak-anak pelarian yang diuruskan oleh organisasi kerajaan atau bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar di Malaysia. Sehingga kini terdapat 13 buah PBA untuk pelarian Rohingya dan 1 untuk pelarian Syria telah diluluskan penubuhan oleh KPM yang melibatkan 1,274 orang anak-anak pelarian.

2.5 Dasar Pengambilan Anak Angkat juga seharusnya dikaji lebih mendalam untuk mengenal pasti dan memudahkan proses mendapatkan kewarganegaraan.

## E. PELARIAN DAN PEMOHONAN SUAKA

### LAPORAN 2017

#### 1. Memorandum Persefahaman (Mou) Dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR)

SUHAKAM ingin menekankan bahawa usaha kerajaan untuk memastikan kumpulan rentan ini diberikan hak asas mereka bagi mendapatkan pekerjaan, pendidikan, kesihatan dan perumahan masih belum mencukupi. SUHAKAM seterusnya mencadangkan supaya kerajaan mengambil pendekatan yang lebih holistik bagi memastikan kumpulan rentan ini diberikan semua hak asas tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Dalam Negeri sedang meneliti draf dokumen *Host Country Agreement* yang akan dibincangkan dengan pihak UNHCR. Dasar sedia ada mengenai pekerjaan, pendidikan dan kesihatan sedang diteliti semula.

Dalam masa sama, pihak UNHCR disarankan untuk menyegerakan penghantaran pulang atau penempatan ke negara ketiga pelarian yang sedia ada di Malaysia.

## LAPORAN 2018

### 1. Komitmen Antarabangsa untuk Pelarian dan Pencari Suaka

Sebagai respon terhadap cadangan yang dibuat oleh Negara-negara pada Penilaian Penggalan Sejagat Malaysia (UPR) pada Sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR pada 8 November 2018, kerajaan menyatakan akan bekerjasama dengan UNHCR untuk meningkatkan tahap kehidupan pemegang kad UNHCR. Kerajaan juga turut menekankan program perintis yang dimulakan pada tahun 2017 untuk pemegang kad UNHCR Rohingya yang akan membolehkan mereka diambil bekerja secara sah oleh syarikat. SUHAKAM berpendapat bahawa program sebegini tidak begitu berjaya dan dengan itu, tidak ada apa-apa yang perlu dibangunkan.

### 2. Syor-syor

- 2.1 Menyertai Konvensyen Berhubung Status Pelarian 1951, dan Protokol Tambahan 1967 untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pelarian dan pencari suaka di Malaysia.
- 2.2 Memberikan layanan yang sama kepada semua pelarian dan pencari suaka tanpa mengira agama, bangsa dan negara asal.
- 2.3 Melaksanakan alternatif kepada penahanan, terutamanya untuk kanak-kanak, ibu hamil dan ibu yang masih menyusukan anak kepada kumpulan lemah yang lain. Penahanan pelarian dan pencari suaka ini hanya akan memburukkan lagi keadaan mereka kerana depot imigresen tidak mempunyai kemudahan untuk bersesuaian

untuk mereka. Penahanan akan menyebabkan trauma dan meninggalkan kesan kepada psikologi mereka.

- 2.4 Membenarkan pelarian dan pencari suaka untuk bekerja dan memberikan pendidikan formal untuk anak-anak mereka. Pekerjaan dan pendidikan akan menjamin keselamatan sosial bagi masyarakat dan menjadikan mereka lebih berdaya saing semasa mereka berada di Malaysia.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengambil maklum akan pandangan bahawa isu pelarian perlu ditangani segera agar ianya tidak memberi kesan negatif kepada kestabilan dan kententeraman negara. KSM berpandangan bahawa pemberian bekerja kepada pemegang kad UNHCR dalam sektor ini dilihat boleh membantu menyara kehidupan mereka dan pada masa yang sama mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing. Namun demikian, pemberian kebenaran pekerjaan ini mestilah mempunyai satu hala tuju pelaksanaan yang jelas dan tersusun. Perkara ini telah dibincangkan dalam Bengkel Semakan Arahan MKN pada 5-6 September 2019 yang lalu berkaitan pelarian. Pihak MKN telah mengambil maklum akan pandangan dan pendirian KSM berhubung perkara ini.

- 2.5 Menyediakan akses mudah kepada kesihatan dan menghapuskan tindakan menangkap mereka yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri serta bukan pemegang kad UNHCR ketika mendapatkan rawatan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Walaupun bukan parti kepada Konvensyen Berhubung Status Pelarian 1951, dan Protokol Tambahan 1967, Malaysia memegang kepada prinsip *non-refoulement* dan berusaha memberi bantuan kemanusiaan kepada golongan ini.

Kerajaan juga bekerjasama erat dengan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR), *International Migration Organization* (IOM) dan



pertubuhan antarabangsa serta masyarakat madani (CSO) lain dalam menguruskan perkara ini.

Pelarian dan pencari suaka tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di fasiliti KKM apabila memerlukannya dan bersesuaian dengan dasar kerajaan “*No Wrong Door*”. Pelarian dan pencari suaka tanpa dokumen sah yang sedang menerima rawatan di fasiliti KKM tidak pernah ditangkap oleh mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Malaysia semasa proses rawatan berlaku dan masih berada di wad. Tindakan pihak hospital membuat laporan mengenai kehadiran PATI di fasiliti KKM kepada pihak polis dan Jabatan Imigresen Malaysia adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh KKM.

KKM juga tidak pernah membuat sebarang tangkapan termasuklah mengambil tindakan undang-undang kepada pelarian dan pencari suaka yang telah mendapat perkhidmatan di fasiliti KKM tetapi gagal untuk menjelaskan bil hospital walaupun pelbagai usaha mendapatkan bayaran balik daripada mereka telah diambil oleh KKM. Pesakit yang masih mempunyai tunggakan dengan KKM juga tidak dihalang daripada mendapatkan rawatan apabila diperlukan.

Malaysia telah menjalin kerjasama dengan UNHCR rentetan ketibaan pelarian dari Vietnam semasa Perang Vietnam 1975. Pada waktu tersebut, UNHCR telah menawarkan bantuan kepada Malaysia bagi mendaftarkan dan menguruskan pelarian tersebut selama mana mereka diberikan perlindungan oleh Kerajaan Malaysia. Namun begitu, selepas pelarian ini pulang ke negara asal mereka, Malaysia masih membenarkan UNHCR berada di Malaysia bagi membantu dalam menguruskan pelarian – pelarian lain.

Walaupun Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen PBB berkenaan Pelarian 1951 dan Protokol 1967, Malaysia telah mengambil langkah memberikan perlindungan sementara dan bantuan kemanusiaan kepada mana-mana pelarian yang tiba dinegara ini. Sebagai negara bukan ahli perlu ditegaskan bahawa Malaysia tidak mempunyai apa-apa obligasi bagi memberikan perlindungan dan bantuan kepada pelarian ini, tetapi atas dasar perikemanusiaan sahaja.

Dalam hal ini, Malaysia telah membenarkan pelarian yang memegang kad UNHCR yang sah sahaja untuk menerima keistimewaan bantuan rawatan kesihatan dan pendidikan asas di sekolah swasta dan Pusat Bimbingan Alternatif.

Maklumbalas terhadap syor SUHAKAM adalah seperti berikut:

- i. Pada masa ini, Malaysia sedang mempertimbangkan cadangan untuk menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1967. Walaubagaimanapun, kajian mendalam perlu dilaksanakan dengan mengambil kira struktur dan keupayaan ekonomi, sosial dan perundangan sedia ada negara untuk memenuhi obligasi yang digariskan di dalam kedua – dua instrumen antarabangsa tersebut.
- ii. Malaysia tidak mengamalkan diskriminasi kepada mana – mana individu berdasarkan agama, bangsa dan keturunan. Tetapi, bagi tujuan identifikasi, Malaysia mewujudkan status bagi individu bukan warganegara seperti pekerja migran yang sah, pendatang asing tanpa izin dan pendatang asing tanpa izin yang memegang kad UNHCR bagi tujuan perundangan dan pentadbiran.
- iii. Tiada pelarian yang mempunyai kad UNHCR yang dikeluarkan oleh pihak UNHCR Kuala Lumpur ditahan di depoh tahan atas kesalahan imigresen. Pelarian yang mempunyai kad UNHCR yang ditahan semasa operasi oleh Jabatan Imigresen akan dilepaskan apabila kad UNHCR mereka disahkan tulen. Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa berkerjasama dengan pihak UNHCR dalam menentusah status mana – mana warganegara asing yang mendakwa diri mereka adalah pelarian semasa operasi dijalankan.
- iv. Malaysia sedang mengkaji dasar bagi membenarkan pelarian bekerja di Malaysia secara sah.
- v. Isu berkaitan penangkapan pendatang asing yang tidak membawa dokumen pengenalan diri adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia.



## F. PEMERDANGANGAN MANUSIA

### LAPORAN 2018

#### 1. Usaha SUHAKAM

Selama bertahun-tahun, SUHAKAM telah mengemukakan beberapa syor kepada kerajaan untuk memerangi pemerdagangan orang. Syor-syor tersebut adalah seperti yang berikut:

- 1.1 Penyertaan kepada Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Asasi Pekerja Migran dan Anggota Keluarganya (1990); Konvensyen yang berkaitan dengan Status Pelarian (1951) dan Protokol yang Berkaitan dengan Status Pelarian (1967) dan juga Konvensyen terhadap Jenayah Terancang Transnational (Protokol Migran).

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pada masa ini, Malaysia sedang mempertimbangkan cadangan untuk menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1967. Walaubagaimanapun, kajian mendalam perlu dilaksanakan dengan mengambil kira struktur dan keupayaan ekonomi, sosial dan perundangan sedia ada negara untuk memenuhi obligasi yang digariskan di dalam kedua – dua instrumen antarabangsa tersebut.

Malaysia juga sedang mempertimbangkan penyertaan kepada Protokol Migran di bawah Konvensyen Jenayah Terancang Transnational.

- 1.2 Memperkasakan mekanisme untuk mendakwa pesalah dan melindungi mangsa. Tindakan ini harus dilaksanakan dengan kerjasama kumpulan masyarakat sivil dan pihak misi diplomatik dan juga pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa dan serantau;

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berhubung pemerdagangan manusia, GIACC bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri melalui pelaksanaan dan pemantauan inisiatif-inisiatif NACP berkaitan. Sebagai contoh, melalui NACP inisiatif 5.1.4 satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) berhubung siasatan kem pemerdagangan manusia dan

kubur di Wang Kelian, Perlis telah ditubuhkan pada 26 Oktober 2018 bertujuan mengemukakan laporan dan syor penambahbaikan dalam pengawalan sempadan negara termasuk usaha kerjasama antarabangsa melibatkan pemerdagangan manusia.

- 1.3 Menggesa kedutaan untuk meningkatkan peranan mereka dalam mencegah pemerdagangan orang;

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Memandangkan pemerdagangan orang merupakan jenayah rentas sempadan yang turut melibatkan bidang kuasa negara lain, Malaysia sentiasa menjalinkan hubungan dua hala dan kerjasama pengurusan sempadan dengan negara-negara serantau untuk memudahkan perkongsian maklumat dan pertukaran perisikan dalam usaha memerangi jenayah pemerdagangan orang.

- 1.4 Kesemua mangsa perlu diberikan pemeriksaan kesihatan yang segera sebaik sahaja tiba di rumah perlindungan dan juga menerima lawatan secara berkala oleh kakitangan perubatan;

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

KKM mengambil maklum akan perkara ini dan telah pun menyediakan perkhidmatan pemeriksaan perubatan untuk orang yang disyaki diperdagangkan di 83 buah klinik kesihatan yang telah dikenalpasti di semua negeri yang terlibat. Pemeriksaan ini mengguna pakai Garis Panduan Pemeriksaan Perubatan Untuk Orang Yang Disyaki Diperdagangkan Pindaan 2017 yang telah pun diedarkan pada 19 Oktober 2017.

- 1.5 Memberikan latihan yang meluas untuk meningkatkan kemahiran pegawai penguat kuasa undang-undang di seluruh negara dalam mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang;

- 1.6 SUHAKAM juga menegaskan bahawa mencegah, mengenal pasti dan membantu mangsa pemerdagangan orang memerlukan pelbagai sistem dan pendekatan yang diselaraskan. SUHAKAM juga mengesyorkan siasatan bebas dengan matlamat untuk meletakkan pemerdagangan orang dalam agenda politik negara.

- 1.7 Mengkaji Seksyen 2(1) Akta Kerja 1955 (Akta 265) berkenaan undang-undang "kontrak untuk buruh" yang mungkin menyebabkan eksploitasi pekerja oleh agen pengambilan pekerja dan majikan; dan

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mengkaji Seksyen 2(1) Akta Kerja 1955 [Akta 265] berkaitan "kontraktor untuk buruh" yang mungkin menyebabkan eksploitasi pekerja oleh agen pengambilan pekerja dan majikan

Tafsiran bagi "kontraktor untuk buruh" tidak termasuk di dalam cadangan pindaan Akta 265.

- 1.8 Media perlu memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan kesedaran tentang pemerdagangan orang yang sedang berlaku.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

RTM melalui saluran TV dan radionya menerbitkan kapsul, promo dan rancangan seperti Selamat Pagi Malaysia (SPM) dan Bicara Narratif, termasuk 'Talking Point' oleh juruhebah sentiasa membuat liputan tentang isu pemerdagangan orang. Contohnya, pada 3 Julai 2019, Tuan Tengku Kamazeri Tengku Ismail, Timbalan Pengarah Bahagian Perundangan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah dijemput untuk membincangkan isu pemerdagangan orang dalam rancangan SPM.

## G. PEKERJA

### LAPORAN 2018

#### 1. Komitmen Antarabangsa terhadap Pekerja Migran

Respon kepada syor yang dibuat oleh Negara-Negara kepada Malaysia di Penilaian Penggalan Sejahtera Malaysia ketiga semasa Sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR pada 8 November 2018, kerajaan menyatakan bahawa satu inisiatif telah dilancarkan oleh kerajaan baharu bagi penubuhan satu sistem dalam talian untuk memohon pekerja asing tanpa membezakan

negara asal dan penubuhan Jawatankuasa Bebas untuk menyemak semula mekanisme sedia ada berhubung pengendalian pekerja asing termasuklah proses perekrutan.

## 2. Syor-syor

- 2.1 Kerajaan perlu membangunkan dan melaksanakan Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR).

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menerusi BHEUU sedang dalam proses penyediaan dokumentasi cadangan perincian pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (NAPBHR) untuk kelulusan Jemaah Menteri. Proses penyediaan dokumentasi dijangka selesai pada hujung tahun 2019.

- 2.2 Kerajaan perlu menggalakkan sektor perniagaan untuk mengambil kira Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP).

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Fasa pembangunan NAPBHR dijangka akan dimulakan setelah mendapat kelulusan peruntukan kewangan. Pelan yang akan dibangunkan ini akan melibatkan semua pihak berkepentingan dan mengambil kira Prinsip Panduan PBB Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP).

- 2.3 Melaksanakan pindaan dalam akta-akta kerja - Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan Akta Kerja 1955 bagi perlindungan yang lebih baik kepada para pekerja.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pindaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) telah lulus di Parlimen Dewan Negara pada 31 Julai 2019; dan

Pindaan bagi Akta Kerja 1955 (Akta 265) masih di peringkat gubalan di Jabatan Peguam Negara.

- 2.4 Menyertai Konvensyen Antarabangsa Perlindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (ICRMW).
- 2.5 Meratifikasi Konvensyen ILO mengenai Pekerja Domestik (No. 189).

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses memuktamadkan peraturan yang berkaitan bagi meningkatkan perlindungan kepada perkhidmat domestik.

## H. ORANG KURANG UPAYA

### LAPORAN 2018

Semasa Seminar Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Islam yang dianjurkan bersama JAKIM pada 27 November di PWTC Kuala Lumpur, seorang peserta buta membangkitkan tentang kesukaran golongan OKU untuk mengamalkan agama mereka kerana kekurangan kemudahan yang bersesuaian dengan mereka di masjid. Beliau turut menyentuh tentang tanggungjawab untuk memastikan OKU dapat menikmati hak asasi mereka termasuk kebebasan beragama, adalah dituntut dalam Islam.

#### 1. Isu-isu

Peserta-peserta seminar juga membangkitkan beberapa isu seperti yang berikut:

- 1.1 Kesedaran masyarakat tentang kepentingan masjid dan tempat ibadat yang mesra orang kelainan upaya masih sangat rendah. Ahli-ahli jawatankuasa masjid yang perlu diberikan maklumat dan latihan mengenai kepentingan dan menyelenggara masjid mesra OKU.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) melalui Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB) telah mengambil inisiatif melaksanakan audit akses terhadap bangunan/ premis/ ruang awam termasuk masjid dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Institut Pengajian Tinggi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan.

Pada tahun 2018, audit akses yang melibatkan masjid adalah seperti berikut:

- Masjid Husin, Seremban, Negeri Sembilan;
- Masjid Putra, Presint 1, Putrajaya; dan
- Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3, Putrajaya (Audit Susulan).

Jawatankuasa RBSAB juga telah mengadakan satu perbincangan berkaitan aksesibiliti OKU di tempat ibadat pada 25 April 2019, Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berkaitan telah dijemput iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Ahli Akademik dan Anggota MKBOKU. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk memastikan Kementerian/ Jabatan/ Agensi terlibat dapat memenuhi keperluan MS 1184 bagi kemudahan akses OKU berdasarkan bidang kuasa masing-masing.

Manakala penguatkuasaan terhadap pematuhan-kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT)/ Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

- 1.2 Sehingga kini, masih banyak masjid di Malaysia yang tidak mempunyai tanjakan dengan selusur, tempat letak kereta khas, laluan taktil, tandas OKU, juru bahasa bagi orang pekak ketika khutbah Jumaat, papan tanda braille untuk orang buta dan lain-lain lagi.
- 1.3 Kebanyakan masjid juga gagal untuk mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984, serta MS1184: *Universal Design and Accessibility in the Build Environment – Code of Practice (Second Version)*.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 adalah undang-undang subsidiari di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133). UKBS 1984 telah memperuntukkan agar semua bangunan boleh diakses oleh orang awam, termasuk oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) 34A yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada tahun 1990.

Dibawah konsep pelaksanaan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) serta “*self regulation*” berdasarkan UUK 25, UKBS 1984, pihak *Principal Submitting Person (PSP)* adalah bertanggung jawab sepenuhnya untuk mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan UKBS. Sebarang pemajuan yang tidak mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) serta Undang-Undang Kecil dibawahnya termasuklah penyediaan kemudahan akses Orang Kurang Upaya, merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti sehingga RM50,000 atau/dan penjara sehingga tiga (3) tahun sebagaimana Akta 133, subseksyen 70(13)(c). Sementara membuat representasi palsu mengenai pematuhan kepada Akta 133 dan Undang-Undang Kecil juga merupakan suatu kesalahan yang boleh didenda sehingga RM250,000 atau/dan penjara sehingga sepuluh (10) tahun sebagaimana Akta yang sama, subseksyen 70(27)(e).

Mana-mana pihak mendapati terdapat ketidakpatuhan kepada mana-mana Undang-Undang Kecil (UUK) di bawah UKBS pada sesuatu pembangunan, aduan boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PBT boleh mengarahkan PSP untuk membuat pembedahan dan juga melaporkan aduan tersebut kepada Badan Profesional yang berkaitan supaya tindakan boleh dikenakan kepada PSP yang berkenaan.

Pada masa ini, JAKIM telah membangunkan Standard Penarafan Masjid Rahmah Malaysia (SPMRM) yang berupaya mempertingkatkan fungsi dan peranan masjid, termasuklah dalam melaksanakan pelbagai inovasi bagi meningkatkan keselesaan jemaah dan masyarakat, termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU).

Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 adalah undang-undang subsidiari di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133). UKBS 1984 telah memperuntukkan agar semua bangunan boleh diakses oleh orang awam, termasuk oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) 34A yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada tahun 1990.

Dibawah konsep pelaksanaan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) serta “*self regulation*” berdasarkan UUK 25, UKBS 1984, pihak *Principal Submitting Person (PSP)* adalah bertanggung jawab sepenuhnya untuk mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan UKBS. Sebarang pemajuan yang tidak mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) serta Undang-Undang Kecil dibawahnya termasuklah penyediaan kemudahan akses Orang Kurang Upaya, merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti sehingga RM50,000 atau/dan penjara sehingga tiga (3) tahun sebagaimana Akta 133, subseksyen 70(13)(c). Sementara membuat representasi palsu mengenai pematuhan kepada Akta 133 dan Undang-Undang Kecil juga merupakan suatu kesalahan yang boleh didenda sehingga RM250,000 atau/dan penjara sehingga sepuluh (10) tahun sebagaimana Akta yang sama, subseksyen 70(27)(e).

Mana-mana pihak mendapati terdapat ketidakpatuhan kepada mana-mana Undang-Undang Kecil (UUK) di bawah UKBS pada sesuatu pembangunan, aduan boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PBT boleh mengarahkan PSP untuk membuat pembedahan dan juga melaporkan aduan tersebut kepada Badan Profesional yang berkaitan supaya tindakan boleh dikenakan kepada PSP yang berkenaan.

1.4 Satu daripada halangan dalam memastikan keperluan mesra OKU di masjid ialah implikasi kewangan yang tinggi untuk memperoleh dan menyelenggara kemudahan tersebut yang mungkin meliputi kemudahan mekanikal berteknologi tinggi seperti tempat wudhu; sedangkan pihak pengurusan masjid amat bergantung kepada sumbangan kewangan oleh jemaah dan masyarakat.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Melalui penilaian berdasarkan SPMRM tersebut kelak, masjid-masjid di Malaysia disasarkan agar menepati konsep Masjid Rahmah yang antara lainnya memberi perhatian kepada elemen Mesra, iaitu mempunyai kemudahan dan prasarana mesra pelanggan, termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

- 1.5 Peserta seminar juga bersetuju bahawa Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) perlu dipinda dengan memasukkan langkah penguatkuasaan undang-undang, sementara peruntukan CRPD perlu diintegrasikan ke dalam semua operasi dalaman organisasi.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

JKM masih dalam proses untuk mengumpul input dan maklum balas berkenaan aspek operasi Akta OKU 2008. Peruntukan CRPD telah pun diintegrasikan ke dalam semua operasi dalam organisasi KPWK berkaitan OKU melalui Dasar OKU 2007, Akta OKU 2008 dan Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

## I. LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER

### LAPORAN 2018

SUHAKAM mengulangi bahawa semua individu, tanpa mengira orientasi seksual atau identiti gender, mereka mempunyai hak asas yang sama sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### 1. Isu-isu

Antara kes yang menarik perhatian umum termasuklah peletakan jawatan oleh Numan Afifi yang merupakan aktivis daripada komuniti LGBT. Pelantikan beliau sebagai pegawai akhbar kepada Kementerian Belia dan Sukan telah menyebabkan beliau menerima kecaman yang teruk. Pengkritik menegaskan bahawa adalah tidak wajar untuk “pejuang LGBT” menjadi seorang kakitangan kerajaan.

Kedua, hukuman sebat yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah kepada dua orang wanita yang

mengaku bersalah untuk cuba melakukan hubungan seks sejenis. Kes ini telah menarik perhatian media antarabangsa dan sebilangan komuniti antarabangsa mengutuk hukuman sebat dengan menggelarkannya sebagai memalukan dan merendahkan maruah.

Selepas itu, seorang wanita transgender telah diserang dengan kejam sambil disaksikan oleh tujuh orang lain di Seremban. Serangan itu telah menyebabkan wanita itu mengalami patah tulang rusuk, patah tulang belakang dan limpanya pecah. Melalui siasatan pihak polis, penyerang itu dengan mudah menyatakan bahawa mereka tidak menyukai golongan transgender dan rasa ingin menyerang individu terbabit.

Satu lagi perkara yang memberikan tekanan kepada komuniti LGBT adalah apabila pengarah Festival George Town memberitahu bahawa beliau telah diarahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa untuk menurunkan beberapa potret. YB Datuk Seri Dr. Mujahid menyatakan bahawa tindakan mempromosikan budaya LGBT tidak akan disokong di Malaysia. Pameran itu menampilkan siri potret beberapa rakyat Malaysia yang bergambar dengan Jalur Gemilang yang telah diambil pada tahun lepas sempena memperingati 60 tahun kemerdekaan Malaysia.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

**JKSM** -Hukuman sebat tersebut dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang syariah yang sah di sesebuah negeri. Mengikut peruntukan seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, orang perempuan yang didapati melakukan kesalahan *musahaqah* atau lesbian boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Kedua-dua wanita di dalam kes tersebut telah membuat pengakuan salah di atas perbuatan mereka dengan kerelaan dan faham berkenaan akibat pengakuan salah mereka yang mana mereka boleh dihukum dengan hukuman yang ditetapkan dalam seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.



Hukuman sebat di bawah undang-undang syariah di Malaysia adalah sebatan ringan, jika dibandingkan dengan sebatan sivil. Seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 menghuraikan dengan lanjut berkenaan prosedur pelaksanaan sebatan di Terengganu. Jelasnya, pelaksanaan sebatan di bawah undang-undang syariah mengambil kira jantina pesalah dan menjaga adab semasa proses sebatan dijalankan. Sebagai contoh, pesalah hendaklah memakai pakaian yang mengikut hukum Syarak dan pesalah wanita disebat dalam keadaan duduk. Prosedur-prosedur yang digariskan menunjukkan bahawa sebatan syariah bukanlah bertujuan untuk menyakiti, tetapi ia adalah bertujuan untuk mendidik dan memberi peringatan bukan sahaja kepada pesalah, bahkan kepada masyarakat Islam.

Hukuman sebat tersebut dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang syariah yang sah di sesebuah negeri. Mengikut peruntukan seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, orang perempuan yang didapati melakukan kesalahan *musahaqah* atau lesbian boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Kedua-dua wanita di dalam kes tersebut telah membuat pengakuan salah di atas perbuatan mereka dengan kerelaan dan faham berkenaan akibat pengakuan salah mereka yang mana mereka boleh dihukum dengan hukuman yang ditetapkan dalam seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.

Hukuman sebat di bawah undang-undang syariah di Malaysia adalah sebatan ringan, jika dibandingkan dengan sebatan sivil. Seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 menghuraikan dengan lanjut berkenaan prosedur pelaksanaan sebatan di Terengganu. Jelasnya, pelaksanaan sebatan di bawah undang-undang syariah mengambil kira jantina pesalah dan menjaga adab semasa proses sebatan dijalankan. Sebagai contoh, pesalah hendaklah memakai pakaian yang mengikut hukum Syarak dan pesalah wanita disebat dalam keadaan duduk. Prosedur-prosedur yang digariskan menunjukkan bahawa sebatan syariah bukanlah bertujuan untuk menyakiti, tetapi ia adalah bertujuan untuk mendidik dan memberi peringatan bukan sahaja kepada pesalah, bahkan kepada masyarakat Islam.

LGBT adalah jelas bertentangan dengan budaya dan agama Islam serta tidak sesuai diamal dan dipromosikan di negara ini. Namun, JAKIM berpandangan bahawa maruah dan kehormatan transgender tetap perlu dipertahankan berlandaskan nilai manusiawi dan usaha membimbing transgender menjalani kehidupan yang lebih sejahtera berpandukan ajaran Islam.

## J. BULI SIBER DAN HAK ASASI MANUSIA

Pada tahun 2017, SUHAKAM menerokai satu isu baharu iaitu buli siber dan hak asasi manusia. Seiring dengan kemajuan teknologi, kaedah pembulian juga berkembang dan mengambil pelbagai bentuk dalam dunia siber. Buli siber boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang. Mangsa boleh mengalami pengasingan sosial yang ketara dan berasa tidak selamat. Hal ini boleh membawa kepada kemudaratan emosi dan fizikal, kehilangan kepercayaan diri, perasaan malu dan kebimbangan, kesukaran untuk belajar dan menumpukan perhatian, malah lebih teruk sehingga membunuh diri.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian menerusi *CyberSecurity Malaysia* di bawah inisiatif *CyberSAFE (Cyber Security Awareness for Everyone)* bergiat aktif dalam memberikan kesedaran keselamatan siber kepada pengguna-pengguna internet di Malaysia. Antara topik yang dibentangkan adalah berkaitan Buli Siber. Melalui program CSAT (Ceramah Kesedaran Keselamatan Siber), *CyberSecurity Malaysia* telah menyampaikan ceramah kepada **14,935** pengguna internet sehingga Julai 2019. Melalui ceramah ini, CSM berkongsi amalan terbaik serta langkah-langkah bagaimana untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa Buli Siber.

Selain dari itu, CSM juga akan terus menggembeling usaha bagi memberikan kesedaran keselamatan siber kepada pengguna internet di Malaysia dan akan terus melaksanakan jalinan kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (melalui Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP)), PDRM, SKMM, IPTA, IPTS dan lain-lain (termasuk NGO) bagi tujuan pemantapan program dan meningkatkan capaian kepada kumpulan sasaran.




Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menerima sebanyak 4,169 aduan awam berkaitan gangguan atau "*harassment*" termasuklah buli, gangguan seksual, ancaman, tindakan menakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu dari tahun 2017 sehingga Ogos 2019.

Kesemua aduan yang diterima disusuli tindakan oleh pihak MCMC, termasuklah di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang

melarang penyebaran kandungan sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik.

Selain usaha bersifat penguatkuasaan, pelbagai program berbentuk kesedaran di seluruh negara turut dijalankan pihak MCMC. Program yang dijalankan antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Program yang dijalankan juga memupuk pengguna internet agar lebih bertanggungjawab dan sama-sama mengekang kegiatan buli siber daripada terus berlaku.





# **BAB 3**

## PENETAPAN PRESTASI DAN PIAWAI HAK ASASI MANUSIA



**BAB 3 PENETAPAN PRESTASI DAN PIAWAI HAK ASASI MANUSIA****MUKA  
SURAT**

<b>A</b>	<b>DEMOKRASI, TADBIR URUS BAIK DAN HAK ASASI MANUSIA</b>	<b>77</b>
	LAPORAN 2017	<b>77</b>
1.	Persempadanan semula	<b>77</b>
	LAPORAN 2018	<b>78</b>
1.	Pilihan raya	<b>78</b>
1.1	Beli undi	<b>78</b>
1.2	Barisan mengundi yang panjang	<b>79</b>
1.3	Kebolehcapaian ke pusat mengundi	<b>79</b>
1.4	Ketidakserataan pilihan raya	<b>80</b>
1.5	Kebebasan media	<b>80</b>
1.6	Kebenaran menjadi pemerhati bebas	<b>80</b>
1.7	Pembiayaan politik	<b>81</b>
2.	Jawatankuasa khas pembaikan sistem undang-undang pilihan	<b>82</b>
2.1	Membeli undi (Politik wang)	<b>82</b>
2.2	Barisan panjang	<b>82</b>
2.3	Kekurangan persediaan dan penyelarasan oleh SPR	<b>83</b>
2.4	Kebolehcapaian ke pusat pengundian	<b>83</b>
2.5	Ketidaksetaraan pilihan raya	<b>84</b>
2.6	Kebebasan media	<b>85</b>
2.7	Akses kepada pemerhati bebas	<b>85</b>
2.8	Pembiayaan politik	<b>86</b>
3.	Pelancaran laporan mengenai demokrasi di Rantau Asia Tenggara	<b>86</b>
<b>B</b>	<b>PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN</b>	<b>88</b>
	LAPORAN 2018	<b>88</b>

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>C PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA</b>	<b>90</b>
LAPORAN 2017	<b>90</b>
1. Perbincangan meja bulat untuk mempromosi hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia	<b>90</b>
1.1 Menghormati hak pekerja asing dan pelarian	<b>90</b>
1.2 Masalah pekerja domestik	<b>90</b>
1.3 Hak berpersatuan	<b>91</b>
1.4 Pendidikan dan kesedaran	<b>91</b>
1.5 Kelestarian	<b>91</b>
<b>D BADAN KEAGAMAAN DAN HAK ASASI MANUSIA</b>	<b>92</b>
LAPORAN 2017	<b>92</b>
1. Pembubaran perkahwinan – pertukaran agama	<b>92</b>
<b>E KETERLIBATAN ANTARABANGSA</b>	<b>92</b>
1. Penilaian berkala sejagat (UPR) Malaysia yang ketiga	<b>92</b>



## A. DEMOKRASI, TADBIR URUS BAIK DAN HAK ASASI MANUSIA

### LAPORAN 2017

#### 1. Persempadanan Semula

Pada 13 September 2016, kenyataan media yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyatakan bahawa SPR akan menjalankan semakan persempadanan semula pilihan raya untuk kerusi parlimen dan negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Kajian semula itu akan dijalankan berdasarkan peruntukan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sabah, yang diwartakan pada 18 Ogos 2016. Seterusnya, pada 4 Oktober 2016, SUHAKAM menerima memorandum daripada YB Nurul Izzah (Lembah Pantai), YB Charles Santiago (Klang) dan YB Dr. Hatta Ramli (Kuala Krai) berhubung pelaksanaan persempadanan semula yang sedang dijalankan oleh SPR.

Berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan, SUHAKAM telah mengemukakan cadangannya kepada SPR untuk dipertimbangkan seperti yang berikut:

- 1.1 kajian semula daerah mengundi dan saiz bahagian pilihan raya;
- 1.2 memastikan Konsultasi Bermakna bersama Orang Awam Semasa Pelaksanaan Persempadanan Semula;
- 1.3 menambah baik prosedur siasatan tempatan bagi memastikan ketelusan yang lebih baik; dan
- 1.4 memastikan Ketersediaan Maklumat Awam.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR mengambil maklum akan ketidakseimbangan Bahagian Pilihan Raya khususnya apabila pelaksanaan Had Umur 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dikuatkuasakan. Dalam

hal ini, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya **hanya boleh dilaksanakan setelah lat tempoh 8 tahun dari tarikh siap urusan terdahulu berakhir atau berlakunya pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri**. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak akan berakhir pada **tahun 2023**, Negeri Sabah pada **tahun 2025** manakala Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada **tahun 2026**.

- Urusan Kajian Semula Persempadanan sebagaimana yang termaktub di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan turut **membenarkan proses engagement dijalankan di mana pihak-pihak berkepentingan iaitu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, dan pemilih boleh mengemukakan representasi** sama ada menyokong atau membantah syor-syor persempadanan yang dicadangkan oleh SPR.
- Setiap representasi akan dipertimbangkan bahkan representasi bantahan juga perlu **didengar oleh SPR melalui proses Siasatan Tempatan (Local Enquiry)**. Semasa menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri Sabah dan Negeri-negeri Tanah Melayu, sebanyak **41 dan 1,685 representasi bantahan telah diterima oleh SPR masing-masing**. Melalui 2 proses Siasatan Tempatan dalam mempertimbangkan justifikasi yang dikemukakan oleh para pembantah, sebanyak **8 representasi bantahan telah diterima oleh SPR bagi Negeri Sabah manakala sebanyak 258 representasi bantahan pula diterima bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu**.
- SPR juga telah **menambah baik Standard Operating Procedures (SOP) sedia ada** untuk melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan termasuk proses libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan dan ketersediaan maklumat yang lebih jelas.

## LAPORAN 2018

### 1. Pilihan Raya

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan sewaktu berlangsungnya proses Pilihan Raya Kecil Sungai Kandis, SUHAKAM telah merekodkan beberapa isu pencabulan hak asasi.

Aduan-aduan tersebut adalah seperti yang berikut:

#### 1.1 Beli undi

Sewaktu proses pilihan raya berlangsung, didapati parti politik daripada pihak kerajaan dan pembangkang telah mengadakan program-program bersama pengundi untuk memberikan ganjaran. Program-program seperti sesi makan tengah hari atau makan malam bersama parti politik diadakan untuk menarik undi pada masa pilihan raya.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR mengambil perhatian terhadap aduan berkaitan kesalahan pilihan raya yang telah direkodkan oleh SUHAKAM semasa PRK DUN Sungai Kandis, Selangor. Berhubung dengan perkara ini, SPR sentiasa memberi perhatian terhadap kesalahan pilihan raya yang telah berlaku dalam mana-mana pilihan raya.
  - Selepas pelaksanaan PRU Ke-14, SPR telah melaksanakan pelbagai langkah dalam memastikan setiap calon dan parti politik yang bertanding mematuhi proses, prosedur dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan.
  - Antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh SPR adalah seperti berikut:
    - (a) **Mengeluarkan Kenyataan Media** untuk memberi peringatan kepada semua pihak yang terlibat dengan aktiviti berkempen semasa PRK bagi setiap pilihan raya;
    - (b) **Memberikan taklimat dan penerangan mengenai do's and don'ts bagi urusan kempen pilihan raya** kepada calon atau wakil calon semasa Mesyuarat Penyelarasan Pegawai
- Pengurus dan Calon Semasa PRK pada Hari Penamaan Calon;
  - (c) **Mewujudkan Pasukan Petugas Khas Pemantauan Kempen Pilihan Raya (Special Task Force On Election Campaign – STEC)** daripada Ibu Pejabat SPR semasa pilihan raya bagi memberi fokus dalam menyelaras urusan melibatkan pemantauan kempen pilihan raya;
  - (d) Mengemukakan **Surat Pematuhan Peraturan Kempen Pilihan Raya Semasa Tempoh Berkempen dan Hari Mengundi dan Aku Janji Calon Semasa Tempoh Berkempen Dan Hari Mengundi** kepada setiap calon yang bertanding. Ini bagi memastikan setiap calon yang bertanding **patuh kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan** semasa tempoh berkempen;
  - (e) Mewujudkan **Aku Janji Bagi Anggota Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) Semasa Tempoh Berkempen dan Hari Mengundi Semasa Pilihan Raya**. Ini bagi memastikan setiap anggota PP-KPR patuh kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan;
  - (f) **Mempertingkatkan kerjasama pintar (smart partnership) dengan jabatan/agensi yang berkait rapat dengan kesalahan pilihan raya** seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Melalui jalinan kerjasama yang dilaksanakan tersebut, SPRM **bersetuju untuk mewujudkan Bilik Operasi SPRM yang beroperasi selama 24 jam** di sepanjang tempoh berkempen semasa pilihan raya; dan
  - (g) **Mengemukakan Surat Pemantauan Kempen Pilihan Raya** kepada calon yang bertanding selepas selesainya sesuatu pilihan raya sekiranya terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang/ peraturan pilihan raya.
- Walau bagaimanapun, harus diakui bahawa PP-KPR yang dilantik oleh SPR juga **mempunyai kekangan untuk menjalankan aktiviti pemantauan semasa kempen pilihan raya**

**memandangkan pelantikan PP-KPR juga adalah terhad.** Selain itu, PP-KPR yang dilantik juga **tidak mampu untuk berada di setiap lokasi di dalam kawasan pemantauan masing-masing pada setiap masa.**

- Oleh yang demikian, SPR sentiasa menyarankan kepada semua pihak yang mempunyai maklumat berkaitan kesalahan pilihan raya untuk **membuat laporan polis kepada PDRM atau SPRM.** Ini bagi membolehkan tindakan dan siasatan yang sewajarnya boleh dilaksanakan.
- SPR sentiasa terbuka kepada mana-mana pihak untuk memberi pandangan dan cadangan dalam melaksanakan penambahbaikan terhadap urusan pemantauan dan penguatkuasaan kempen pilihan raya.

## 1.2 Barisan mengundi yang panjang

Pilihan Raya Umum ke-14 telah mencatatkan jumlah kehadiran pengundi yang ramai, iaitu sebanyak 82.32 peratus. Perkara ini telah menyebabkan barisan menunggu giliran yang panjang sewaktu pilihan raya. Hal ini dirumitkan lagi dengan kekurangan persediaan dan penyelarasan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. SUHAKAM mendapati berlakunya beberapa masalah sewaktu proses pilihan raya berlangsung yang menyebabkan ketidakpuasan hati para pengundi.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap proses perjalanan pilihan raya bagi menangani kelemahan-kelemahan yang berlaku semasa PRU Ke-14.
- Bagi memastikan kelancaran proses pengundian dan mengurangkan kesesakan di saluran, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan dalam 8 Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti berikut:
  - a) Menyediakan **2 saluran khusus** berbanding hanya **1 saluran semasa PRU Ke-14** bagi warga emas berumur yang berumur 60 tahun ke atas dan juga Orang Kurang Upaya (OKU) dengan jumlah **maksimum sebanyak 350 orang**;

- b) Mengurangkan jumlah pemilih di saluran yang lain iaitu **maksimum 600 orang berbanding 750** orang pemilih semasa PRU Ke-14;
- c) Memanjangkan tempoh masa pengundian dari jam **8.00 pagi hingga 5.30 petang** berbanding jam 5.00 petang semasa PRU Ke-14;
- d) Menyediakan **ruang menunggu** bagi pengundi sama ada menggunakan bilik darjah bersebelahan dengan saluran ataupun khemah-khemah menunggu di hadapan saluran bagi memberi keselesaan kepada pengundi; dan
- e) Menyediakan **tanda arah untuk laluan ke saluran-saluran** di pusat mengundi bagi memudahkan pengundi ke saluran masing-masing dan menyalurkan aliran pengundi agar tidak sesak.

## 1.3 Kebolehcapaian ke pusat mengundi

Pemerhati SUHAKAM mendapati beberapa pusat mengundi tidak bercirikan mesra pengundi OKU. Selain itu, kebanyakan pusat mengundi ini juga tidak menitikberatkan keselesaan dan keselamatan kumpulan pengundi lain seperti golongan warga tua.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR prihatin dan memahami kesulitan yang dihadapi oleh pemilih dari golongan OKU pada hari mengundi. Bagi pasca PRU Ke-14, SPR telah melaksanakan beberapa inisiatif yang lebih mesra OKU seperti berikut:
  - a) Menyediakan **2 saluran khusus** berbanding **1 saluran semasa PRU Ke-14** bagi warga emas berumur berumur 60 tahun ke atas dan juga OKU dengan jumlah **maksimum sebanyak 350 orang**;
  - b) **Kemudahan pengangkutan khas (shuttle service)** daripada pintu pagar di pusat mengundi hingga ke saluran kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan OKU;
  - c) **Menyediakan ramp** di pusat mengundi bagi memudahkan pergerakan mereka; dan

- d) Pemandu Arah Pusat Mengundi yang lebih mesra pengundi.

#### 1.4 Ketidakerataan pilihan raya

Persempadanan semula bahagian pilihan raya untuk kerusi parlimen dan negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah telah menyebabkan timbul ketidakpuasan hati dan ditentang oleh parti-parti politik yang bertanding. Perkara ini juga mendapat tentangan daripada organisasi Bersih 2.0. Proses persempadanan semula ini didakwa dilakukan untuk memihak parti pemerintah di samping memisahkan pengundi mengikut etnik.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- Urusan menyempadankan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:
  - a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
  - b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
  - c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
  - d) Memelihara hubungan tempatan.
- Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas

Perlembagaan Persekutuan **masih lagi relevan** bagi tujuan SPR menjalankan urusan kajian semula persempadanan. Namun demikian, SPR **sedang melihat kaedah-kaedah ini dan usaha-usaha penambahbaikan sedang dikaji.**

- SPR juga **sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan** daripada pelbagai pihak dalam menjalankan urusan persempadanan.

#### 1.5 Kebebasan media

SUHAKAM turut mendapati terdapat laporan media berat sebelah yang lebih memihak parti kerajaan yang memerintah sepanjang berlangsungnya pilihan raya, khususnya oleh media arus perdana. Menurut pengamal media, kerajaan pemerintah berkuasa terhadap media dan mereka terpaksa melaporkan lebih banyak berita mengenai parti Barisan Nasional.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian menerusi Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mengutamakan nilai berita (*news value*) dalam membuat liputan. Aspek-aspek yang melibatkan kepentingan umum dan yang menjadi perhatian khalayak diberi keutamaan. Liputan dan pengisian siaran dibuat tanpa mengira sama ada dari parti kerajaan atau pembangkang; melalui siaran radio, tv, berita ehwal semasa, media baharu dan RTM di lokasi.

#### 1.6 Kebenaran menjadi pemerhati bebas

Keyakinan terhadap proses pilihan raya bermaksud mana-mana organisasi bebas untuk memohon menjalankan kegiatan pemantauan tanpa sebarang masalah. Walau bagaimanapun, SUHAKAM tidak mendapat kebenaran untuk menjadi pemerhati bebas sewaktu Pilihan Raya Umum ke-14 berlangsung. Sebaliknya, SPR memberi kebenaran kepada organisasi lain dari dalam dan luar negara untuk menjadi pemerhati bebas pilihan raya. Maklumat mengenai kumpulan-kumpulan ini walau bagaimanapun tidak didedahkan kepada orang awam.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

- Semasa PRU Ke-14, SPR telah memberikan kebenaran kepada **14 organisasi** yang dianggotai oleh lebih daripada **1,236 orang pemerhati** di seluruh negara. Selain itu, SPR juga melantik **25 pemerhati** antarabangsa daripada badan pengurusan pilihan raya dari **9 buah negara** untuk membuat pemerhatian ke atas penjalanan PRU berkenaan.
- SUHAKAM tidak dibenarkan menjadi pemerhati pada PRU ke-14 disebabkan polisi dalaman SPR pada ketika itu. Walau bagaimanapun, selepas PRU ke-14, SPR telah menawarkan kepada Agensi Kerajaan dan organisasi yang berminat untuk menyertai program pemerhati pilihan raya bermula dengan Pilihan Raya Kecil N.49 Sungai Kandis, Selangor iaitu PRK yang pertama selepas PRU ke-14. Sebanyak 6 organisasi seperti SUHAKAM, BERSIH, ENGAGE, UKM, Kelab Pemikir Politik Nasional dan Persatuan Orang Kota Bharu telah menyertai program pemerhati ini dan mereka telah diberikan peluang untuk melihat proses pilihan raya bermula daripada hari penamaan hingga pengumuman keputusan undi. Pemerhati juga telah diberi akses ke dalam saluran mengundi hinggalah ke proses pengiraan undi dibuat.
- Pemerhatian SUHAKAM ke atas penjalanan PRK berkenaan diakui berjalan lancar dan berintegriti.
- SPR sentiasa membuka peluang kepada mana-mana agensi kerajaan, NGO, CSO, mahupun individu yang berminat memohon untuk menjadi pemerhati di mana-mana pilihan raya anjuran SPR. Sebanyak 19 buah organisasi dan 3 orang individu dengan jumlah pemerhati seramai 676 orang telah terlibat dalam 8 PRK selepas PRU ke-14.

### 1.7 Pembiayaan politik

Sepanjang berlangsung Pilihan Raya Kecil Sungai Kandis, terdapat banyak aktiviti kempen yang dijalankan oleh parti-parti politik. Banyak bendera lambang parti politik telah dikibarkan di sepanjang jalan raya, di samping kegiatan kempen menerusi surat khabar dan pancaran LCD di tempat terbuka. Kesemua

gerakan promosi politik ini dijalankan dengan giat dalam masa sebulan sebelum pilihan raya. Namun demikian, tidak jelas dari mana datangnya sumber pembiayaan untuk aktiviti kempen parti/calon politik tersebut dengan kawasan pusat mengundi seperti dewan masyarakat yang kecil yang tidak mampu menampung kehadiran pengundi yang ramai. Selain itu, keadaan pusat mengundi dan saluran mengundi yang terhad turut menyumbang kepada kesesakan barisan menunggu giliran membuang undi.

SUHAKAM mendapati bahawa SPR kini bersikap lebih terbuka untuk sebarang cadangan dan penambahbaikan. SPR juga kini dilihat lebih proaktif dan membuat beberapa penambahbaikan terhadap sistem pilihan raya terutamanya isu-isu yang berlaku dalam PRU-14.

#### Berikut adalah antara penambahbaikan yang dilakukan SPR:

- masa mengundi dilanjutkan kepada 30 minit;
- bilangan saluran mengundi ditambah;
- membuka saluran mengundi tambahan di pusat-pusat mengundi yang kecil bagi mengelak kesesakan dan barisan panjang;
- menyediakan perkhidmatan kenderaan angkut untuk pengundi; dan
- melantik pegawai iringan SPR kepada pemerhati bebas untuk memudahkan penyampaian maklumat.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 2 Bil. 2 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 09 Julai 2018 lalu telah bersetuju dengan cadangan pewujudan undang-undang berkaitan mekanisme pembiayaan politik. Berdasarkan beberapa sesi libat urus bersama wakil parti-parti politik, agensi Kerajaan dan NGO, GIACC telah memperincikan skop pelaksanaan dasar termasuk mekanisme pelaksanaan sumbangan politik, badan pengawal sumbangan politik, undang-undang berkaitan seperti Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 serta tindakan penalti yang akan diambil.



Skop dasar berhubung cadangan rang undang-undang ini turut mengambil kira syor-syor Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) yang telah ditubuhkan sejak 14 Ogos 2015, yang mana kajian perbandingan ke atas negara-negara yang dikenalpasti sebagai kelompok negara yang aktif dan berterusan dalam pengawalseliaan sumbangan politik iaitu Korea Selatan, Indonesia, Mexico, Taiwan dan Kanada turut dilaksanakan oleh jawatankuasa ini. Sehubungan itu, Rang Undang-undang (RUU) Sumbangan Politik dijangka akan dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada Disember 2019 ini.

## 2. Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan

Jawatankuasa ini dilaporkan akan mengkaji semula sistem dan amalan terbaik di negara-negara demokratik lain yang telah mencapai standard yang sesuai dan mempunyai system pengurusan pilihan raya berdasarkan prinsip-prinsip demokratik yang diterima oleh semua pihak sebagai “bebas, adil, dan telus”.

### CADANGAN

#### 2.1 Membeli Undi (Politik Wang)

- i. Pelaksanaan tegas Seksyen 8 (Penjamuan) dan Seksyen 10 (Rasuah) di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 [Akta 5].
- ii. Melarang Kerajaan daripada memberi apa-apa kontrak, mengumumkan apa-apa bentuk ganjaran, dan memberi bantuan kepada pengundi dalam tempoh pilihan raya (dari hari pembubaran parlimen dan Dewan Undangan Negeri).
- iii. Mengharamkan amalan pembelian runcit dan bentuk hadiah lain seperti hamper, kupon tunai, cabutan bertuah semasa tempoh pilihan raya.
- iv. Kerajaan sementara tidak boleh menjanjikan apa-apa bentuk belanjawan jika mereka menang dalam pilihan raya. Tindakan ini dianggap sebagai rasuah.

#### 2.2 Barisan Panjang

- i. Menilai semula kapasiti pusat mengundi sedia ada sekiranya dapat menampung jumlah pengundi yang semakin meningkat.

- ii. Penggunaan balai raya sebagai pusat mengundi dilihat tidak lagi bersesuaian disebabkan keadaannya yang terlalu kecil dan kedudukannya yang tidak dapat diakses di kawasan-kawasan tertentu akibat daripada kesesakan lalu lintas.
- iii. SPR perlu memastikan terdapat kemudahan yang mencukupi seperti bangku, tempat berteduh, dan minuman untuk golongan pengundi warga emas.
- iv. Membuka lebih banyak tempat mengundi untuk memenuhi keperluan bilangan pengundi yang semakin meningkat.
- v. Pegawai-pegawai SPR hendaklah dalam keadaan terlatih dan bersedia untuk melicinkan lagi proses pilihan raya.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR kini sedang menjalankan urusan pengemaskinian daerah mengundi yang bertujuan untuk membelah daerah-daerah mengundi dengan bilangan pemilih yang tinggi (3,700 pemilih ke atas) bagi mewujudkan lebih banyak daerah-daerah mengundi baharu. Pewujudan daerah-daerah mengundi ini akan memudahkan SPR menyediakan dan mengenal pasti pusat-pusat mengundi baharu.
- SPR telah melakukan beberapa penambahbaikan dalam **8 Pilihan Raya Kecil (PRK)** seperti berikut:
  - a) Menyediakan **2 saluran** berbanding hanya **1 saluran semasa PRU Ke-14** bagi warga emas berumur yang berumur 60 tahun ke atas dan juga OKU dengan jumlah **maksimum sebanyak 350 orang**;
  - b) Mengurangkan jumlah pemilih di saluran yang lain iaitu **maksimum 600 orang berbanding 750 orang** pemilih semasa PRU Ke-14;
  - c) Memanjangkan tempoh masa pengundian dari jam **8.00 pagi hingga 5.30 petang** berbanding jam 5.00 petang semasa PRU Ke-14;
  - d) Membuat ketetapan bahawa pusat mengundi **tidak hanya dihadkan kepada bangunan-**



**bangunan kekal** tetapi boleh juga mengguna pakai tempat yang dibenarkan mengikut peruntukan undang-undang bagi memberi kemudahan kepada pengundi;

- e) **Mengemukakan voter's card kepada pengundi** bermula dari PRK DUN N.24 Semenyih, Selangor;
- f) **Menyediakan aplikasi MySPR Semak** bagi memberi kemudahan kepada orang ramai untuk membuat semakan daftar pemilih;
- g) **Menyediakan ruang menunggu** bagi pengundi sama ada menggunakan bilik darjah bersebelahan dengan saluran ataupun khemah-khemah menunggu di hadapan saluran bagi memberi keselesaan kepada pengundi; dan
- h) Menyediakan **tanda arah untuk laluan ke saluran-saluran** di pusat mengundi bagi memudahkan pengundi ke saluran masing-masing dan menyalurkan aliran pengundi agar tidak sesak.
- SPR akan berusaha memastikan kemudahan dan keselesaan kepada semua pengundi agar proses perjalanan pilihan raya berjalan dengan lancar dan sempurna.
  - Perkara ini juga akan diteliti dan diberi perhatian dalam pelaksanaan urusan pengemaskinian daerah mengundi.
  - SPR akan memberi penekanan dan akan melihat ruang-ruang yang perlu dibuat penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan petugas-petugas SPR.

### 2.3 Kekurangan persediaan dan penyelarasan oleh SPR

- i. SPR hendaklah melatih pegawai-pegawai lantikan mereka agar proses pilihan raya dapat dikendalikan dengan cekap dan baik.
- ii. SPR juga perlu memastikan keseragaman dalam pelaksanaan peraturannya dan memastikan pegawai-pegawai mereka diberikan taklimat sewajarnya untuk mengelak salah laku sewaktu proses pilihan raya.

- iii. Ejen Mengira Undi dipastikan perlu berada di tempat mengundi 30 minit sebelum proses pengundian bermula. Peraturan ini adalah untuk memastikan mereka dapat memerhati penyediaan kotak-kotak undi dan menjamin bahawa tidak ada isi kandungan dalam kotak-kotak tersebut sebelum bermulanya pengundian.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- Semua petugas pilihan raya perlu menjalani latihan yang dijalankan oleh SPR. Sesi latihan yang dikendalikan ini merangkumi kedua-dua aspek teori dan praktikal bagi memastikan mereka bersedia untuk menjalankan tugas mereka dengan baik.
- Pasca PRU14, Akademi Pilihan Raya (APR) telah membangunkan satu modul baharu latihan petugas pilihan raya yang dikenali sebagai High Impact Smart Training (HIST) bagi menambahbaik modul latihan sedia ada. Modul ini lebih komprehensif dan dijalankan secara berterusan bagi memastikan semua petugas mempunyai ilmu dan kemahiran untuk menjalankan tugas.
- Buku panduan kepada petugas telah diberikan lebih awal bagi membolehkan mereka meneliti segala prosedur kerja yang bakal dilalui bagi memastikan mereka bersedia melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan.
- Semua proses pengundian dan pengiraan undi yang dijalankan adalah dengan kehadiran ejen tempat mengundi dan ejen mengira undi. Ejen-ejen ini telah dimaklumkan akan proses yang dijalankan supaya mereka dapat hadir di tempat pengundian dan pengiraan undi pada masa yang ditetapkan. Adalah menjadi tanggungjawab ejen mengira undi untuk datang lebih awal bagi membolehkan mereka melihat keseluruhan proses mengira undi.

### 2.4 Kebolehcapaian ke Pusat Pengundian

- i. Semua pusat mengundi hendaklah senang diakses dan bercirikan mesra OKU.

- ii. Saluran Pertama dan Saluran Kedua hendaklah dibuka untuk golongan kurang upaya dan ditempatkan di tingkat bawah.
- iii. SPR perlu bekerjasama dengan pusat-pusat kesihatan bagi memastikan terdapat kerusi roda yang mencukupi sepanjang sesi pilihan raya.
- iv. Pegawai-pegawai SPR perlu sentiasa berada dalam keadaan berkecuali dan menjalankan tugas mereka dengan amanah tanpa menyebelahi mana-mana pihak.
- v. Borang Penyata (Borang 14) hendaklah ditandatangani oleh Ketua Tempat Mengundi dan salinan borang tersebut hendaklah diserahkan kepada Ejen Pengira Undi untuk menjamin ketelusan.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR akan berusaha memastikan pusat mengundi yang digunakan adalah sesuai kepada semua pemilih termasuk OKU agar proses penjalanan pilihan raya berjalan dengan lancar dan sempurna. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah pusat-pusat mengundi yang didapati kurang mesra OKU, SPR akan menyediakan **kemudahan pengangkutan khas (*shuttle service*)** dan **ramp** kepada golongan yang memerlukan bagi memudahkan pergerakan mereka. Selain itu, petugas pilihan raya iaitu Pemandu Arah Pusat Mengundi akan turut membantu golongan ini di pusat mengundi.
- Penyediaan **2 saluran khusus** berbanding **1 saluran semasa PRU Ke-14** bagi warga emas berumur **berumur 60 tahun ke atas** dan juga kepada golongan OKU dengan jumlah **maksimum sebanyak 350 orang**. Saluran 1 dan 2 di tingkat bawah dan berdekatan dengan pintu masuk pusat mengundi juga ditetapkan bagi memberi kemudahan golongan ini.
- SPR akan mengenal pasti keperluan kerusi roda untuk golongan warga emas dan OKU di setiap pusat mengundi dan memastikan penyediaan kemudahan kerusi roda yang mencukupi.

#### 2.5 Ketidaksetaraan Pilihan Raya

- i. Orang awam perlu diberikan taklimat ringkas sebelum sesi membuang undi.
- ii. Senarai pemilih perlu sentiasa dikemaskini oleh pihak yang bertanggungjawab.
- iii. Membenarkan umur 21 tahun sebagai syarat had umur mengundi.

- vi. Tindakan keras perlu dikenakan kepada calon pilihan raya dan ketua jabatan sekiranya bangunan Kerajaan digunakan untuk tujuan menjalankan kempen politik.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- SPR sentiasa menjalankan program-program promosi dan kesedaran kepada masyarakat umum dalam memastikan maklumat tentang proses pengundian dapat disampaikan dengan menyeluruh kepada rakyat. Semenjak tahun 2017 sehingga 30 September 2019, seramai 131,090 pelajar dan orang awam telah mengikuti sebanyak 449 buah siri ceramah pendidikan pengundi yang dilaksanakan APR di pelbagai IPTA, IPTS, MRSM, Institut Kemahiran Belian Negara, Kolej Komuniti dan lain-lain institusi pendidikan lagi.
- Semua petugas pilihan raya perlu menandatangani Borang Sumpah Kerahsiaan dan bersikap berkecuali dalam menjalankan tugas.
- Berdasarkan kepada Peraturan 25(12)(b), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, semua Borang 14 perlu ditandatangani oleh Ketua Tempat Mengundi (KTM) dan semua Ejen Mengira Undi boleh menurunkan tandatangan sekiranya mereka mahu berbuat demikian. Satu Salinan Borang 14 wajib diserahkan kepada Ejen Mengira Undi dan telah dilaksanakan pada setiap pilihan raya.
- SPR bertanggungjawab menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih dari semasa ke semasa berdasarkan kepada **Peraturan**

## 10 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

Ini termasuklah memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia dan memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.

- Bagi maksud tersebut, SPR telah membuat pengemaskinian daftar pemilih dengan memotong nama pemilih yang telah meninggal dunia yang meliputi 139,118 nama pemilih pada tahun 2017 dan sebanyak 117,826 nama pemilih pada tahun 2018. Manakala, sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak 91,154 nama pemilih yang telah meninggal dunia telah dipotong dari daftar pemilih.
- Di samping itu, SPR juga telah memotong nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan yang melibatkan seramai 11,128 rekod. Daripada jumlah tersebut, 4,363 nama pemilih dipotong pada tahun 2017 dan 3,496 nama pemilih dipotong pada tahun 2018. Manakala sehingga 31 Ogos 2019, 3,940 nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan juga telah dipotong dari daftar pemilih.
- Pengemaskinian daftar pemilih yang melibatkan pemilih yang telah meninggal dunia dan hilang taraf kewarganegaraan ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada JPN.
- Umur kelayakan pengundi 21 tahun adalah berdasarkan kepada **Perkara 119(1) Perlembagaan Persekutuan**.
- Perkara-perkara ini sememangnya diamalkan oleh kakitangan dan petugas SPR. Satu ikrar perlu dibuat dan ditandatangani oleh semua sebelum menjalankan tugas.
- Perkara ini sememangnya diberi penekanan ketika latihan dan dibuat secara amali. Ia juga turut dimasukkan ke dalam Buku Kerja KTM dan peringatan ini turut dicap di atas Borang 14.
- Perkara ini akan diberi peringatan dari semasa ke semasa agar setiap calon dan parti politik mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

## 2.6 Kebebasan Media

- i. Kerajaan hendaklah menjamin kebebasan media daripada terikat dengan mana-mana pihak.
- ii. Pengamal media melaporkan berita sahih dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.
- iii. Media arus perdana (siaran/cetakan) hendaklah dibenarkan untuk melaporkan berita tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kuasa. Mereka juga perlu terus melaporkan keadaan sebenar dan tidak hanya menumpukan kepada kerajaan semasa.
- iv. Majlis Media Kebangsaan perlu melaksanakan dan mengendalikan amalan-amalan ini.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sedang merangka penubuhan Majlis Media Malaysia di bawah satu akta khusus yang akan diterajui oleh industri media sendiri. Ini bagi memastikan kebebasan media tercapai namun masih lagi dalam lingkup prosedur yang ditetapkan untuk memelihara ketenteraman awam. Majlis Media Malaysia tersebut dijangka akan dianggotai oleh tokoh-tokoh media serta dipertanggungjawabkan untuk menyelaras garis panduan etika pelaporan dan bertindak sebagai badan hisbah dalam menangani aduan orang ramai tentang media.

**ii&iii. Mohon merujuk maklum balas dari RTM bagi Bab 3 (1.5 Kebebasan media) di atas.**

## 2.7 Akses kepada Pemerhati Bebas

- i. SPR perlu bersikap terbuka dalam menerima permohonan organisasi yang berminat untuk menjadi pemerhati bebas.
- ii. Maklumat pemerhati bebas hendaklah didedahkan kepada umum.
- iii. Membenarkan golongan ini untuk memantau pilihan raya tanpa sebarang sekatan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

- Selepas PRU Ke-14, SPR telah melantik Pemerhati Pilihan Raya dalam Iapan PRK untuk memerhatikan penjalanan proses pilihan raya yang terlibat.
- Pemerhati Pilihan Raya yang terlibat adalah terdiri daripada agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), organisasi dan individu berkecualan.
- SPR memaklumkan mengenai kehadiran pemerhati kepada umum. Pemerhati juga dibenarkan membuat pemerhatian ke atas proses-proses pilihan raya bermula daripada pemerhatian kepada proses penamaan calon, kempen pilihan raya, pengundian awal dan pengundian biasa, pengiraan undi dan perjumlahan rasmi undi.

### 2.8 Pembiayaan Politik

- i. Semua bentuk pembiayaan perlu diumumkan.
- ii. Perlunya diwujudkan undang-undang tertentu untuk mengendali pembiayaan politik.

## 3. Pelancaran Laporan mengenai Demokrasi di Rantau Asia Tenggara

Pada 23 April 2018, SUHAKAM dan Yayasan Kofi Annan (Kofi Annan Foundation) telah melancarkan laporan persidangan mengenai Demokrasi di Rantau Asia Tenggara bertajuk Pencapaian, Cabaran dan Prospek (Democracy in Southeast Asia: Achievements, Challenges and Prospects). Majlis pelancaran tersebut turut mengundang Alan Doss, presiden Yayasan Kofi Annan dan Damaso Magbual yang mewakili *National Citizens' Movement for Free Elections* (NAMFREL).

Dalam laporan tersebut, beberapa kesimpulan telah dicapai berkenaan dengan isu-isu kritikal yang dihadapi:

- 2.1 anjakan paradigma adalah perlu untuk menepis persepsi bahawa berlakunya transformasi dari aspek demokrasi dan pembangunan;

- 2.2 penguatkuasaan undang-undang perlu diteguhkan semula untuk menghentikan pencabulan terhadap politik dan mengembalikan kepercayaan terhadapnya. Hal ini termasuk memperkasakan badan kehakiman dan agensi penguatkuasaan undang-undang dalam negara-negara di rantau Asia Tenggara;
- 2.3 Badan Pengurusan Pilihan Raya perlu tegas dalam mempertahankan kebebasan organisasi mereka untuk menjamin kelancaran proses pilihan raya dan integritinya;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Melalui Bidang Keutamaan Tadbir Urus Politik, Perundangan dan Kehakiman serta Penguatkuasaan Undang-Undang, GIACC bersama agensi-agensi berkaitan komited melaksanakan inisiatif-inisiatif NACP yang telah digariskan bagi mengembalikan kepercayaan terhadap institusi politik dan pilihan raya serta memperkasakan badan kehakiman dan agensi penguatkuasaan negara. Antara inisiatif NACP tersebut termasuklah memperkasa undang-undang berkaitan pilihanraya, kajian dan semakan semula kod etika hakim serta reformasi institusi Kerajaan seperti transformasi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan salah laku anggota PDRM.

- 2.4 isu pembiayaan politik boleh ditangani menerusi pembentukan satu dasar rangka kerja yang kukuh dan dilaksanakan dengan tegas oleh barisan kepimpinan;
- 2.5 semua pemimpin perlu mengasingkan elemen politik daripada identiti untuk menjaga pluralisme dan kepelbagaian yang terdapat di rantau Asia Tenggara. Hal ini penting untuk menjamin keamanan, kestabilan dan keadilan serantau; dan
- 2.6 halangan yang menafikan keupayaan rakyat untuk terlibat dalam proses politik dan pembinaan dasar hendaklah dirungkaikan bagi menjamin hak-hak berpolitik.

## Cadangan Penambahbaikan

- i. Prinsip-prinsip demokrasi hendaklah menjadi nadi kepada pembangunan agenda dan menjadi sumber inspirasi terhadap pembentukan masa depan.
- ii. Pemeraksanaan peranan institusi undang-undang adalah perlu untuk mewujudkan persekitaran politik yang demokratik. Di samping itu, pegawai penguatkuasa mestilah amanah dalam melaksanakan peranan mereka untuk berkhidmat dan melindungi rakyat. Badan kehakiman juga perlu tegas dalam pengasingan kuasanya dan melaksanakan undang-undang tanpa terikat dengan mana-mana pihak.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

### Mahkamah Persekutuan

Jabatan ini berpandangan bahawa perkara ini tidak melibatkan isu perundangan dan wajar dirujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri selaku agensi yang menetapkan dasar perundangan di Malaysia termasuk pemeraksanaan peranan institusi undang-undang.

- iii. Badan kehakiman dan badan pengurusan pilihan raya mestilah menegakkan hak rakyat untuk berpolitik dan menjamin pilihan raya dikendalikan secara adil dan telus. Rakyat harus menuntut hak berpolitik dan memegang teguh kepada hak tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

### Mahkamah Persekutuan & Suruhanjaya Pilihan Raya

1. Di Malaysia, tiada undang-undang khusus yang menghalang/mendiskriminasi rakyatnya untuk berpolitik. Menurut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan (PP), semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Selain itu, Perkara 10 PP juga memperuntukkan kebebasan bercakap, berhimpun dan bersatu bertakluk kepada

undang-undang di Malaysia yang mana hak-hak ini berhubung kait dengan hak rakyat untuk berpolitik.

2. Perkara 55(3) PP memperuntukkan bahawa melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima (5) tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah dibubarkan. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong boleh membubarkan Parlimen sebelum tamat tempoh lima (5) tahun menurut Perkara 55(2) PP. Selepas itu, warganegara yang berdaftar sebagai pengundi boleh mengundi dan memilih kerajaan pilihan mereka. Oleh itu, dalam konteks ini, hak rakyat untuk berpolitik telah sedia wujud ada di Malaysia kerana mereka mempunyai hak untuk memilih kerajaan sendiri.
3. Perkara ini juga disokong dengan perkembangan terkini semasa persidangan Dewan Rakyat Parlimen Ke-14 Penggal Pertama Mesyuarat Ke-2 apabila Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 2018 pada 10 Disember 2018 dibentangkan bagi memperkenalkan pindaan mengenai pemansuhan perenggan 15(2)(c) AUKU berhubung halangan untuk pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.
- iv. Pembiayaan politik hendaklah diselia dan dipantau oleh organisasi bebas, seperti mengawal selia sebarang pembiayaan berbentuk sumbangan dan belanjawan. Selain itu, pembiayaan untuk tujuan kempen politik juga perlu diaudit di samping melaporkan sebarang bentuk penerimaan sumbangan dan belanjawan secara telus. Sebarang bentuk pecah amanah hendaklah dilaporkan dan disiasat secara menyeluruh.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Cadangan mewujudkan undang-undang berhubung pembiayaan dana politik yang akan dibentangkan oleh Kerajaan melalui RUU Sumbangan Politik pada penghujung tahun 2019 ini akan turut mengambil kira cadangan penubuhan Pengawal Sumbangan Politik, iaitu sebuah entiti bebas yang bertanggungjawab dalam mekanisme pelaksanaan pembiayaan politik.



- v. Pluralisme, kemasukan dan kepelbagaian perlulah dilindungi di bawah undang-undang. Pemimpin politik hendaklah mempertahankan hak kepada semua kumpulan identiti. Pemimpin juga perlu bersuara mempertahankan kumpulan tersebut apabila hak mereka dicabuli. Mana-mana institusi mahu pun individu yang melanggar undang-undang perlu dikenakan tindakan tegas.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

PDRM bertindak berasaskan *Rule of Law*. Mana-mana individu atau organisasi yang melanggar undang-undang yang berkuatkuasa akan diambil tindakan sewajarnya.

- vi. Menjelaskan halangan penyertaan kepada orang awam, khususnya golongan minoriti dan yang terpinggir. Seterusnya, menggalakkan lebih banyak penglibatan aktiviti awam.

## B. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN

### LAPORAN 2018

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) mengandungi 294 pelan tindakan bagi 83 bidang keutamaan yang dikategorikan di bawah lima (5) teras. SUHAKAM berpendapat bahawa bahagian-bahagian tertentu NHRAP adalah komprehensif terutamanya strategi untuk hak-hak Orang Asli. Sebaliknya, bahagian-bahagian lain NHRAP dilihat gagal menangani penyebab utama dan sistemik yang berterusan terhadap pelanggaran hak asasi manusia di negara ini.

### Berikut merupakan isu utama yang diperhatikan oleh SUHAKAM:

- i. Pada dasarnya, NHRAP gagal untuk menetapkan tindakan bagi menangani penyebab utama dan sistematik ketidaksamaan dan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia. Sebagai contoh, NHRAP tidak menangani perkara berkenaan hubungan kaum dan diskriminasi anti-kaum, yang bukan hanya relevan dalam konteks rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa, tetapi juga merupakan sebahagian daripada prinsip teras hak asasi manusia.

- ii. Kebanyakan objektif yang disebutkan dalam NHRAP mengabaikan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang sangat asas kerana gagal memenuhi piawaian pencapaian minimum yang ditetapkan oleh UDHR, serta triti hak asasi manusia antarabangsa yang lain. Sebagai contoh, strategi NHRAP untuk mengemas kini SOP berkenaan perkahwinan kanak-kanak tidak mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak dan melindungi hak kanak-kanak seperti yang dijanjikan oleh Malaysia apabila meratifikasi CRC. SUHAKAM menekankan perlunya pelan tindakan hak asasi manusia kebangsaan untuk menetapkan piawaian tertinggi mengikut undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Penetapan piawaian yang lebih rendah berkemungkinan akan mengakibatkan pelanggaran hak asasi manusia sistemik tidak dapat ditangani secara efektif, yang menjadikan peranan NHRAP tidak mencapai matlamat.

- iii. Semasa proses pembangunan NHRAP, SUHAKAM telah menekankan kepada pihak perunding untuk memastikan bahawa kesemua tindakan NHRAP mengikut kriteria S.M.A.R.T. (spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik dan tepat pada masanya) untuk sebab yang jelas. Walaupun mereka mengambil maklum cadangan ini, banyak perkara tindakan itu tidak jelas dan tidak memenuhi satu atau lebih kriteria. Sebagai contoh, banyak tindakan berkenaan penambahbaikan hak untuk pendidikan adalah sangat umum kerana tindakan itu tidak merujuk kepada mana-mana program dan garis masa tertentu untuk pelaksanaan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mesyuarat pada 11 September 2019 memutuskan untuk menggugurkan isu berkenaan disebabkan pernyataan yang tidak jelas dan bersifat umum.

- iv. Selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia, pelan tindakan hak asasi manusia kebangsaan mesti ditegakkan berdasarkan prinsip bahawa hak asasi manusia adalah ada kepada semua manusia tanpa perbezaan. Oleh itu, berhubung dengan NHRAP Malaysia, pelan ini mestilah dapat menangani semua orang yang tinggal di



Malaysia tanpa mengira kewarganegaraan, etnik bangsa, agama, status imigresen dan status lain. Walau bagaimanapun, semakan terhadap NHRAP mendapati bahawa walaupun dokumen itu telah menangani isu-isu mengenai berkaitan dengan rakyat Malaysia secara meluas, dan melindungi hak pelarian dengan baik, pelan ini belum cukup untuk menangani hak-hak bukan warganegara seperti pekerja migran dan orang tanpa warganegara di Malaysia.

- v. Dalam tahun-tahun sebelum pelancaran NHRAP, SUHAKAM memerhatikan bahawa banyak insiden yang menunjukkan kemunduran hak-hak sivil dan politik tertentu di Malaysia. Khususnya, dalam tempoh tersebut, beberapa dokumen dan maklumat berkepentingan awam telah diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 [Akta 88] oleh kerajaan, tindakan disiplin diambil terhadap pelajar universiti yang berhimpun untuk menyuarakan pendapat terhadap kerajaan atau pegawainya, permit pencetakan beberapa media atas talian ditolak oleh kerajaan atas dalam alasan kerana mereka melaporkan berita “sensasi” dan “kontroversi”. Oleh itu, adalah membimbangkan apabila isu-isu kritikal berkenaan hak kebebasan bersuara dan perhimpunan, akses kepada maklumat serta kebebasan akhbar tidak dimasukkan dalam NHRAP. SUHAKAM menekankan tanggungjawab kerajaan untuk bersikap tidak berat sebelah dalam menangani isu hak asasi manusia.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Urusan Permit Percetakan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN).

- vi. SUHAKAM kecewa dengan tindakan-tindakan yang agak lemah yang ditetapkan untuk kategori Obligasi Antarabangsa, yang mana kerajaan hanya akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan sepanjang tempoh 10 tahun untuk menilai sama ada Malaysia bersedia untuk menyertai baki triti hak asasi antarabangsa. Sebagai contoh, selepas semakan semula Malaysia di bawah Penilaian Berkala Sejagat (UPR) pada tahun 2014, kerajaan telah menubuhkan

jawatankuasa antara agensi untuk menjalankan kajian serupa. Oleh itu, NHRAP sepatutnya menetapkan langkah-langkah progresif ke arah matlamat Malaysia memuktamadkan tempoh masa dengan penyertaan kepada triti hak asasi antarabangsa teras yang selebihnya.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

YAB Perdana Menteri pada Sesi UNGA Ke-73 pada 2018 telah memberi komitmen Kerajaan untuk meratifikasi semua baki instrumen PBB berkaitan perlindungan hak asasi manusia, dengan mengambil kira sensitiviti rakyatnya yang berbilang etnik, agama, budaya dan bahasa. Berikutan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) ketiga Malaysia pada November 2018, kerajaan telah menginstitusikan sesi libat urus dengan agensi-agensi kerajaan dan masyarakat madani (CSO) dalam melaksanakan cadangan-cadangan yang diterima oleh Malaysia.

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) telah siap dibangunkan di Malaysia dan dirasmikan pada 1 Mac 2018. Pembangunan NHRAP merupakan rekomendasi yang diterima ketika Sesi *Universal Periodic Review* (UPR) oleh United Nations Human Rights Council (UNHRC) yang diadakan pada 24 Oktober 2013 di Geneva, Switzerland.

NHRAP telah dilaporkan sebagai telah berjaya dibangunkan semasa sesi UPR seterusnya pada 8 November 2018. Pelan ini kini dalam Fasa Pelaksanaan oleh kesemua Agensi berkaitan.

Mesyuarat Pelaksanaan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan bersama Agensi Peneraju, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 16 Oktober 2019 bertujuan mengumpul semua input-input terbaharu dan langkah-langkah berterusan yang boleh diambil oleh agensi berkaitan. Mesyuarat tersebut antara lain telah memutuskan agar setiap maklumat terbaharu agensi dikemaskini semula susulan perubahan struktur di Kementerian dan Jabatan Kerajaan pasca PRU ke-14. Manakala Terma Rujukan yang digunakan sebelum ini akan disemak dan dikemaskini.

Bagi tujuan pemantauan pelaksanaan, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHRAP akan diadakan pada suku tahun keempat setiap tahun.

Maklumbalas pelaksanaan Jangka Masa Pendek NHRAP dijangka akan diperolehi menjelang hujung tahun 2019. Maklumbalas ini perlu dikemukakan sekali setiap tahun kepada BHEUU sebagai agensi yang menyelaras pelaksanaan NHRAP. Segala maklumbalas dan perkembangan pelaksanaan NHRAP akan dimaklumkan kepada Jemaah Menteri menerusi Nota Jemaah Menteri pada suku tahun keempat setiap tahun.

Proses semakan semula NHRAP untuk tujuan penambahbaikan dijangka akan dilaksanakan seawalnya pada tahun 2020.

## C. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

### LAPORAN 2017

#### 1. Perbincangan Meja Bulat untuk Mempromosi Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia

Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk mempromosikan hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia dan sebagai kesinambungan kepada usahanya pada tahun 2015 (SUHAKAM telah mengadakan siri perbincangan mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak), SUHAKAM turut menganjurkan perbincangan meja bulat “Mempromosi Hak Asasi Manusia di Malaysia dan Perniagaan” di Pulau Pinang pada 16 Mei 2017.

Walaupun isu pekerja menjadi isu penting yang dibincangkan dengan panjang lebar, isu-isu yang berikut turut dibangkitkan semasa perbincangan terbuka:

##### 1.1 menghormati hak pekerja asing dan pelarian;

Terbukti bahawa pekerja asing menjadi penyumbang penting kepada pembangunan negara. Walau bagaimanapun, peserta berpendapat bahawa hak, pengiktirafan dan penghormatan yang diterima pekerja asing tidak sejajar dengan sumbangan yang mereka berikan. Undang-undang hak asasi antarabangsa mewajibkan hak pekerja asing dilindungi secara sama rata, namun ramai yang menderita akibat pencabulan dan pelanggaran hak asasi manusia. Di samping itu,

terdapat diskriminasi antara pekerja asing dan pekerja tempatan dari segi upah, faedah dan penyertaan dalam aktiviti kesatuan sekerja.

Tanpa pengiktirafan status pelarian, mereka sentiasa diancam, dilayan dengan teruk dan dinafikan hak asasi mereka. Terdapat juga insiden pelarian yang memegang kad UNHCR turut ditangkap dan ditempatkan di pusat tahanan imigresen. Di samping itu, penemuan kubur besar di Wang Kelian juga menunjukkan ketiadaan status pelarian yang sah mendedahkan mereka sebagai mangsa pemerdagangan. Oleh itu, para peserta mencadangkan supaya semua pelarian (tanpa mengambil kira negara asal mereka) diberikan kesempatan untuk bekerja di Malaysia, dan dalam masa sama, kerajaan Malaysia perlu berusaha untuk mempercepat ratifikasi Konvensyen Pelarian 1951.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Peruntukan yang terkandung dalam Akta Kerja 1955 adalah memberi faedah dan kebajikan kepada semua pekerja termasuk pekerja asing yang bekerja secara sah dan menyumbang tenaga di Malaysia. Selaras dengan itu gaji yang sama rata kepada semua pekerja tanpa mengira lelaki dan wanita dan tempatan dan asing yang telah dikuatkuasakan berjumlah sebanyak RM1,100.00 sebulan.

##### 1.2 masalah pekerja domestik (*invisible workers*);

Pekerja domestik yang juga dikenali sebagai *invisible workers* digambarkan sebagai satu daripada golongan pekerja yang paling dieksploitasi di negara ini. Seperti pekerja asing, pekerja domestik juga memberikan sumbangan besar kepada negara. Mereka menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, penjagaan warga tua, membersihkan rumah dan banyak perkhidmatan lain, namun, mereka sering dipinggirkan dan sebahagian besar masih kekal tidak diendahkan (*invisible*) dan tidak dihargai (*undervalued*). Pekerja domestik juga tidak diberikan perlindungan asas di bawah undang-undang pekerjaan (termasuk undang-undang berkaitan waktu bekerja, cuti, dan pampasan untuk kemalangan atau faedah), di samping peluang yang terhad untuk memperoleh ‘pekerjaan yang baik’.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

KSM melalui JTKSM sedang dalam proses merangka Peraturan bagi Pekhidmat Domestik dan akan mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh.

### 1.3 hak berpersatuan;

Kesatuan sekerja boleh dilihat sebagai instrumen penting untuk melindungi kepentingan dan hak pekerja. Namun begitu, kurang daripada 10 peratus pekerja di Malaysia terlibat dengan kesatuan sekerja. Ramai pekerja menghadapi gangguan di tempat kerja seperti diskriminasi, pemecatan, dan tiada kebebasan untuk menyertai persatuan. Oleh itu, kesatuan di tempat kerja adalah penting bagi memastikan hak pekerja, contohnya perlindungan terhadap rawatan yang tidak adil atau jaminan pekerjaan yang dilindungi.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa membuka ruang dan peluang kepada pekerja-pekerja untuk menubuhkan mahupun menyertai kesatuan sekerja mengikut prinsip kebebasan dan sukarela selagi ianya mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan. Keanggotaan kesatuan sekerja terbuka kepada pekerja-pekerja yang ingin menyertainya dan adalah menjadi tanggungjawab kesatuan sekerja untuk menjalankan usaha menggalakkan pekerja-pekerja untuk menjadi ahlinya. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (**JHEKS**) sentiasa menjaga hak pekerja-pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja sebagaimana peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (**AKTA 262**) dan Peraturan-Peraturan dibawahnya. Hak-hak untuk berkesatuan turut dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan JHEKS sentiasa bersedia memberi khidmat nasihat dan kaunseling kepada warga pekerja tentang penubuhan sesebuah kesatuan sekerja, juga berkenaan hak-hak, faedah serta perlindungan yang diperolehi oleh ahli sesebuah kesatuan sekerja. JHEKS juga berperanan untuk membantu bagi memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusan sesebuah kesatuan sekerja Perusahaan 1967.

Melalui pindaan yang sedang dilakukan sekarang, ianya memberi kebebasan berkesatuan kepada

kesatuan sekerja yang ditubuhkan sama ada oleh pekerja-pekerja atau majikan-majikan tanpa apa-apa sekatan dari segi keserupaan “establishment, trade, occupation or industry”.

### 1.4 pendidikan dan kesedaran;

Peserta berpendapat bahawa adalah penting untuk mengamalkan budaya tadbir urus korporat dalam sektor perniagaan terutamanya dalam kalangan industri kecil dan sederhana (IKS) kerana mereka membentuk lebih 96 peratus daripada semua perniagaan di Malaysia. Sasaran ini boleh dilakukan menerusi program pendidikan dan peningkatan kesedaran yang berterusan, yang mana sektor perniagaan ini dimaklumkan tentang faedah yang bakal dinikmati sekiranya mereka mengamalkan tadbir urus korporat dan menghormati hak asasi manusia dalam operasi harian. Tidak dinafikan bahawa kos adalah penting untuk melaksanakan elemen hak asasi manusia dalam operasi harian, namun mereka akan menikmati pulangan yang tinggi, yang akan menambah baik reputasi mereka. Perniagaan mereka akan menjadi lebih efisien; mereka akan menjadi sebahagian daripada *value chain* (apabila lebih banyak syarikat multinasional akan bekerjasama dengan mereka); dan pekerja serta pelanggan mereka akan setia kepada perniagaan mereka.

### 1.5 kelestarian.

Perlu ditekankan bahawa dengan melaporkan isu-isu kelestarian, sektor perniagaan cenderung bertindak dengan lebih mampan. Manfaat laporan kelestarian termasuk integrasi kemampuan korporat ke dalam operasi perniagaan, memperbaiki reputasi syarikat, meningkatkan komitmen syarikat, mencipta nilai dan peluang pekerjaan, dan memperkukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan dan para pelabur.

Sektor perniagaan yang beroperasi secara mampan akan mempunyai jaringan yang baik kepada sistem ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sekto perniagaan ini akan mewujudkan nilai ekonomi dan menyumbang kepada ekosistem yang sihat dan masyarakat yang kuat.

## D. BADAN KEAGAMAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

### LAPORAN 2017

#### 1. Pembubaran Perkahwinan - Pertukaran Agama

Akta Memperbaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) mentadbir perkahwinan dan perceraian pasangan bukan Muslim selepas 1 Mac 1982. Bagi perkahwinan pasangan Islam, mereka ditadbir oleh undang-undang Islam mengikut negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak menghalang potensi berlakunya pertikaian, khususnya apabila melibatkan pertukaran agama.

SUHAKAM menyeru agar kerajaan bertindak tegas terhadap isu ini dan mengiktiraf kepentingan kedua-dua ibu bapa untuk mempunyai hak ibu bapa serta kuasa yang sama berkaitan agama, penjagaan anak dan perkembangan anak-anak mereka, dengan mengambil kira prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak. SUHAKAM percaya bahawa remedi terletak pada pindaan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mahkamah syariah beroperasi mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Berkenaan isu ini, JKSM berpandangan agensi relevan untuk dirujuk adalah Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Dalam Negeri.

## E. KETERLIBATAN ANTARABANGSA

#### 1. Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Malaysia yang Ketiga

Pada 8 November 2018, rekod hak asasi manusia Malaysia telah dinilai pada sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR. Penilaian tersebut dibuat dalam bentuk dialog interaktif antara negara anggota PBB dan berasaskan

kepada tiga dokumen iaitu laporan kerajaan, kompilasi maklumat PBB dan ringkasan pihak berkepentingan. Sebanyak 111 buah negara telah mengambil bahagian dalam penilaian tersebut dan ahli troika terdiri daripada Afrika Selatan, Cuba dan Nepal.

SUHAKAM telah menghadiri sesi penilaian tersebut dan sebanyak 268 syor diterima oleh Malaysia.

Berikut merupakan isu-isu yang dikemukakan semasa pembentangan Ketua Delegasi:

- 1.1 fokus hak asasi manusia diperbaharui berikutan peralihan kuasa selepas Pilihan Raya ke-14;

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah memperbaharui komitmen terhadap pengurusan hak asasi manusia pasca PRU ke-14 dengan memindahkan mandat fungsi penyelarasan pengurusan hak asasi manusia kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang bertindak sebagai Focal Agency.

- 1.2 komitmen Kerajaan untuk menyertai baki instrumen utama hak asasi manusia;

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Perkara ini akan diselaraskan oleh BHEUU bersama Kementerian Luar Negeri setelah memperolehi kelulusan Jemaah Menteri.

- 1.3 pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan SUHAKAM dan masyarakat sivil melalui sesi libat urus dan usahasama;

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menerusi BHEUU sentiasa melibatkan SUHAKAM dalam sesi libat urus dan usahasama yang dijalankan.

- 1.4 keputusan untuk memansuhkan hukuman mati dan pelaksanaan moratorium;
- 1.5 menanggukkan penggunaan Akta Hasutan 1948 (Akta 15), penubuhan Jawatankuasa Khas untuk

menilai Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), serta penilaian penangguhan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 (Akta 769);

- 1.6 pembaharuan institusi kehakiman;
- 1.7 rancangan Malaysia ke-11 – meningkatkan piawai sosio-ekonomi rakyat dan mengurangkan kadar jurang kemiskinan;
- 1.8 Perjanjian Ketua Menteri dan Kerajaan untuk menetapkan umur perkahwinan kepada 18 tahun;
- 1.9 berhubung hak wanita, Malaysia telah melepasi sasaran 30 peratus dengan mempunyai 35 peratus wanita dalam jawatan pembuat keputusan;
- 1.10 berhubung hak orang kurang upaya, Malaysia telah beralih daripada “pendekatan berasaskan kebajikan” kepada “pendekatan berasaskan hak”;

- 1.11 Laporan Tahunan SUHAKAM akan dibincangkan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan pelantikan Pesuruhjaya akan diluluskan oleh Jawatankuasa Parlimen; dan

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Proses penyediaan dokumentasi Memorandum Jemaah Menteri bagi membolehkan Laporan Tahunan SUHAKAM dibincangkan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat berada di peringkat akhir penyediaan dan akan dibincangkan di Parlimen setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Manakala proses pelantikan Pesuruhjaya tertakluk kepada proses cadangan pindaan Akta SUHAKAM 1999 (Akta 357) yang sedang dijalankan.

- 1.12 kemajuan dalam cara-cara kerajaan menjalankan UPR - dengan melihat kepada syor-syor yang diambil maklum semasa kitaran terdahulu, menjalankan penilaian separuh penggal untuk memantau kemajuan pelaksanaan syor-syor dan menginstitusikan usahasama dan libat urus bersama SUHAKAM dan CSO.

# SENARAI SINGKATAN

<b>AADK</b>	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
<b>ACTIP</b>	Konvensyen ASEAN Bagi Menentang Pemerdagangan Manusia Terutama Membabitkan Wanita dan Kanak-Kanak
<b>AICHR</b>	Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia
<b>ACT4CAT</b>	<i>Act for Convention Against Torture Campaign</i>
<b>AGC</b>	Jabatan Peguam Negara
<b>ATD</b>	Alternatif kepada penahanan
<b>ATHAM</b>	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
<b>ATIPSOM</b>	Pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
<b>ASEAN</b>	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
<b>APF</b>	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
<b>APT</b>	<i>Association for the Prevention of Torture</i>
<b>BN</b>	Barisan Nasional
<b>CAT/UNCAT</b>	Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah
<b>CCRC</b>	<i>Cure and Care Rehabilitation Centre</i>
<b>CCVC</b>	<i>Cure and Care Vocational Centre</i>
<b>C&amp;C</b>	<i>Cure and Care Clinic</i>
<b>CCTV</b>	Kamera litar tertutup
<b>CEDAW</b>	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita
<b>CEO</b>	Ketua Pegawai Eksekutif
<b>CEP</b>	<i>Council of Eminent Persons</i>
<b>CENTHRA</b>	Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia
<b>CFNHRI</b>	Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia
<b>CRC</b>	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
<b>CRPD</b>	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya



<b>CSO</b>	Organisasi Masyarakat Sipil
<b>CTI</b>	Konvensyen Inisiatif Menentang Penyeksaan
<b>CTC</b>	Pusat Tranformasi Komuniti
<b>CMU</b>	<i>Custodial Medical Unit</i>
<b>CHRP</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Filipina)
<b>DBKL</b>	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
<b>EPU</b>	Unit Perancang Ekonomi
<b>FELDA</b>	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
<b>FGV</b>	Felda Global Ventures Holdings Berhad
<b>GANHRI</b>	Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan
<b>GIACC</b>	Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional
<b>HRC</b>	Majlis Hak Asasi Manusia
<b>ICCPR</b>	Konvenan Antarabangsa Mengenai Hak Sipil dan Politik
<b>ICPPED</b>	Konvensyen Antarabangsa Tentang Perlindungan Semua Orang daripada Tindakan Kehilangan Paksa
<b>ICESCR</b>	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
<b>ICRMW</b>	Konvensyen Antarabangsa Tentang Perlindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka
<b>ICERD</b>	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi
<b>IACHR</b>	<i>Inter-American Commission on Human Rights</i>
<b>IKS</b>	Industri kecil dan sederhana
<b>IRC</b>	Jawatankuasa Pembaharuan Institusi
<b>IDC</b>	Gabungan Penahanan Antarabangsa
<b>IPD</b>	Ibu Pejabat Polis Daerah
<b>ILO</b>	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
<b>IOM</b>	Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi
<b>IPCMC</b>	Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis
<b>INTAN</b>	Institut Tadbiran Awam Negara

<b>ILKAP</b>	Insittut Latihan Kehakiman dan Perundangan
<b>JAKIM</b>	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<b>JAWI</b>	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
<b>JAKOA</b>	Jabatan Kemajuan Orang Asli
<b>JPNIN</b>	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
<b>JASA</b>	Jabatan Hal Ehwal Khas
<b>JPN</b>	Jabatan Pendaftaran Negara
<b>JKKMAR</b>	Jawatankuasa Khas Mengenai Anti-Rasuah
<b>Komnas HAM</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan (Indonesia)
<b>KPWKM</b>	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KDN</b>	Kementerian Dalam Negeri
<b>KLN</b>	Kementerian Luar Negeri
<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>KSM</b>	Kementerian Sumber Manusia
<b>Konvensyen Pelarian 1951</b>	Konvensyen Berhubung Status Pelarian
<b>LGBT</b>	Lesbian, gay, biseksual dan transgender
<b>AMPU</b>	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
<b>MAPO</b>	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
<b>MERHOM</b>	Pertubuhan Hak Asasi Manusia Etnik Rohingya Myanmar Malaysia
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan
<b>MoU</b>	Memorandum Persefahaman
<b>MRSM</b>	Maktab Rendah Sains Mara
<b>NAPBHR</b>	Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia
<b>NCR</b>	Hak Tanah Adat Orang Asal
<b>NGO</b>	Badan bukan Kerajaan

<b>NHRAP</b>	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan
<b>NHRI</b>	Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan
<b>NI</b>	Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli di Malaysia
<b>NIM</b>	<i>Norwegian National Human Rights Institution</i>
<b>NKRA</b>	Bidang Keberhasilan Utama Negara
<b>NAMFREL</b>	<i>National Citizens' Movement for Free Elections</i>
<b>NHRC</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional India
<b>OHCHR</b>	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia
<b>OIC</b>	Pertubuhan Kerjasama Islam
<b>OSA</b>	Akta Rahsia Rasmi 1972
<b>OKU</b>	Orang Kurang Upaya
<b>PEMANDU</b>	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
<b>POCA</b>	Akta Pencegahan Jenayah 1959
<b>PULAPOL</b>	Pusat Latihan Polis
<b>PPR</b>	Projek Perumahan Rakyat
<b>PT3</b>	Penilaian Tingkatan 3
<b>PRU-14</b>	Pilihan Raya ke-14
<b>PSC</b>	Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen
<b>PDRM</b>	Polis Diraja Malaysia
<b>RELASIS</b>	Briged RELA Siswa Siswi
<b>SAR</b>	Sekolah Agama Rakyat
<b>SPR</b>	Suruhanjaya Pilihan Raya
<b>SPRM</b>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<b>SDG</b>	Matlamat Pembangunan Lestari PBB
<b>SEANF</b>	Forum Institusi Hak Asasi Kebangsaan Asia Tenggara
<b>SUARAM</b>	Suara Rakyat Malaysia

<b>SUHAKAM</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
<b>SOSMA</b>	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012
<b>SOP</b>	Prosedur operasi standard
<b>SOGIE</b>	Orientasi seksual, identiti dan ekspresi gender
<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
<b>TIP</b>	Laporan Pemerdagangan orang
<b>TOT</b>	Latihan kepada Jurulatih
<b>TVPA</b>	Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat 2000
<b>TFT</b>	The Forest Trust Sdn Bhd
<b>UDHR</b>	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
<b>UIAM</b>	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>USM</b>	Universiti Sains Malaysia
<b>UMP</b>	Universiti Malaysia Pahang
<b>UniSZA</b>	Universiti Sultan Zainal Abidin
<b>UniKL</b>	Universiti Kuala Lumpur
<b>UNIMAS</b>	Universiti Malaysia Sarawak
<b>UNIMAP</b>	Universiti Malaysia Perlis
<b>UUM</b>	Universiti Utara Malaysia
<b>UMS</b>	Universiti Malaysia Sabah
<b>UN</b>	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
<b>UNDRIP</b>	Perisytiharan Hak Orang Asal PBB
<b>UNDP</b>	Program Pembangunan PBB
<b>UNGP</b>	Prinsip-prinsip Panduan PBB
<b>UNHCR</b>	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian
<b>UNICEF</b>	Tabung Kanak-kanak PBB

<b>UNTOC</b>	Konvensyen PBB Membanteras Jenayah Terancang Merentasi Sempadan
<b>UNISEL</b>	Universiti Selangor
<b>UNGA</b>	Perhimpunan Agung PBB
<b>UNESCO</b>	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB
<b>UNAM</b>	Persatuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia
<b>UNPFII</b>	Forum Tetap PBB Mengenai Isu Orang Asli
<b>UPSI</b>	Universiti Pendidikan Sultan Idris
<b>UPSR</b>	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
<b>USAS</b>	Universiti Sultan Azlan Shah
<b>UPR</b>	Penilaian Penggalan Sejagat



**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2019  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
email: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773





DISELARASKAN OLEH:

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62692 PUTRAJAYA

Tel: 03-8885 1000 Fax: 03-8885 1048 / 03-8885 1051

Web: [www.bheuu.gov.my](http://www.bheuu.gov.my)

ISSN 2289-6562



9 772289 656001